

# ZAKRY ABADI

“... TIDAK ADA  
BANGSA ATAUPUN  
NEGARA YANG  
BOLEH MENGA-  
SINGKAN DIRI  
DARIPADA PE-  
RUBAHAN YANG  
BERLAKU DI  
SELURUH DUNIA  
MODEN INI...”

- *Dr. Mahathir*



# MELAYU BARU

MENGISI WAWASAN PERDANA MENTERI

7A-169

# MELAYU BARU

MENGISI WAWASAN PERDANA MENTERI

# MELAYU BARU

MENGGISI WAWASAN PERDANA MENTERI

ZAKRY ABADI

125903

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

29 DEC 1993



Unit Penerbitan Buku  
INTISARI SEKUTU (M) SDN BHD  
1993

Cetakan Pertama Ogos 93

@ Hakcipta Zakry Abadi

ISBN 983-896-000-4

HAKCIPTA TERPELIHARA. TIDAK DIBENARKAN MENGELUARKAN  
MANA-MANA BAHAGIAN ARTIKEL, GAMBAR-GAMBAR DAN ISI  
KANDUNGAN BUKU INI DALAM APA JUGA BENTUK ATAU  
DENGAN APA CARA PUN SAMA ADA SECARA ELEK-  
TRONIK, FOTOKOPI, MEKANIK, RAKAMAN ATAU  
CARA LAIN SEBELUM MENDAPAT IZIN  
BERTULIS DARIPADA PENERBIT.

Diatur huruf oleh  
Intisari Sekutu (M) Sdn. Bhd.  
Muka Taip Teks: Times  
Saiz Taip Teks: 11/12

Penerbit:  
Intisari Sekutu (M) Sdn. Bhd.  
2756C, Jalan Changkat Permata,  
53300 Taman Permata,  
Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:  
PERCETAKAN POLYGRAPHIC (M) SDN. BHD.  
Lot 21, Jalan 3A, Kawasan Perusahaan Cheras Jaya,  
Balakong Batu 11, 43200 Cheras,  
Selangor Darul Ehsan.

Harga: RM 13.00

# PRAKATA EDITOR

MELAYU BARU menjadi topik yang hangat diperkatakan di mana-mana. Gagasan ini diperkenalkan oleh Dr. Mahathir Mohammad ketika berucap di Perhimpunan Agung UMNO 1991 lalu. Gagasan ini merupakan strategi besar ke arah pembentukan bangsa Melayu Baru yang berwibawa, cekal menghadapi cabaran tetapi tetap sebagai orang Melayu yang berpegang teguh kepada warisan budayanya dan Islam sebagai teras kepada kekuatan spritualnya.

Selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB), orang Melayu kini berhadapan pula dengan gagasan baru yang lebih mencabar. Dr. Mahathir melalui Wawasan 2020 melihat kekuatan Melayu perlu dipulihkan semula setelah begitu lama pemikiran mereka dijajah. Mereka harus menjadi bangsa yang ada peningkatan dalam abad ke 21 nanti terutama dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju di rantau ini.

Mampukah orang Melayu memikul tanggungjawab yang diamanah oleh Dr Mahathir ini? Ramai pengkaji sosial menaruh keyakinan bangsa Melayu boleh mengulangi sejarah besar di rantau ini kerana mereka pernah mencipta sejarah gemilang sewaktu kesultanan Melayu Melaka berada di puncaknya. Tidak mustahil sejarah itu akan berulang kembali bahkan bangsa Melayu diramal mampu memimpin dunia Islam dalam abad akan datang.

Dalam membicarakan persoalan Melayu Baru, penulis buku ini turut menyentuh peranan ahli-ahli politik Melayu khususnya Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib yang mara ke hadapan dalam visinya. Beliau tidak hanya menjadi pemerhati dari jauh terhadap Wawasan 2020, tetapi telah merangka sebuah program besar menjadikan Selangor sebuah negeri maju menjelang tahun 2005. Gagasan ini tidak jauh bezanya dengan Wawasan 2020. Dengan rekod kepimpinannya yang cemerlang, kita yakin gagasan ini akan menjadi kenyataan.

Buku *Melayu Baru - Mengisi Wawasan Perdana Menteri* karya Zakry Abadi ini dituju khusus kepada orang Melayu, para pemimpin Melayu dan sesiapa sahaja yang ingin memahami konsep Melayu Baru serta cabaran-cabaran yang bakal dihadapi. Bagi melengkapkan kandungan buku ini dimuatkan ucapan penting Dr. Mahathir dan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib yang menyangkut persoalan Melayu Baru.

Harapan kami semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada pembaca khususnya mereka yang ingin melihat bangsa Melayu mencipta sejarah yang gemilang menjelang tahun 2020.

EDITOR

# KATA PENGANTAR

DALAM rangka menjadikan negara Malaysia sebuah negara maju, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad telah mengemukakan satu gagasan apa yang dinamakan Wawasan 2020. Di dalam Wawasan tersebut, terdapat sembilan cabaran yang perlu diisi dan dilaksanakan oleh rakyat Malaysia seluruhnya.

Dalam konteks ini, bangsa Melayu sebagai satu bahagian daripada rakyat Malaysia, telah diberi sorotan yang luas dan serius oleh Dr. Mahathir Mohamad di dalam wawasan tersebut. Keseriusan tersebut ditumpukan kepada matlamat bagaimana supaya bangsa Melayu itu dapat memenuhi dan mengambil bahagian aktif di dalam wawasan tersebut. Keperluan untuk mewujudkan keaktifan bangsa Melayu di dalam konteks Wawasan 2020 itu ialah supaya kemajuan yang hendak dicapai di dalam wawasan tersebut dapat dikongsi dan dinikmati bersama oleh bangsa Melayu dan bangsa-bangsa yang lain secara lebih menyeluruh.

Di dalam buku ini, saya cuba menyorot persoalan yang

wujud di dalam rangka Wawasan 2020 itu, khasnya yang berkaitan dengan penglibatan bangsa Melayu di dalamnya. Menurut Dr. Mahathir, untuk melibatkan bangsa Melayu di dalam rangka Wawasan itu, bangsa Melayu perlulah mengubah sifat, sikap haluan perjuangannya menjadi satu watak yang lebih canggih, iaitu menjadi bangsa Melayu Baru.

Konsep Melayu Baru ini telah menjadi satu topik yang hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak, termasuk pemimpin politik, ahli-ahli akademik, penulis-penulis politik, ahli-ahli teknokrat dan sebagainya. Kebanyakan daripada mereka mempunyai pendapat yang berbeza tentang konsep Melayu Baru itu, walaupun pada umumnya mereka bersetuju bahawa sebuah negara yang maju mestilah dibangunkan dengan syarat bangsa Melayu Baru itu tidak mengetepikan nilai-nilai budaya dan agama yang menjadi pegangan mereka.

Salah seorang pemimpin politik yang saya amat komited dengan gagasan Melayu Baru ini ialah Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, Menteri Besar Selangor. Berbanding dengan tokoh-tokoh politik yang lain, beliau nampaknya lebih serius dan amat sensitif apabila menyentuh soal konsep Melayu Baru ini. Berdasarkan komitmennya itu, saya cuba membuat sorotan yang utama terhadap pendapat dan pendiriannya dalam buku ini. Dengan menyorot keprihatinan beliau di dalam konsep ini, tidak bermakna bahawa pemimpin-pemimpin politik yang lain tidak komited dan tidak serius di dalam usaha mengubah watak bangsa kita menjadi suatu bangsa yang bergelar Melayu Baru. Sorotan utama yang saya berikan kepada tokoh politik dari Selangor ialah kerana beliau mempunyai pendirian dan sikap yang lebih peka terhadap konsep itu dari segi buruk dan baiknya. Bahawa justeru bangsa Melayu itu mestilah dibina dan berakar kepada sikap nasionalisme dan berfikiran kepada internationalisme.

Selain dari pemikiran-pemikiran yang baik yang



dikemukakan oleh Tan Sri Muhammad ini, saya juga telah menyorot beberapa pandangan dan kritikan yang dikemukakan oleh beberapa orang pemikir lain, termasuklah dua orang penulis yang agak terkenal sekarang. Mereka ialah Sdr. Chamil Wariya, seorang wartawan politik yang amat giat menghasilkan buku-buku politik semasa dan seorang kolumnis semasa, Sdr. Rustam A. Sani yang banyak menulis tentang isu-isu semasa yang amat menarik perhatian pembaca.

Chamil, ketika mengemukakan pendapatnya berkata bahawa usahawan-usahawan Melayu tidak boleh berbangga di atas kejayaan mereka itu, jika taraf kejayaan mereka hanya bertaraf 'jaguh kampung' semata-mata. Mereka hendaklah menjadikan kedudukan mereka sebagai 'jaguh kampung' itu untuk membina dan meningkatkan kekuatan mereka ke tingkat yang lebih tinggi, iaitu pada peringkat serantau, wilayah dan sejagat.

Sdr. Rustam berpendapat bahawa masalah utama yang dihadapi oleh bangsa Melayu hari ini ialah untuk menjadi bangsa pentakrif bagi gagasan bangsa Malaysia yang moden, iaitu masalah yang dinamakan 'masalah kedangkalan budaya'.

Menurut Rustam, cabaran terbesar dan penting yang perlu diatasi oleh bangsa kita ialah mengkaji kesan-kesan yang berlaku di dalam proses kedangkalan budaya kita di dalam hubungannya dengan pembentukan Melayu Baru. Menurut beliau lagi, nyatalah bahawa dalam upaya kita membentuk bangsa Melayu Baru, kita amat memerlukan sebuah transformasi sosio-budaya yang agak radikal sifatnya.

Selain dari Chamil dan Rustam, saya juga telah menyorot dua pendapat ilmuan lain yang tidak kurang pentingnya dari segi pandangan yang konstruktif, iaitu pandangan daripada Dr. Siddiq Fadzil dan pandangan Prof. Khoo Kay Kim pakar sejarah dari Universiti Malaya. Menurut Dr. Siddiq melalui bukunya 'Minda Melayu Baru' bahawa teras kepada pembentukan Melayu Baru

haruslah berlandaskan kepada Islam sebagai agama pemersatu umat dan satu cara hidup yang dinamik. Pro. Khoo Kay Kim pula berkata bahawa nampaknya kefahaman Melayu Baru yang hendak dibentuk itu lebih cenderung kepada kesungguhan untuk menguasai dunia korporat, teknokrat dan ekonomi. Masalah yang berkaitan dengan budaya yang juga tidak kurang pentingnya semacam dipinggirkan dan dilupakan.

Menurut Prof. sejarah itu, masyarakat Melayu kini sedang menghadapi perubahan yang pesat selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Perubahan ini, jika tidak diawasi oleh kepimpinan kita, ia mudah menjurus kepada kekeliruan bahawa untuk membentuk nilai Melayu Baru, mereka seolah-olah mesti mengorbankan beberapa nilai lama yang lebih murni. Umpamanya perbuatan rasuah itu sepatutnya dibanteras, tetapi ada kalanya, demi memenuhi matlamat Melayu Baru atau apa sahaja yang bersifat baru, perbuatan itu seolah-olah dibenarkan bagi menghalalkan cara.

Demikianlah antara lain beberapa pendapat dan pandangan yang menjadi sorotan saya di dalam buku ini. Sudah tentu bahawa dari satu segi, kandungan buku ini semacam mahu menonjolkan pendapat dan kegiatan seorang tokoh politik yang komited di dalam konteks Melayu Baru ini. Tetapi mengingatkan bahawa persoalan ini penting dirakam dan ditulis untuk menjadi bahan menungkan kita bersama, maka perkara penonjolan seseorang tokoh itu menjadi semacam kebetulan, tetapi lebih relevan di dalam konteks kandungan dan isi yang dibahaskan ini.

Mudah-mudahan kandungan buku ini ada manfaatnya kepada pembaca.

ZAKRY ABADI

10 Ogos, 1993

Kuala Lumpur.

# K A N D U N G A N

**Prakata Editor**

**Kata Pengantar**

**Bab Satu**  
**PENCETUS IDEA MELAYU BARU**  
m.s 1

**Bab Kedua**  
**VISI TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHD TAIB**  
m.s 27

**Bab Ketiga**  
**MEMBINA SAHSIAH BANGSA**  
m.s 42

**Bab Keempat**  
**APA SALAHNYA MELAYU LAMA?**  
m.s 54

**Bab Kelima**  
**MINDA BARU USAHAWAN MELAYU**  
m.s 62

**Bab Keenam**  
**VIRUS YANG MENGGUGAT MELAYU**  
m.s 68

**Bab Ketujuh**  
**DILEMA & CABARAN**  
m.s 79

**Bab Kelapan**  
**SEKITAR AKTIVITI MB SELANGOR (FOTO)**  
m.s 99

**Bab Kesembilan**  
**TAHUN KERAMAT YANG DINANTIKAN**  
m.s 122

**Bab Kesepuluh**  
**MENANGANI ISU KEMISKINAN**  
m.s 156

**Bab Kesebelas**  
**SELANGOR PEJUANG SASTERA**  
m.s 169

**Rujukan**



■ Pidatonya tentang gagasan Melayu Baru membakar semangat, bernas dan berkesan. Tidak hairanlah kalau Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib dianggap oleh pemerhati politik sebagai pendokong utama gagasan yang diilhamkan oleh Dr. Mahathir itu.



# PENCETUS IDEA MELAYU BARU

KONSEP pembentukan Melayu Baru semakin rancak diperkatakan. Sekarang pemimpin politik, cerdik pandai dan pelbagai peringkat orang Melayu berhujah tentang maksud dan nilai-nilai yang perlu ada bagi merubah sikap dan minda orang Melayu ke arah mewujudkan Melayu Baru.

Sesetengah pihak menyifatkan konsep Melayu Baru itu sendiri ditakrifkan sebagai bangsa Melayu moden yang memiliki karisme untuk menangani pelbagai masalah yang bakal dihadapi menjelang abad ke-21.

Pengulas-pengulas isu politik tanah air, menggunakan konsep ini untuk membezakan politik Melayu Baru dengan politik Melayu lama. Ada pihak mendefinisikan Melayu Baru berdasarkan objektif ekonomi masyarakat Melayu pada masa depan, dengan penekanan bahawa ahli-ahli perniagaan akan menjadi golongan yang menguasai politik masyarakat Melayu kelak.

Selain mendapat ransangan daripada wawasan Perdana Menteri, kita juga dihimbau oleh ramalan optimistik mengenai

rantau pasifik yang akan segera menjadi pusat perkembangan ekonomi dunia.

Stevan Schollosstein yang terkenal dengan bukunya *The End of the American Century* (Berakhirnya Kurun Amerika), sekali lagi menarik perhatian kita dengan bukunya *Asia's New Little Dragons: The Dynamic Emergence of Indonesia, Thailand and Malaysia* (Naga-naga Kecil Asia yang baru. Kemunculan Dinamik Negara-Negara Indonesia, Thailand dan Malaysia)

Dalam pada itu, beberapa pihak juga bimbang bahawa Melayu Baru yang akan muncul pada tahun 2020 nanti akan jauh meninggalkan nilai-nilai agama atau orang Melayu akan cuma mengutamakan kebendaan tanpa mengira halal haram dalam mengaut keuntungan ekonomi. Melayu yang mempunyai watak sedemikian boleh dianggap sebagai binatang ekonomi di dalam masyarakat bangsanya. Soalnya apakah watak Melayu seumpama ini menepati konsep Melayu Baru dalam abad ke-21 nanti?

Ramai juga yang mengemukakan persoalan tentang - Apakah yang harus 'baru' pada Melayu Baru itu? Apakah ini bererti akan berulang lagi zaman polemik kebudayaan yang pernah berlaku di Indonesia dan Malaya dalam tahun-tahun lima puluhan dulu, iaitu zaman mencari-cari asas pembinaan tamaddun baru, zaman generasi awal abad ini yang terpaksa membuat pilihan sama ada akan kembali kepada akar budaya sendiri (budaya Islam yang gerhana) atau mengambil tamaddun barat yang sedang gemerlap itu.

Sejarah telah mengajar kita bahawa memutuskan diri daripada akar budaya sendiri dan menerima budaya asing secara total, tidak dapat menjadikan sesuatu bangsa itu akan maju. Turki moden adalah contoh klasik tentang kegagalan suatu bangsa untuk maju, kuat dan makmur dengan memutuskan dirinya daripada agama dan akar budaya tradisinya lalu memilih jalan sekularisasi dan pembaratan.

Sebaliknya Jepun berjaya muncul sebagai raksasa industri tanpa mencabut dirinya daripada akar budaya tradisi. Memang dalam batas-batas tertentu Jepun, telah menerima pengaruh barat, tetapi ia memperolehi kekuatan asasnya daripada warisan budaya tradisinya sendiri, iaitu ajaran Zen Buddhism. Demikian jugalah dengan Taiwan yang mengasaskan kekuatannya pada ajaran Konfusianisme.

Semua persoalan ini memerlukan analisis yang lebih terperinci oleh orang Melayu sendiri. Apakah mereka akan memandang ke timur atau ke barat dalam menentukan arah Melayu Baru dalam abad ke-21 nanti, semuanya mestilah dikenal pasti dengan jelas, agar perjalanan kita menuju matlamat tersebut tidak menyimpang daripada landasan sebenar.

Bagi Dr. Mahathir Mohamad, konsep Melayu Baru yang beliau mahu ialah membentuk bangsa berbudaya dan berkualiti yang sesuai dengan aliran zaman. Melayu baru yang sanggup menghadapi segala cabaran, bersaing tanpa bantuan, yang terpelajar dan berilmu, canggih dan cekap.

Dr. Mahathir telah menjadi pencetus kepada idea Melayu Baru ini. Dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1991. Beliau antara lain berkata bahawa *"Zaman beredar dan semuanya beredar dan berubah dengannya. Mereka yang tidak sanggup berubah akan ketinggalan zaman. Tidak ada bangsa ataupun negara yang boleh mengasingkan diri daripada perubahan yang berlaku di seluruh dunia moden ini,"*

Kerana itu Perdana Menteri menyarankan agar disegerakan usaha melahirkan sebuah bangsa Melayu dan bumiputera baru, yang canggih untuk mengambil tempat yang sewajarnya di dalam dunia moden ini. Ucapan tersebut merupakan satu peringatan perdana, yang menggariskan asas-asas pembentukan bangsa Melayu Baru.

Sesungguhnya gagasan Melayu Baru yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir itu merupakan idea besar laksana sembo-

yan perang kepada seluruh orang Melayu di negara ini. Sepanjang sejarah khususnya selepas kejatuhan Melaka pada tahun 1511, bangsa Melayu tidak banyak mencipta sejarah besar seperti bangsa-bangsa di Eropah dan Asia barat. Penentangan terhadap Malayan Union bagaimanapun adalah satu episod sejarah yang boleh dibanggakan oleh orang Melayu.

Selepas merdeka, orang Melayu juga berjaya meningkatkan kemajuan mereka. Tetapi pencapaiannya agak lembab. Bagaimanapun di zaman Dr. Mahathir pencapaian orang Melayu begitu menonjol dalam pelbagai lapangan. Bilangan intelektual Melayu semakin bertambah dan sebilangan mereka kini memegang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan serta bergiat cergas dalam parti UMNO. Orang Melayu juga muncul sebagai tokoh-tokoh korporat yang menguasai syarikat-syarikat gergasi.

Kejayaan ini memang menggembirakan. Tetapi ianya tidak harus melalaikan kita daripada melihat cabaran serta persaingan yang bakal dihadapi di masa depan khususnya menjelang tahun 2020 nanti. Orang Melayu bukan sahaja akan menghadapi persaingan daripada kaum lain di negara ini, tetapi persaingan daripada masyarakat antarabangsa, khususnya dalam lapangan ekonomi.

Atas kesedaran inilah Dr. Mahathir mengemukakan idea pembentukan Melayu Baru dengan harapan orang Melayu akan mampu dalam apa jua cabaran di masa depan. Orang Melayu mesti keluar dari dunia yang sempit. Kalau selama ini mereka cuma menjadi peniaga kecil, tetapi sekarang mereka mesti meneroka lapangan perniagaan yang lebih mencabar.

Kalau seorang petani kampung pula, mereka mesti menjadi petani moden yang menguasai semua teknologi pertanian terkini. Kalau seorang pelajar, mereka mesti menjadi intelektual yang berjaya dan kalau seorang ahli politik, mereka mesti



menunjukkan mutu kepimpinan yang terbaik.

Gagasan Melayu Baru yang dipelopori oleh Dr. Mahathir itu mendapat perhatian yang serius daripada segenap pemimpin Melayu tanahair. Mereka memberi pelbagai komen yang bernas daripada pelbagai perspektif. Tokoh-tokoh akademik dan sejarawan juga tidak ketinggalan, di mana pelbagai bengkel dan seminar mengenai konsep Melayu Baru telah diadakan. Rumusan demi rumusan dihasilkan bagi mencari kesimpulan kepada konsep Melayu Baru itu.

Kita gembira kerana rata-rata orang Melayu menunjukkan tindakbalas yang baik terhadap konsep yang diasaskan oleh Dr. Mahathir ini. Kesedaran ini mencerminkan orang Melayu kini semakin insaf betapa mereka perlu menjadi bangsa yang lebih kuat dan lebih berwibawa daripada zaman silam. Orang Melayu mesti menjadi bangsa yang disegani dan dihormati oleh dunia.

Sebelum kita membincangkan konsep Melayu Baru dalam konteks yang lebih luas, ada baiknya kita meneliti petikan ucapan Dr. Mahathir yang bertajuk: Langkah Ke Hadapan (Wawasan 2020).

Ini kerana pembentukan Melayu Baru mempunyai hubungan rapat dengan ucapan Wawasan 2020 dan ucapan Perdana Menteri ini menghuraikan beberapa perspektif bentuk negara dan bangsa Melayu menjelang tahun 2020. Berikut ini adalah lampiran ucapan tersebut:

\* Tujuan kertas kerja ini ialah untuk mengemukakan kepada anda beberapa pandangan mengenai arah masa depan negara kita dan bagaimana kita patut berusaha mencapai matlamat membangunkan Malaysia menjadi negara perindustrian. Turut digariskan ialah beberapa langkah yang patut diambil dalam jangka pendek gabungan asas bagi perjalanan jauh mencapai matlamat utama itu.

**Adalah diharapkan rakyat Malaysia yang dilahirkan hari ini**

dan pada tahun-tahun akan datang, akan menjadi generasi terakhir warganegara kita yang tinggal di negara yang di gelar "membangun". Matlamat utama yang kita tuju ialah Malaysia yang menjadi negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Apakah anda mungkin bertanya, "negara maju sepenuhnya"? Adakah kita mahu menjadi seperti United Kingdom, Kanada, Holland, Sweden, Finland atau Jepun? Sebagai kepastian, setiap daripada masyarakat dunia yang mempunyai lebih 160 negara, mempunyai kekuatan tersendiri. Tetapi setiap negara itu juga mempunyai kelemahannya. Tanpa meniru salah satu negara berkenaan, kita masih boleh membangun. Kita patut menjadi negara maju mengikut cita rasa kita.

Malaysia patut dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang; ekonomi, politik, sosial, kejiwaan, psikologi dan kebudayaan. Kita mesti maju dalam erti kata perpaduan nasional dan sosial, dalam erti kata ekonomi kita, dalam erti kata keadilan sosial, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kejiwaan, maruah bangsa dan keyakinan.

Menjelang tahun 2020, Malaysia boleh menjadi negara bersatu, dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing, dinamik, giat dan kental.

Tidak akan wujud Malaysia yang maju sepenuhnya sehingga kita akhirnya mengatasi sembilan cabaran strategik yang kita hadapi sejak kelahiran kita sebagai negara merdeka.

**Cabaran pertama** ialah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegrasi diperingkat wilayah dan kaum, hidup dalam harmoni, bekerjasama

sepenuhnya, secara adil dan didokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

**Cabaran kedua** ialah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai, gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecermerlangan, sedar semua kemampuannya, tidak mengalah kepada sesiapa dan dihormati oleh rakyat negara lain.

**Cabaran ketiga** yang sering kita hadapi adalah usaha mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, mengamalkan satu bentuk persefahaman matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada banyak negara membangun.

**Cabaran keempat** ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika paling tinggi.

**Cabaran kelima** yang selalu kita alami ialah untuk mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, yang mana rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamalkan adat, kebudayaan dan kepercayaan agama mereka dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada negara.

**Cabaran keenam** ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada tamaddun saintifik dan teknologi masa depan.

**Cabaran ketujuh** ialah untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang

mana kebajikan insan tidak akan berkisar kepada negara atau orang persaan tetapi disekeliling sistem keluarga yang kukuh.

**Cabaran kelapan** ialah cabaran untuk memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Ini adalah masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, yang mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi dan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum.

**Cabaran kesembilan** ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

Kita sudah lama berusaha untuk mencapai matlamat berkenaan. Sembilan matlamat utama yang dinyatakan itu tidak semestinya menjadi keutamaan kita untuk tiga dekad akan datang. Sebenarnya keutamaan dalam satu-satu masa mesti memenuhi keadaan khusus pada satu-satu masa itu.

Tetapi agak memeranjatkan jika cabaran strategik pertama yang saya sebutkan - mewujudkan negara Malaysia yang bersatu - tidak menjadi keutamaan yang paling asas.

Oleh kerana apa yang akan saya katakan banyak tertumpu kepada pembangunan ekonomi, biar saya tekankan sekali lagi bahawa pembangunan sepenuhnya ke arah masyarakat maju yang kita cita-cita walau macam mana setiap daripada kita mahu mentafsirkannya- tidak boleh dimaksudkan kepada kemajuan kebendaan dan ekonomi sahaja. Pembangunan ekonomi tidak harus menjadi satu-satunya matlamat paling utama untuk memenuhi keperluan negara kita.

Oleh kerana Majlis ini perlu menumpukan kepada isu pembangunan ekonomi dan keadilan sosial ekonomi, yang mana setiap bangsa perlu bekerjasama untuk masa depan yang

lebih cerah, biar saya jelaskan tanggapan mengenai cabaran strategik utama yang berkaitan dengan dua matlamat utama ini.

Pada ketika ini adalah lebih baik untuk menjelaskan dengan lebih terperinci matlamat mewujudkan keadilan ekonomi dan masyarakat.

Dalam dua mata serampang Dasar Ekonomi Baru (DEB), tidak ada sesiapa pun yang menentang pembasmian kemiskinan mutlak - tanpa mengira kaum dan kedudukan geografi. Semua rakyat Malaysia samada mereka yang tinggal di kawasan bandar atau luar bandar, sama ada mereka di selatan, utara, timur atau barat, mesti dinaikkan daripada garis kemiskinan mutlak.

Negara ini mesti mampu menyediakan cukup makanan di atas meja supaya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia mengalami masalah kekurangan zat makanan. Kita mesti menyediakan keperluan asas yang cukup seperti tempat tinggal, hak mendapatkan kemudahan kesihatan dan semua keperluan asas. Malaysia maju mempunyai kelas menengah yang besar dan bertenaga dan menyediakan peluang penuh untuk mereka di peringkat bawahan bagi membolehkan keluar dari lubang kemiskinan relatif.

Mata serampang kedua, iaitu memansuhkan pengenalan kaum berasaskan fungsi ekonomi utama juga diterima umum kecuali ada anggapan bahawa ia boleh dicapai tanpa mengubah sebarang kedudukan. Jika kita ingin membina masyarakat adil, kita mesti menerima beberapa tindakan perlu. Ini bermakna dalam pelbagai sektor pekerjaan, ia patut mempunyai campuran pelbagai kaum yang mewujudkan negara Malaysia.

Melalui usaha yang sah, kita mesti memastikanimbangan yang adil dalam profesion dan semua kategori pekerjaan. Sudah tentu kita juga mesti berminat dalam mutu. Tetapi kita perlu memastikan pembangunan sihat bagi masyarakat bumiputera yang mampu dan gigih dalam bidang pembangunan

dan perindustrian.

Malaysia maju tidak patut mempunyai masyarakat yang mengaitkan kekayaan ekonomi dengan kaum. Ini tidak mencerminkan kesaksamaan pendapatan individu, keadaan di mana semua rakyat Malaysia mempunyai pendapatan yang sama. Ini adalah mustahil kerana usaha tersendiri kita sebagai individu, cara didikan hidup dan kehendak peribadi kita, nilai yang berbeza. Kesaksamaan dalam pendapatan individu sebagaimana yang dikemukakan oleh sosialis dan komunis bukan sahaja mustahil tetapi tidak sesiapa mahukannya dan ia adalah formula untuk kehancuran.

Tetapi saya yakin bahawa merapatkan jurang pendapatan kaum, melalui peruntukan secara sah peluang-peluang, melalui persamaan yang lebih dekat berhubung perkhidmatan sosial dan infrastruktur, melalui pembangunan sumber manusia sepenuhnya, adalah perlu dan memang dikehendaki. Kita mesti menanamkan cita-cita menjelang tahun 2020 untuk mencapai tahap di mana tidak ada seorang pun dapat mengatakan kumpulan kaum tertentu adalah makmur dari segi ekonomi manakala satu kaum lagi maju. Keadaan seperti itulah yang mesti kita usahakan secara lancar, berkesan dengan adil dan penuh dedikasi.

Perkongsian penuh dalam kemajuan ekonomi bermaksud perkongsian penuh dalam kemiskinan. Ia mestilah bermaksud imbalan adil dalam penyertaan dan sumbangan semua kaum - termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak - dalam sektor ekonomi kita yang meningkat dan moden. Ianya mestilah bermaksud agihan yang adil bagi kawalan, pengawasan dan hakmilik ekonomi moden.

Untuk mencapai matlamat keadilan ekonomi dalam masyarakat, kita mesti meningkatkan program kita secara bersungguh-sungguh untuk pembangunan sumber manusia. Memang ada keperluan untuk menjamin kewujudan masyarakat

bumiputera yang mampu bersaing serta anjal dalam kegiatan ekonomi supaya ia setaraf dengan masyarakat bukan bumiputera.

Memang ada keperluan untuk revolusi mental dan perubahan budaya. Semua tugas untuk memajukan diri perlu kita lakukan sendiri. Dalam usaha memperbetulkan ketidakseimbangan ekonomi, perlu wujud penekanan penuh untuk mencapai keperluan dengan segera serta hasil yang produktif - pada kos paling rendah dari segi ekonomi dan masyarakat.

Untuk mewujudkan masyarakat makmur, kita boleh menetapkan banyak matlamat yang bersumberkan aspirasi. Saya yakin kita harus menetapkan matlamat yang munasabah (sebagai berlawanan dengan matlamat beraspirasi) untuk meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenarnya kita setiap 10 tahun di antara 1990 dan 2020. Jika kita lakukan ini, KDNK akan menjadi lapan kali lebih besar menjelang tahun 2020 berbanding 1990. KDNK kita pada tahun 1990 ialah \$115 billion. KDNK kita pada tahun 2020 patut menjadi kira-kira \$920 billion dalam nilai ringgit pada 1990.

Pertumbuhan pesat ini memerlukan pertumbuhan kita pada kadar purata kira-kira tujuh peratus (dalam nilai sebenar) setahun untuk 30 tahun akan datang. Diakui bahawa ini adalah anggaran optimis tetapi kita patut menetapkan matlamat tinggi jika kita mahu mengalakkan diri kita untuk gigih berusaha.

Kita mesti berjaga-jaga menentang "penetapan pertumbuhan" iaitu bahaya apabila memaksa untuk mencapai matlamat yang ditetapkan untuk menjamin kestabilan, mengawal kadar inflasi supaya sentiasa rendah, menjamin kadar pengekalan, membangunkan mutu hidup kita dan taraf hidup, dan pencapaian matlamat sosial lain. Ia akan menjadi usaha yang sukar dengan pelbagai kejayaan dan kelemahan. Tetapi saya yakin ini boleh dilakukan.

Pada tahun 1960-an, pertumbuhan kita adalah pada kadar purata 5.1 peratus setahun; pada 1970-an, dekad pertama DEB, pertumbuhan Malaysia adalah pada kadar purata 7.8 peratus; pada tahun-tahun kemelesetan, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 5.9 peratus setahun.

Jika kita mengambil 30 tahun lalu, KDNK kita meningkat setiap tahun dalam nilai sebenar pada kadar purata 6.3 peratus setahun. Jika kita mengambil 20 tahun lalu, pertumbuhan kita ialah pada kadar purata 6.9 peratus setahun. Apa yang diperlukan ialah tambahan bagi pertumbuhan sebanyak 0.1 peratus. Sudah pasti jika kita berusaha sepenuhnya, InsyaAllah 0.1 peratus ini dapat dicapai.

Jika kita berjaya dan andaikan pertumbuhan tahunan penduduk ialah 2.5 peratus, menjelang tahun 2020, rakyat Malaysia akan kaya empat kali ganda (dalam nilai sebenar) berbanding 1990. Itulah ukuran masyarakat makmur yang kita inginkan dan harap dapat mencapainya.

Perkara kedua dalam matlamat ekonomi kita ialah menjamin kewujudan dan ekonomi yang bersaing. Ekonomi sedemikian dapat bertahan bagi tempoh yang lebih lama, lebih dinamik, giat dan kental. Ia mesti membawa maksud, antara lain;

- \* Ekonomi yang pelbagai dan seimbang dengan sektor perindustrian yang matang dan luas, sektor pertanian yang matang dan maju dan sektor perkhidmatan yang berkesan dan produktif serta matang.

- \* Ekonomi yang cepat bertindak, pantas menyesuaikan diri terhadap perubahan penawaran, permintaan dan persaingan.

- \* Ekonomi yang mempunyai teknologi berkesan, boleh disesuaikan, diubahsuai dan dicipta sepenuhnya, iaitu sentiasa meningkatkan teknologinya - intensif, bergerak ke arah teknologi lebih tinggi.

- \* Ekonomi yang mempunyai hubungan perindustrian yang



kukuh dan saling bersaing dengan keseluruhan sistem.

\* Ekonomi yang digerakkan oleh kuasa pemikiran, kemahiran dan ketekunan dalam menguasai maklumat kekayaan, dengan pengetahuan mengenai apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya.

\* Ekonomi yang mempunyai produktiviti tinggi dan terus meningkat dalam hubungannya dengan semua faktor pengeluaran.

\* Ekonomi keusahawanan yang berdikari, berpengalaman luas dan bersifat keusahawanan.

\* Ekonomi yang dikekalkan dengan contoh etika kerja, mutu kesedaran dan usaha terhadap kecemerlangan.

\* Ekonomi yang tentukan sifatnya dengan kadar inflasi dan kos sara hidup yang rendah.

\* Ekonomi yang berdasarkan disiplin dan perubahan besar dalam kuasa pasaran.

Ramai di antara kita tidak akan berada pada 1 Januari 2020. Tidak ramai, rasa saya. Beban tugas yang perlu dilaksanakan untuk memastikan negara maju sepenuhnya yang dipanggil Malaysia satu generasi dan sekarang, sudah pasti dilakukan oleh pemimpin dan oleh anak cucu kita. Tetapi kita mesti pastikan bahawa kita sudah menjalankan tugas kita untuk memimpin mereka berkaitan dengan apa yang kita mahukan. Dan biar kita letakkan batu asas untuk mereka teruskan pembinaannya.

Sejak awal 1980-an kita menekankan bahawa negara ini akan sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi. Kita sebenarnya sudah mendahului negara lain di dunia, termasuk negara maju dalam memberi kepercayaan kepada sektor swasta.

Dalam tahun-tahun yang awal, sektor swasta kita yang masih muda tidak dapat memberi sambutan terhadap cabaran yang diberikan. Kemudian datang kemelesetan yang tidak

diduga serta menyulitkan dan tahun kelembapan. Bagaimanapun sejak tiga tahun lalu, sektor kita sudah berkembang dan mula bertindak balas. Dasar ini mula membuah hasil.

Hasilnya pada 1988, pertumbuhan kita dalam nilai sebenar ialah 8.9 peratus; 8.8 peratus pada 1990, 9.4 peratus tanpa pertambahan Belanjawan Kerajaan. "Harimau Ekonomi Timur Laut Asia" tidak dapat berbuat demikian.

Tidak ada negara yang boleh menolak formula yang berjaya, dan negara ini tidak akan menolaknya. Untuk jangkaan masa depan Malaysia akan terus menggalakkan sektor swasta, untuk bergantung kepadanya sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi.

Pada masa yang sama, kerajaan akan terus mengurangkan saiz pembabitannya dalam bidang pengeluaran ekonomi dan perdagangan. Negara sudah tentu tidak boleh berundur sepenuhnya daripada kehidupan ekonomi Malaysia. Ia tidak boleh meninggalkan tanggungjawabnya untuk mengawal dan memperuntukkan rangka kerja undang-undang dan peraturan untuk pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat.

Kerajaan akan bersikap proaktif untuk memastikan pengurusan fiskal dan kewangan yang sihat serta kelancaran perjalanan ekonomi Malaysia. Ia akan meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal yang diperlukan dan suasana perdagangan yang baik - selaras dengan keutamaan sosial yang lain.

Di mana perlu, kerajaan tidak semestinya akan terikat sepenuhnya dengan komitmennya untuk menarik diri daripada fungsi ekonomi, iaitu ia tidak campur tangan. Ia akan berfungsi mengikut undang-undang dan secara giat. Proses mengurangkan peraturan akan diteruskan.

Tidak dinafikan lagi bahawa peraturan adalah perkara penting untuk mengawal masyarakat, di mana ekonomi adalah sebahagian daripadanya. Negara tanpa undang-undang dan

peraturan adalah negara bermain dengan anarki.

Apa yang tidak diperlukan ialah terlebih peraturan walaupun tidak mudah untuk menentukan bila kerajaan menguatkuasakan terlebih peraturan. Kebijaksanaan berada pada kebolehan membezakan di antara undang-undang dan peraturan yang memberikan hasil kepada matlamat kita dan yang bukan sedemikian, dan ia berada pada kemampuan membuat keputusan yang tepat.

Jadi, kerajaan tidak boleh bersikap bodoh atau tidak bertanggungjawab dan memenuhi kehendak masyarakat di samping keperluan untuk pertumbuhan pesat dan ekonomi yang bersaing, giat dan kental.

Ia akan berpandukan dengan pengetahuan bahawa membebaskan perdagangan juga - bukan sahaja undang-undang dan peraturan, dan campurtangan negara - boleh menyumbang kepada pencapaian matlamat sosial yang lebih luas.

Berdasarkan ini dan fakta bahawa memang ada ruang untuk peraturan yang tidak menghasilkan apa-apa boleh dimansuhkan, anda boleh mengharapkan proses mengurangkan peraturan akan diteruskan.

Langkah Bank Negara baru-baru ini yang meminda peraturan skim Kadar Pinjaman Asas (BLR) adalah contoh kepada perkara ini.

Pengswastan akan terus menjadi asas penting dalam pembangunan negara dan strategi kelancaran kebangsaan.

Dasar ini tidak diasaskan pada kepercayaan ideologi. Ia ditujukan khusus untuk menggalakkan persaingan, kelancaran dan produktiviti dalam ekonomi bagi mengurangkan beban pentadbiran dan kewangan kerajaan dan mencapai matlamat pengagihan hasil negara.

Dalam melaksanakan dasar pengswastan kita, kerajaan memang sedar dengan keperluan untuk melindungi kepentingan rakyat, memastikan golongan miskin mendapat hak untuk

perkhidmatan asas, menjamin mutu perkhidmatan disediakan dengan kos paling minimum, mengelakkan amalan monopoli tidak produktif dan memastikan kebajikan pekerja.

Memang akan ada masalah. Tidak ada apa akan diperolehi tanpa membayar harganya. Tetapi jelas bahawa dasar ini setakat menghasilkan keputusan positif dan kita boleh menjangka perlaksananya akan diperluaskan lagi.

Dengan siapnya Kajian Induk Penswastaan, saya yakin banyak masalah yang mengganggu kemajuan penswastaan dan diatasi, seterusnya menggalakan lagi pelaksanaan yang lancar.

Akan wujud pada tahun-tahun akan datang satu Galakan Perindustrian Berterusan, galakan yang tidak berdasarkan kehairahan terhadap perindustrian tetapi atas kebenaran bahawa jika kita mahu pesat membangun dalam keadaan di mana ekonomi maju akan meninggalkan perindustrian untuk memasuki peringkat lepasan perindustrian - inilah cara untuk terus bergerak.

Jika kita mahu mewujudkan perindustrian pesat, kita perlu menggunakan sepenuhnya tenaga negara dan secara bersungguh-sungguh mengatasi segala kelemahan.

Untuk mencapai dasar ini, kerajaan perlu mengendalikan masalah sempit asas sektor pembuatan. Pada 1988, 63 peratus daripada keseluruhan eksport barang pembuatan Malaysia datangnya daripada industri elektrik, elektronik dan tekstil.

Elektronik sahaja merangkumi 50 peratus daripada keseluruhan eksport barang pembuatan. Kita mesti mempelbagai (industri).

Walaupun pembangunan paling pesat dalam zon perdagangan bebas, ada permintaan kecil untuk barang perantaraan tempatan. Kita perlu mengendalikan masalah kelemahan hubungan perindustrian.

Pembangunan teknologi asli pula tidak mencukupi terlalu

sedikit tambahan nilai, terlalu mudah penyusunan dan pengeluarannya.

Juga diperlukan untuk mengatasi peningkatan kos pengeluaran dengan meningkat kos buruh, bahan mentah dan perbelanjaan awal (overhead) secara meningkatkan kelancaran dan produktiviti.

Memang ada kekurangan serius dari segi tenaga manusia. Semua ini banyak lagi isu perlu dibincangkan.

Industri kecil dan sederhana mempunyai fungsi penting untuk mewujudkan peluang pekerjaan, dalam mengukuhkan hubungan perindustrian dalam menembusi pasaran dan menghasilkan pendapatan eksport. Mereka mempunyai fungsi utama sebagai tempat asas untuk melahirkan usahawan masa depan.

Kerajaan akan menentukan skim bantuan yang wajar dan berusaha meningkatkan taraf kepakaran pengurusan, pengetahuan teknologi dan kemahiran pekerja dalam sektor ekonomi kita ini yang sangat penting dan sering diabaikan.

Industri kecil dan sederhana akan menjadi asas utama untuk penekanan perindustrian kita dimasa depan. Kerajaan memang bersungguh-sungguh untuk memajukannya sepenuhnya.

Sebagaimana kita mesti mempelbagaikan barangan eksport, kita juga mesti mempelbagaikan pasaran eksport kita. Pengeksport Malaysia mesti melihat kepada pasaran buka tradisi.

Ia memerlukan pengetahuan baru, aluran baru, hubungan baru dan pendekatan baru ke arah mengendalikan undang-undang dan peraturan yang belum biasa ditemui. Ia memang tidak menyenangkan tetapi adalah silap jika menganggap ia tidak menguntungkan untuk melalui kesulitan ini dalam mengendalikan pasaran berkenaan.

Secara persendirian mereka mungkin kecil tetapi secara keseluruhan pasaran Asia, Afrika dan Amerika Selatan yang

sedang membangun adalah besar. Jika negara maju menganggap adalah menguntungkan untuk mengekspor ke pasaran ini, sudah tentu ia juga akan menguntungkan kita.

Kerajaan akan membantu tetapi sektor swasta harus melaksanakan tanggungjawab mereka. Pergantungan kepada pertumbuhan yang diterajui eksport masih menjadi cara terbaik untuk pertumbuhan pesat.

Penyertaan dalam pasaran dunia meletakkan syarikat kita berdepan saingan dan kuasa persaingan antarabangsa. Ini adalah cabaran yang kita mesti terima bukan sahaja kerana pasaran tempatan terlalu kecil tetapi kerana dalam jangka panjang ia akan menguntungkan pasaran tempatan dan mengurangkan pergantungan kita kepada eksport.

Kita mesti terus tegas dengan pertumbuhan yang diterajui eksport walaupun mengalami kelembapan sejagat, walaupun berlaku peningkatan dasar perlindungan blok perdagangan dan perdagangan terurus.

Apabila perjalanan semakin mencabar, kita tidak boleh berpatah balik. Kita tidak ada pilihan lain kecuali terus berani, berkesanggupan, produktif dan lebih bersaing, lebih mampu untuk mengendalikan pelbagai perkara.

Liberalisasi ekonomi Malaysia sudah menunjukkan hasil menguntungkan dan penyumbang ke arah pertumbuhan lebih dinamik.

Sudah pasti, liberalisasi perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan secara berperingkat untuk memastikan tidak berlaku ketidakpastian ekonomi dan kewujudan kos pelarasan struktur berlebihan.

Kita patut menimbangkan kemampuan Malaysia untuk melaksanakan liberalisasi. Kita tidak patut menolak hujah industri baru tetapi kita juga tidak boleh tunduk kepada tekanan yang tidak berasas.

Pada masa yang sama, liberalisasi yang memberi hasil akan

memastikan sektor swasta kita kurang bergantung kepada keuntungan tidak bernilai dan perlindungan, yang menguntungkan sesetengah pengeluar yang memperolehnya daripada tekanan terhadap pengguna dan pengeluar lain.

Bayi mesti membesar. Mereka mesti membesar untuk menjadi kuat. Dan ini tidak boleh dilakukan jika mereka terlalu dilindungi.

Kerajaan akan meneruskan usaha menarik pelaburan asing. Ini perlu bagi Galakan Perindustrian Berterusan. Sekali lagi, kita tidak akan menolak strategi yang berjaya.

Tetapi kita akan mengubahsuaikan untuk memastikan semuanya kemas bagi membolehkan usaha sungguh-sungguh menggalakkan pelaburan tempatan kerana kita terlalu menumpukan pelaburan asing. Ini sebenarnya tidak seratus peratus benar tetapi kita akan mengkaji keadaan ini apabila mendapat maklum balas yang lebih tepat.

Perusahaan kecil dan sederhana perlu dibantu untuk terus berkembang. Lebih simpanan dan modal tempatan perlu disalurkan dengan lebih produktif kepada pelaburan. lebih ramai usahawan perlu dihasilkan. Apabila diperlukan, bantuan latihan teknologi perlu diperluaskan dan bantuan infrastruktur diberikan.

Adalah penting ditegaskan sekali lagi bahawa pembangunan yang kita perlu tidak boleh wujud tanpa sokongan infrastruktur. Kita mesti terus selangkah ke depan daripada permintaan dan keperluan. Dalam belanjawan baru-baru ini, kita dengan jelas menyatakan kita akan melakukan dalam jangka pendek.

Rancangan Malaysia Keenam akan menjelaskan apa yang kita lakukan dalam jangka sederhana manakala garis kasar Pelan Perspektif Kedua akan menentukan arah untuk jangka panjang. Kerajaan memang sedar mengenai masalah infrastruktur dan keperluan untuk pelaburan besar-besaran

dalam tahun-tahun akan datang. Kita tidak akan membiarkan pertumbuhan terencat dengan gangguan pelaburan berlebihan yang pernah berlaku di banyak negara.

Dalam usaha kita untuk maju, tidak ada yang lebih penting daripada pembangunan sumber manusia.

Daripada pengalaman dua dekad lalu berhubung keajaiban ekonomi terhadap negara yang miskin dalam erti kata "sumber semulajadi" adalah jelas sumber utama di mana-mana negara adalah bakat, kemahiran, kepakaran, kreatif dan semangat rakyat. Apa yang kita ada di antara dua telinga, pada siku dan hati adalah lebih daripada apa yang kita ada di bawah kaki dan sekeliling kita. Rakyat kita adalah sumber paling utama. Tanpa diragui lagi, pada 1990-an dan selepas itu. Malaysia memberi penekanan kepada pembangunan sumber utama ini.

Malaysia mempunyai satu sistem pendidikan yang terbaik di Dunia Ketiga. Tetapi untuk perjalanan yang kita perlu sediakan kepada generasi kedua, tahap dan piawan baru perlu ditetapkan dan hasil baru perlu dicapai.

Kita perlu berhasrat untuk meencapai taraf paling tinggi berkaitan dengan kemahiran rakyat kita terhadap tumpuan mereka kepada pengetahuan dan peningkatan ilmu serta usaha membaiki diri, kebolehan berbahasa, sikap kerja dan disiplin, kebolehan pengurusan, pencapaian, motivasi, sikap terhadap kecemerlangan dan mewujudkan semangat keusahawanan.

Kita tidak boleh mengabaikan kepentingan keusahawanan, yang berfungsi lebih besar daripada latihan dan pendidikan. Kita mesti memastikan adunan tepat berhubung dengan golongan profesional, separuh profesional, artisan dan imbalan tepat dengan mereka dalam bidang sains dan teknologi, seni dan sains sosial.

Dalam pembangunan sumber manusia kita tidak boleh mengabaikan separuh daripada penduduk negara, iaitu Bumiputera. Jika mereka tidak dibawa ke dalam masyarakat,



jika kebolehan mereka tidak dikembangkan sepenuhnya, jika mereka hanya menjadi perlambangan, tentu kemajuan kita akan tergendala. Tidak ada negara yang dapat mencapai kemajuan penuh dengan hanya sekarang, dengan sikap dan pengurusan yang betul, akan menjadi tenaga yang akan meringankan beban dan meneruskan kemajuan kita. Bumiputera mesti berfungsi sepenuhnya untuk mencapai matlamat negara.

Inflasi adalah racun kepada semua perancang ekonomi. Kecuali sewaktu kenaikan harga minyak pertama, inflasi meningkat sehingga 17 peratus. Malaysia masih bernasib baik dapat mengekalkan kadar inflasi yang rendah. Satu-satunya cara terbaik untuk memerangi inflasi adalah dengan hidup mengikut kemampuan. Jika kita tidak mampu, jangan beli.

Di Malaysia, ini boleh dilakukan kerana kita dapat menghasilkan apa yang kita mahu dalam erti kata makanan, tempat tinggal dan pakaian. Apabila kita mengalami kemelesetan baru-baru ini, kehidupan masih seperti biasa kerana kita mampu membeli keperluan kita pada kadar harga yang hampir sama, iaitu kita tidak mengalami inflasi.

Sekarang kita mempunyai lebih banyak wang, permintaan secara perlahan-lahan menaikkan harga. Jadi, walaupun kita lebih senang sekarang, walaupun kita lebih kaya dengan wang, tetapi dalam erti kata kuasa membeli, kita sebenarnya belum senang.

Umum mesti memahami apa yang menyebabkan inflasi dan cukup berdisiplin untuk memeranginya. Di sesetengah negara, apabila kadar inflasi meningkat sehingga beribu-ribu peratus, kerajaan sentiasa bertukar-tukar tanpa dapat membendung inflasi. Sebabnya ialah rakyat tidak berdisiplin dan bersedia untuk mengawal diri. Tidak ada kerajaan dapat mengekang inflasi kecuali rakyat bersedia menghadapi kesukaran itu. Dalam usaha menentang inflasi, tidak ada yang lebih berkesan daripada pendidikan dan sikap disiplin rakyat.

Dalam dunia perdagangan yang saling bergantung, kadar tukaran mata wang mempunyai fungsi penting. Kadar mata wang yang terlalu murah akan meningkatkan import dan bayaran hutang tetapi ia akan menyebabkan persaingan eksport. Tetapi keuntungan sepenuhnya melalui kadar tukaran rendah bagi eksport boleh ditolak dengan kos bahan import yang ditukarkan kepada barangan eksport. Nilai mata wang tinggi akan mengkayakan rakyat kita khususnya dari segi pembelian barangan import yang mewah tetapi eksport kita tidak akan bersaing dan ekonomi akhirnya akan terjejas.

Jelasnya, pengurusan kadar tukaran adalah penting untuk kemajuan negara. Ia hanya mempunyai kemampuan terhad untuk digunakan sepenuhnya. Dalam analisis terakhir bagaimana kita mengimbangkan perdagangan kita akan menentukan bagaimana mata wang kita dinilai.

Malaysia mesti belajar supaya lebih bersaing melalui produktiviti lebih tinggi daripada sekadar melalui manipulasi kadar pertukaran. Sekali lagi rakyat mesti faham fungsi mereka, khususnya yang berkaitan dengan produktiviti.

Dalam dunia teknologi, Malaysia tidak boleh ketinggalan. Kita tidak boleh berada di barisan depan teknologi moden tetapi kita mesti sentiasa bersama-samanya, terutama di bidang yang mana kita mempunyai kelebihan tertentu. Kita sudah menerima Pelan Tindakan Kebangsaan Bagi Pembangunan Teknologi. Ini adalah bahagian yang mudah. Sekarang kita mesti meneruskan usaha yang lebih sukar iaitu melaksanakannya.

Kerajaan sudah tentu akan memberi komitmen dan kepimpinan sebagai satu keutamaan negara ini. Infrastruktur intitusi dan sampingan akan diletakkan di tempat utama untuk memastikan pembangunan kemampuan teknologi kita yang berasaskan pasaran pesat, realistik dan ditumpukan sepenuhnya. Tetapi kita jangan lupa bahawa teknologi bukan untuk

makmal tetapi kilang dan pasaran.

Sektor swasta dan rakyat kita mesti bertindak. Selalunya hasil penyelidikan tidak dihiraukan kerana orang lebih berminat kepada bahan yang sudah diuji. Sering dikatakan bahawa rahsia kejayaan Jepun ialah kemahiran melaksanakan hasil penyelidikan untuk barangan yang boleh dipasarkan. Jika kita tidak melakukan ini, kita akan ketinggalan tanpa mengira tahap teknologi kita.

Dalam meningkatkan sektor industri pembuatan kita, Malaysia mesti memastikan sektor pertanian dan perkhidmatan tidak akan diabaikan. Kita mesti maju. Kita mesti berusaha ke arah kecekapan, pemodenan dan persaingan. Ini patut menjadi prinsip asas panduan kepada dasar kebangsaan kita terhadap pertanian, pelancongan dan kemajuan sepenuhnya sektor perkhidmatan.

Kita juga tidak boleh mengabaikan sektor luar bandar dalam ekonomi dan masyarakat kita. Dalam tahun-tahun akan datang, kita mesti berusaha untuk pembangunan luar bandar. Kedua, membina semula kampung supaya lebih sesuai dengan pertanian dan industri moden. Petani yang semakin kurang akan menghasilkan lebih banyak makanan dan seterusnya menyediakan tenaga kerja masyarakat perindustrian.

Dalam melakukan semua ini, kita juga mesti memastikan sumber semulajadi kita yang bernilai tidak dibazirkan. Bumi kita mesti kekal sebagai hasil dan subur, persekitaran terang dan bersih, air tidak tercemar, sumber hutan dapat ditanam semula, mampu menghasilkan keperluan untuk pembangunan negara. Keindahan bumi tidak patut dinodai - untuk kepentingannya dan untuk kemajuan ekonomi kita.

Dalam zaman maklumat, masyarakat Malaysia mesti kaya dengan maklumat. Hari ini tidak ada negara kaya dan maju yang tidak mempunyai maklumat dan negara kurang maklumat akan miskin dan tidak membangun.

Pada suatu masa dulu tanah memang menjadi asas kemakmuran dan kekayaan. Kemudian datang arus kedua, zaman perindustrian. Asap keluar daripada cerobong yang dahulunya adalah ladang. Sekarang, bukan pengetahuan sahaja menjadi asas kuasa tetapi juga kemakmuran. Sekali lagi kita mesti terus bersama.

Rakyat Malaysia adalah antara yang paling ramai menggunakan komputer di rantau ini. Pengetahuan komputer adalah satu kemestian jika kita maju dan membangun. Usaha berterusan mesti dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mempunyai maklumat tinggi.

Dalam hubungan antarabangsa, penekanan terhadap politik dan ideologi patut dikurangkan tetapi patut dilebihkan kepada keperluan ekonomi. Walaupun kita kecil kita mesti berusaha untuk mempengaruhi aliran perdagangan antarabangsa. Untuk berkembang kita mesti mengeksport.

Pasaran tempatan kita terlalu kecil. Adalah penting untuk kita supaya perdangan bebas dikekalkan. Arah aliran terhadap pembentukan blok perdagangan akan menjejaskan kemajuan kita dan kita mesti menentanginya. Dengan itu kita mesti berfungsi sepenuhnya dan tidak menerima secara pasif kata dua daripada negara lain yang kuat yang mungkin tidak menyedari bagaimana keputusan mereka memberi kesan kepada kita.

Negara tanpa kemampuan ketahanan ekonomi yang kukuh dan kebolehan mempengaruhi serta mewujudkan pakatan dalam arena ekonomi antarabangsa adalah negara yang lemah dalam pertahanan ekonomi. Malaysia tidak jadi seperti ini.

Ada banyak dasar yang mesti diletakkan pada tempatnya jika kita mahu menjadikan 1990-an sebagai dekad yang paling produktif dalam sejarah kita. Biar saya akhiri dengan mengemukakan satu lagi pandangan; keperluan untuk menjadikan Persyarikatan Malaysia sebagai kejayaan sebenar.

Biar saya tekankan bahawa tidak semua kerjasama di antara sektor awam dan swasta adalah tepat atau produktif. Dalam banyak segi, ia mesti mempunyai pendekatan kawalan berpanjangan. Tetapi sudah pasti usahawan yang produktif akan membawa kita ke arah aspirasi yang diharapkan.

Saya sudah menggariskan apa yang saya fikir dasar utama ekonomi yang sepatutnya diwujudkan untuk meneruskan usaha kita ke arah kemakmuran dan ekonomi yang bersaing. Biar saya tekankan sekarang mengenai fungsi yang perlu dilaksanakan oleh sektor swasta.

Negara ini tidak boleh bergantung kepada sektor swasta sebagai penggerak utama pertumbuhan jika sektor swasta tidak cekap dan lemah. Anda mesti kuat dan dinamik, giat dan berdikari, kukuh dan jujur.

Malaysia tidak boleh mengurangkan undang-undang dan peraturan jika ahli bank, berlagak sebagai pakar bank, jika kebebasan kepada usahawan hanya menjadi lesen untuk mengeksploitasi tanpa sebarang perasaan tanggungjawab sosial. Syarikat kita mesti mempunyai rasa tanggungjawab korporat. Perjuangan kita adalah untuk menjamin keadilan sosial untuk meningkatkan kedudukan dan daya saingan Bumiputera dan mencapai matlamat sosial lain - mesti menjadi perjuangan anda juga.

Penswastaan tidak boleh dilaksanakan jika matlamatnya dipatahkan oleh mereka yang mahukan keuntungan peribadi tanpa tanggungjawab sosial. Galakan perindustrian berterusan dan usaha membangunkan dengan pesat industri kecil dan sederhana mesti dilaksanakan oleh usahawan kita.

Mereka mesti bersedia untuk berfikir secara jangka panjang, menyertai pasaran dunia yang penuh persaingan. Usaha menarik pelabur asing tidak patut menjadi tanggungjawab kerajaan sahaja. Sektor swasta mesti membabitkan diri dengan pelabur asing dalam usahasama, kerana ini akan membantunya

dalam pembabitan ekonomi Malaysia dan tanggungjawab pelabur tempatan perlu lebih luas daripada rakan asing mereka kerana Malaysia adalah negara kita, bukan negara mereka.

Kita boleh bertanya kepada diri sendiri untuk berkorban kepada negara tetapi kita tidak boleh mengharapkan mereka melakukannya untuk kita. Dalam pembangunan sumber manusia, sektor swasta kita mempunyai tanggungjawab penting. Latih sumber tenaga anda sendiri. Lengkapkan mereka dengan perubahan tugas. Jaga kepentingan mereka, Tingkatkan kemahiran. Urus akan mereka dengan baik dan berikan penghargaan yang sewajarnya untuk menghargai sumbangan mereka.

Sudah pasti banyak yang perlu dilakukan oleh semua orang. Sayangnya tidak ada satu formula ringkas yang mudah untuk membangunkan negara. Banyak perkara mesti dilakukan oleh ramai orang. Dan ia perlu dilakukan dengan sebaik dan setepat mungkin. Kita mesti bersedia untuk bersikap lebih kritikal terhadap diri sendiri dan sanggup membetulkan kesilapan. Tetapi Insya-Allah, akan berjaya."





# VISI TAN SRI MUHAMMAD HAJI MUHD TAIB

PERBINCANGAN tentang Melayu Baru dalam konteks Wawasan 2020 tidak akan sempurna kalau tidak melibatkan peranan serta pandangan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib. Beliau merupakan tokoh penting yang selalu berada di barisan hadapan dalam memperkatakan tentang konsep Melayu Baru ini.

Idea-idea serta pandangan beliau mengajak masyarakat umum untuk berfikir dengan lebih mendalam dan serius tentang gagasan yang dicetuskan oleh Dr. Mahathir ini. Isu Melayu Baru menarik perhatian Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib kerana selaku pemimpin Melayu yang mengenal sejarah perjuangan bangsanya, beliau cukup sensitif dengan apa jua persoalan dan konflik yang membabitkan jatuh bangun bangsa Melayu di negara ini.

Memang sejak dulu lagi, beliau mempunyai keazaman yang kental untuk melihat bangsa Melayu mara ke hadapan dalam semua bidang. Bangsa Melayu dari perspektif Tan Sri

Muhammad Haji Muhd Taib mestilah menjadi bangsa yang disegani, maju, berwibawa serta mampu membina sejarah yang gilang-gemilang.

Bangsa Melayu mesti mengembalikan maruah serta martabat mereka sebagai bangsa yang mempunyai ciri-ciri kekuatan, kehebatan dan berilmu pengetahuan, sebagaimana zaman kegemilangan Melaka dulu. Jauh dari itu, bangsa Melayu juga mestilah menjadi bangsa yang mempunyai cita-cita besar dan dihormati oleh kawan dan lawan.

Inilah visi dan matlamat yang sedang diperjuangkan dengan sungguh-sungguh oleh beliau. Selaku pemimpin yang pernah melalui suka duka dalam arena politik, beliau mahu bangsa Melayu berdiri sama tinggi dengan kaum-kaum lain di negara ini. Pendek kata menjelang tahun 2020 nanti jurang perbezaan antara orang Melayu dengan bukan Melayu tidak wujud lagi sama ada dalam bidang pendidikan, sosial, ekonomi dan sebagainya.

Adalah tidak menghairankan jika Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib cukup prihatin dengan nasib serta masa depan bangsanya kerana latar belakang kehidupannya di masa lalu cukup terdedah kepada pelbagai permasalahan orang Melayu. Pengalaman yang dilalui itu telah membuahkan keazaman yang jitu dalam jiwanya untuk membela nasib Orang Melayu di tanahair sendiri.

Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib merupakan anak watan negeri Selangor yang dilahirkan pada 29 Jun 1945, di Kampung Sungai Manggis, Kuala Kalumpang, Kalumpang, Ulu Selangor. Beliau merupakan anak ketiga dari pasangan Haji Muhd Taib dan Hajah Habsyah. Memasuki alam persekolahan pada tahun 1955 di Sekolah Rendah Kuala Kubu Bharu. Pada tahun 1959, beliau bersama abangnya, Osman melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Inggeris, Sabak Bernam.

Beliau menamatkan pengajiannya di Sekolah Menengah-



Inggeris itu pada tahun 1964 - sama tahun tamatnya perkhidmatan bapanya sebagai guru besar. Dalam tahun yang sama, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib berjaya memasuki Maktab Perguruan Harian (DTC) di Kuala Lumpur sehingga 1966. Sekolah pertama beliau ditugaskan ialah Sekolah Kebangsaan Felda Gedangsa, Ulu Selangor, Selangor.

Dari situ bermulalah era beliau sebagai pendidik anak bangsanya yang ketika itu amat memerlukan seorang pembimbing yang berjiwa besar. Kegigihan beliau menyumbangkan fikiran, tenaga dan ilmu bukan berakhir di sekolah sahaja, bahkan di mana saja, beliau sanggup berkhidmat kepada bangsanya. Untuk memberi sumbangan kepada masyarakat, dia telah membuka kelas tambahan secara percuma kepada pelajar-pelajar di kawasan itu bersama-sama dengan dua orang adiknya yang lain, iaitu Raduan dan Sulaiman.

Beliau mendirikan rumahtangga dengan Hasbi Rohami binti Asnan pada tahun 1973. Isterinya juga seorang pendidik. Pada tahun 1976, anak kelahiran Desa Sungai Manggis ini melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya manakala abangnya, Osman memasuki Universiti Sains Pulau Pinang.

Ketika di Universiti, beliau mengambil jurusan Sejarah dan Pengajian Melayu. Kedua-dua jurusan itu memang diminati kerana beliau ingin memperkayakan lagi ilmunya di dalam kepimpinan dan politik.

Sejak zaman remaja, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib terkenal di kalangan rakan-rakannya sebagai pelajar yang mempunyai keazaman yang kuat dan berwawasan.

Dalam aktiviti sehariannya, dia lebih cenderung kepada bidang yang hampir kepada tugas-tugas kemasyarakatan. Barangkali kerana minatnya yang sedemikian itulah menyebabkan beliau amat mengenali hati nurani orang Melayu. Di samping itu dia juga gemar kepada kerja-kerja sukarela seperti melibatkan diri dengan berbagai-bagai persatuan.

Semasa menjadi mahasiswa, beliau adalah orang penting dalam Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, malah pernah menjadi Pengarah Seminar Kepimpinan Melayu pada tahun 1978 yang dianjurkan oleh persatuan tersebut.

Setelah menyandang gelaran siswazah pada tahun 1979, beliau kembali sebagai guru berijazah dan mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Kubu Bharu, Ulu Selangor.

Keupayaan dan khidmat cemerlangnya telah membawa Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib dilantik sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran di Kementerian Pendidikan. Setahun selepas itu, iaitu pada 1981, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib telah berpindah jawatan. Kali ini ada kaitannya dengan politik dan kepimpinan. Beliau dilantik menjadi Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Haji Suhaimi Haji Kamaruddin.

Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib menjadi ahli UMNO cawangan kampungnya pada tahun 1980 dan pernah memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Ulu Selangor. Ketika menyandang jawatan itu, "*vision*" dan kepimpinannya mulai terserlah. Sokongan rakyat terhadap beliau telah mengecilkan kuasa pembangkang di Selangor. Kemenangan beliau tanpa bertanding di dalam pilihanraya tahun 1986, menguatkan keyakinan rakyat Selangor terhadap kemampuannya untuk memimpin negeri tersebut. Beliau menjadi ADUN sejak tahun 1982.

Beliau menjadi Menteri Besar Selangor yang kelima pada 14 Ogos 1986. Dia merupakan orang pertama dari daerah Hulu Selangor memegang jawatan tersebut. Pemilihan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib sebagai Menteri Besar Selangor memang tidak diduga oleh sesiapaupun kerana selepas persaraan Dato' Ahmad Razali, pelbagai spekulasi di buat tentang calon Menteri Besar Selangor yang baru itu.

Suasana agak kecoh ketika itu kerana beberapa orang calon telah mula disebut-sebut untuk menerajui kerajaan negeri Selangor, sedang nama Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib ketika itu tidak ada langsung di dalam senarai yang dijangka mengambil alih jawatan yang dikosongkan oleh Dato' Ahmad Razali itu.

Bagaimanapun pucuk pimpinan parti kemudiannya memilih Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib dan perlantikan ini memang mengejutkan rakyat Selangor. Ini kerana nama beliau ketika itu kurang dikenali dan beliau berbanding dengan calon-calon yang lain. Ini bukanlah calon "favourite". Namun itulah hakikatnya, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib telah dipilih dengan rasminya menjadi Menteri Besar Selangor yang kelima.

Sebelum itu kedudukan Menteri Besar Selangor yang dipilih secara demokratik telah disandang oleh Allahyarham Dato' Abu Bakar Baginda, Datuk Harun Hj. Idris, Dato' Hormat Rafie dan Dato' Ahmad Razali.

Dengan stail kepimpinan yang dinamik, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib tidak mengambil masa yang lama untuk membuktikan kewibawaannya sebagai pemimpin. Dalam waktu yang singkat, gaya kepimpinannya sudah terserlah. Pimpinan beliau telah memukau bukan saja di Selangor, tetapi juga ke seluruh negara.

Kecemerlangan ini sekaligus memadamkan semua reaksi negatif dari kalangan mereka yang tidak meragui kualiti kepimpinannya.

Dalam menangani isu-isu semasa, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib telah membuktikan bahawa beliau sanggup mendahului zamannya terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan maruah dan ketuanan orang Melayu. Ini terbukti sewaktu kontroversi yang menyentuh perasaan orang Melayu sepertimana tuduhan bahawa Melayu bukan bumiputera oleh

salah seorang pemimpin MCA, Dato' Lee Kim Sai pada 1987, beliau telah menjawab dengan berani terhadap hujah dari pemimpin MCA itu sehingga Sultan Selangor telah melucutkan gelaran dato' nya itu.

Kelantangan beliau mempertahankan kepentingan Melayu dalam satu perhimpunan, anjuran Pergerakan Pemuda UMNO di Stadium Raja Muda dalam tahun 1988 telah melonjak namanya sebagai wira dan pemimpin Melayu yang dihormati. Sokongan terhadap kepimpinannya diakui di peringkat nasional, apabila beliau menang dalam pemilihan Majlis Tertinggi UMNO 1987 dengan mendapat undi yang selesa dan menduduki salah satu tempat yang teratas. Prestasi ini diulang semula dalam pemilihan 1990.

Sifat tegas dan berani, termasuk dalam krisis campur tangan Sultan dalam pentadbiran kerajaan negeri, telah memantapkan kepimpinan beliau sebagai seorang pemimpin politik yang kian matang. Jarang-jarang ada pemimpin Melayu yang sanggup menghadapi ujian, dugaan dan cabaran seperti beliau. Anehnya, semua krisis yang dilalui itu telah memantapkan lagi kedudukannya sebagai Menteri Besar yang berwibawa.

Dalam menangani konflik politik, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, lebih senang dengan perbincangan dari hati ke hati. Beliau bukan sahaja menghadapi semua krisis itu dengan tenang tetapi berupaya pula menukarkan apa yang dianggap sebagai "*constraint*" dalam politik itu sebagai satu peluang untuk menonjolkan dirinya sebagai seorang pemimpin yang matang.

Dengan rekod itu, tidak sesiapa pun dapat menyangkal lagi bahawa Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib adalah tokoh pemimpin Melayu yang bersedia memikul tanggungjawab yang lebih besar bukan sahaja di Selangor tetapi di peringkat lebih tinggi. Kriteria ini diperkuatkan lagi dengan sokongan padu yang ditunjukkan oleh beliau terhadap kepimpinan Dr.

Mahathir Mohammad sejak menjadi Menteri Besar Selangor.

Dalam memperkatakan tentang konsep Melayu Baru tadi Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib berpendapat bahawa nilai-nilai masyarakat Melayu yang baru perlu diwujudkan kerana rantau Asia Pasifik sedang berubah menjadi pentas baru ekonomi dunia. Di rantau ini, teknokrat dan ahli perniagaan Jepun, Taiwan dan Korea berada di merata pelosok.

Dalam keadaan ini, orang Melayu tidak boleh lagi berkata, yang penting bagi kita ialah untuk mewujudkan bumiputera berniaga bagi meningkatkan taraf hidup keluarga. Jika orang Melayu menjadi seorang kontraktor, kita tidak mahu mereka menjadi kontraktor untuk mencari kekayaan semata-mata, tetapi kontraktor yang mempunyai kemahiran dan mutu yang setanding dengan kontraktor dari Jepun, Korea Selatan, Taiwan atau Singapura.

Kita tidak mahu lagi kontraktor atau ahli perniagaan seumpama ini mencari kekayaan semata-mata. Kontraktor Melayu sudah ada, tetapi Melayu ini perlu bersikap dan berjiwa baru, sanggup bersaing dengan usahawan Jepun atau Korea di Asia Pasifik.

Inilah yang dikatakan Melayu Baru - Melayu yang boleh dan sanggup bersaing dengan nilai-nilai positif yang ada pada diri bangsa lain yang telah maju di dunia dan bersaing di pentas ekonomi antarabangsa.

Kalau nilai-nilai masyarakat Melayu tidak diubah, kita akan ketinggalan pada tahun 2020 apabila rantau sebelah sini menjadi pusat ekonomi dunia kelak. Untuk bersama-sama hidup dalam satu rantau baru yang maju di Asia Pasifik, kita tidak boleh lagi bersaing dengan diri kita sendiri lagi seperti yang berlaku sebelum ini.

Dalam konteks ini, kata beliau, orang Melayu mestilah bersikap baru. Jika kita mahu menjadi ahli perniagaan hari ini, kita mesti menjadi ahli perniagaan bertaraf antarabangsa.

Inilah Melayu Baru yang kita hendak wujudkan - Melayu yang terlibat dengan percaturan ekonomi dunia.

Selain itu, orang Melayu perlu juga menjadikan matlamat Melayu Baru ini agenda agenda perjuangan politik mereka. Merekalah - orang politik yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan tanah air, mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan menerapkan nilai-nilai Islam.

Ini kerana teras kepimpinan negara ialah politik. Kepimpinan politik ialah orang pertama yang mengeluarkan wawasan yang kemudian diserapkan pada segenap lapisan masyarakat, politik, pimpinan, sosial, pendidikan dan ekonomi negara.

Melayu Baru tidak timbul sendiri melalui evolusi. Ia mesti melalui program, kemudian menyerap, difikirkan dan dijadikan lagenda oleh pelbagai lapisan masyarakat. Melayu Baru mesti digambarkan sebagai Melayu yang berjaya lepas daripada penjajahan, di mana hari ini kita merdeka dan kini menuju ke era kecemerlangan.

Menurut Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib lagi, tidak ada nilai yang kekal dalam mana-mana masyarakat. Sebagai contoh, satu ketika dulu kekuatan nilai masyarakat di Jepun dikuasai oleh tentera. Begitu lama sekali kekuasaan itu berlaku. Kekuatan itu diasaskan di atas konsep - siapa yang boleh mengalahkan siapa.

Apabila tentera Amerika Syarikat membuka pintu Jepun kepada dunia luar beberapa ratus tahun lalu, era tentera hilang dan timbul era Meiji yang memperjuangkan ilmu dan budaya positif sehingga Shogun dan Samurai terpaksa terlibat dalam Jepun yang moden. Warisan tentera Jepun yang suka berperang, sekarang menjadi ahli perniagaan yang menguasai perniagaan seluruh dunia.

Dalam sudut yang lain, soal golongan mana akan menguasai politik Melayu Baru tidak penting. Satu ketika dulu golongan guru amat dominan dalam politik UMNO. Setelah

berakhirnya DEB, hasil perjuangan mereka telah melahirkan masyarakat Melayu yang aktif dalam bidang teknologi, keusahawanan dan perniagaan yang kemudian aktif dalam parti UMNO.

Sekarang sudah ada perubahan. Jika satu ketika dahulu ada satu kelompok tertentu yang begitu berkuasa dalam UMNO, tetapi sekarang ini sudah ada sedikit lencongan dengan ahli perniagaan dan golongan korporat mula mengambil alih dominasi. Ini tidak boleh dielakkan.

Malah satu ketika nanti akan berlaku pula perubahan dan perubahan ini menjadi semakin baik. Selagi perjuangan golongan baru itu sama iaitu membawa negara ke arah kestabilan, moral yang tinggi seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020, maka ini bermakna kita akan selamat, asalkan kita mempunyai ketegasan dalam menjayakan Wawasan ini.

Tidak dinafikan juga bahawa orang Melayu selama ini dilindungi oleh ketuanan Melayu yang kukuh di negara ini dan dengan sehubungan itu, ada yang mempersoalkan apabila masyarakat Melayu Baru diwujudkan, siapakah yang akan menjadi pelindung mereka?

Persoalan ini sebenarnya bertitik tolak daripada kurangnya keyakinan sesetengah orang Melayu yang barangkali menyifatkan konsep Melayu Baru ini hanyalah angan-angan Mat Jenin yang tidak berpijak di bumi nyata.

Golongan ini sebenarnya masih mempunyai perasaan rendah diri dan tidak yakin dengan keupayaan bangsa Melayu untuk mencipta sejarah besar dalam peradaban dunia. Pemikiran mereka masih dijajah dan dikuasai oleh kepercayaan bahawa dunia barat tetap agung dalam serba serbi dan tidak akan mampu bagi umat Melayu di rantau ini untuk menandingi perlumbaan dalam aspek ekonomi.

Inilah penyakit kronik yang masih bersarang dalam pemikiran sesetengah orang Melayu, termasuk kalangan mereka yang

bergelar intelektual dan modenis Melayu. Dan sebagai akibat daripada sikap tidak yakin itulah, menyebabkan mereka terus memandang keupayaan orang Melayu secara negatif dan penuh keraguan.

Berbalik kepada persoalan siapa yang akan menjadi pelindung orang Melayu tadi, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib nampaknya yakin bahawa orang yang akan melindungi masyarakat Melayu waktu itu ialah bangsa Melayu yang moden dan berteknologi. Lebih kuat ekonomi orang Melayu dalam tempoh 30 tahun akan datang, lebih kuat perasaan untuk menjaga kepentingan orang Melayu.

Dalam kesibukan kita membicarakan tentang Melayu Baru pelbagai tanggapan pula dibuat. Yang menarik, ada orang mentafsirkan bahawa politik Melayu Baru ialah politik yang "arrogant" tanpa menghormati nilai-nilai lama. Sebenarnya tafsiran ini, tidak tepat kerana jelas bahawa mereka yang membuat tafsiran ini tidak memahami konsep Melayu baru.

Yang perlu ditekankan di sini ialah orang Melayu mesti memahami bahawa konsep Melayu Baru seperti yang dinyatakan dalam Wawasan 2020 itu iaitu masyarakat bermoral dan penyayang yang menguasai teknologi. Untuk berjaya dalam suasana baru ini kita mestilah "arrogant".

Sebagai contoh, kalau kita tidak mahu bersikap *arrogant* dan mempertahankan *status quo*, maka akan banyak lagi kapitan Cina mengambil kesempatan terhadap raja kita. Melayu Baru mestilah berterus terang demi kebenaran.

Di samping itu semua institusi dalam masyarakat Melayu mesti memberi sepenuh perhatian pada matlamat ini. Tidak boleh ada gangguan-gangguan tertentu yang menghalang kepada matlamat ini. Institusi-institusi berasaskan tradisi dan sejarah seperti institusi raja mesti disesuaikan dengan Melayu moden.

Dengan adanya matlamat baru seperti mewujudkan Melayu



Baru, kita percaya budaya yang tidak cocok akan menjadi lemah. Budaya yang kuat akan mengatasi nilai-nilai yang lemah. Kita mesti wujudkan budaya kuat untuk membentuk Melayu Baru.

Perlu disebutkan bahawa, hasrat untuk mewujudkan Melayu Baru yang mampu bersaing dalam erti kata sebenar, tidak akan berjaya, jika golongan Melayu seperti ahli-ahli korporat dan politik masih keberatan untuk saling bekerjasama. Ini adalah salah satu faktor penting yang mesti diberi perhatian yang serius oleh kepimpinan kita.

Kedua-dua golongan ini perlu mengikis sikap menolak sebarang kerjasama antara mereka, sebaliknya mereka perlu berganding tenaga serta pemikiran di dalam meletakkan matlamat untuk memajukan bangsa Melayu. Tanpa persefahaman dan gandingan, maka akan berlakulah pertembungan yang akhirnya merugikan masyarakat Melayu di negara ini juga.

Masyarakat Melayu memerlukan sumbangan kedua-dua golongan tersebut untuk mencapai kemajuan di bawah semangat dan identiti "*Melayu Baru*" yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Dengan kata lain orang politik dan korporat mestilah mengamalkan sikap terbuka dan tidak mementingkan kepentingan diri sendiri sahaja.

Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib melihat gagasan Melayu Baru ini bukanlah sekadar impian yang menggunung tetapi kenyataan yang boleh dilaksanakan dengan syarat orang Melayu sendiri bersedia menerima perubahan sejajar dengan situasi semasa pada tahun 2020 nanti.

Sesungguhnya dalam menghadapi tempoh itu manusia Melayu tentulah tidak dapat lari daripada melengkapkan diri dengan pelbagai persediaan. Manusia Melayu sama ada ahli ekonomi, cerdik pandai, petani, pelajar, pegawai kerajaan, pendidik, penulis atau pemimpin tidak lagi boleh leka untuk

menghadapi cabaran 2020.

Tan Sri Muhammad Haji Taib berpendapat, tanggungjawab mengisi gagasan Melayu Baru, seharusnya dipikul bersama oleh semua ahli dan kepimpinan UMNO. Ahli UMNO khususnya tidak harus melepaskan tanggungjawab mereka semata-mata kepada Presiden UMNO sahaja. Para pemimpin UMNO dari semua peringkat perlu mengadakan rancangan khusus melatih ahli-ahlinya untuk terus maju dan mampu bersaing terutama dengan kemajuan ekonomi dan perdagangan di rantau Asia Timur.

Orang Melayu amnya perlu mendapat bimbingan yang sempurna, sejajar dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang abad ke 21 nanti. Dalam merebut peluang di rantau Asia Timur ini, orang Melayu juga tidak boleh berharap kepada subsidi seperti yang mereka nikmati di negara sendiri sebelum ini. Sebaliknya dalam persaingan ekonomi di negara lain mereka perlu mempunyai daya tahan untuk menghadapi cabaran antarabangsa.

Oleh itu, orang Melayu perlu mempunyai nilai ingin maju dan berani. Kepastian menentukan orang Melayu maju di peringkat antarabangsa itu adalah agenda baru yang mencabar dan selaras dengan usaha mewujudkan "Melayu Baru".

Disamping itu kita juga perlu menafikan dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan bahawa perjuangan UMNO sudah selesai selepas kejayaan menangani isu keagamaan, bahasa dan ekonomi tempatan. Apa yang jelas kini, orang Melayu dan ahli UMNO berhadapan dengan cabaran dan isu baru yang harus ditangani bersama oleh semua peringkat kepimpinan seperti UMNO pusat, negeri, bahagian dan cawangan.

Gagasan Melayu Baru sebenarnya menunjukkan orang Melayu belum ketandusan perjuangan, cuma bentuk perjuangannya sahaja yang berbeza. Jika dulu kita memperjuangkan kemudahan asas seperti balai raya, sekolah

dan jalan raya, tetapi kini bentuk perjuangannya berlainan. Apapun yang berlaku, orang Melayu mesti berjuang.

Perubahan dari segi sikap dan nilai juga perlu diberi penekanan. Nilai-nilai ini belum mencukupi untuk melahirkan Melayu Baru yang dinamik. Ada beberapa persoalan lagi yang harus diberi perhatian oleh orang Melayu termasuk dari segi cara mereka berpolitik.

Masyarakat Melayu perlu menilai semula cara berpolitik dan tanggapan terhadap sistem demokrasi yang diamalkan selama ini, jika mereka mahu kekal menjadi teras kuasa di negara ini.

Dalam hubungan ini, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib mempunyai visi yang tersendiri. Menurutnya, kesinambungan perjuangan UMNO pada masa depan bergantung kepada corak ahlinya menangani cabaran dalaman serta ancaman luar. Jika orang Melayu terus berpecah belah, bertikai dan bercanggah pendapat mengenai perkara remeh dalam politik, perjuangan UMNO akan hancur.

Penggunaan demokrasi secara berkesan juga bergantung kepada kemantapan dan kejituan perjuangan politik orang Melayu. Jika amalan dan senario yang kita hadapi ini berterusan, keindukan politik Melayu tidak akan dapat dipertahankan.

Keindukan politik Melayu ini tidak bermakna bahawa orang Melayu perlu menjadi tuan atau berkuasa sepenuhnya di negara ini. Golongan modenis Melayu dan orang Melayu secara amnya perlu memberi pengertian terhadap keindukan dan teras politik Melayu yang realistik dan pragmatik.

Ini penting supaya gagasan Melayu Baru ini tidak dicemuh oleh kaum lain sebagai usaha untuk melahirkan *chauvinisme* Melayu atau fanatik Melayu.

Lebih lanjut lagi, kata Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, konsep Melayu Baru itu bermakna kita menerima hakikat bahawa senario politik, ekonomi, kemasyarakatan dalam

negara kita sudah berubah dan kita mahu sama-sama terbabit dalam perubahan itu bukan sebagai pemerhati sahaja tetapi sebagai penentu dan pemain sekali.

Melayu Baru tidak bergantung kepada nasib, tetapi menggunakan akar dan akalnya untuk menjadi bangsa yang tinggi budayanya, kuat imannya dan bertakwa serta cenderung mencapai kecemerlangan. Sudah tentu perjuangan orang Melayu untuk mencapai kecemerlangan ini, mesti melalui tiga cara itu ekonomi, budaya dan politik.

Di bidang ekonomi misalnya, tuntutan orang Melayu tidak keterlaluan dalam negara yang kita anggap sebagai penduduk pribumi. Kita menuntut penghapusan ketidakseimbangan daripada sejarah yang tidak adil.

Kita mahu melihat keadilan sosial ditegakkan dan bangsa pribumi tidak lagi hanya menjadi masyarakat pinggiran. Usaha ini bagaimanapun sudah tentu sukar dicapai sekiranya orang Melayu tidak mahu bersikap proaktif dan membuat persediaan rapi dengan matlamat akhir mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Perkembangan akhir-akhir ini juga semakin mencerahkan harapan orang Melayu untuk muncul di dalam imej baru yang lebih dominan, iaitu sebagai bangsa yang bukan sahaja maju dalam semua lapangan, tetapi juga mengembalikan kebangkitan Islam seterusnya memimpin umat-umat lain yang seagama dengan mereka.

Sesungguhnya masyarakat Melayu di negara ini berpotensi memikul tugas ini jika mereka meneruskan usaha gigih memajukan bangsa dan melahirkan Melayu Baru pada tahun 2020 nanti.

Sudah ada tanda-tanda jelas, negara ini yang diterajui oleh orang Melayu mendahului negara-negara Islam yang lain dalam mengejar kemajuan. Kalau Islam bangkit, maka tidak mustahil orang Melayulah yang akan menerajuinya.

Atas faktor ini, masyarakat Melayu hendaklah membuktikan keupayaannya bukan sekadar menjadi ketuanan di tanahair sendiri malah di peringkat dunia. Ini bermakna bangsa Melayu mesti berupaya mempengaruhi kebudayaan dunia dan Islam mestilah menjadi asas kepada matlamat tersebut.





## MEMBINA SAHSIAH BANGSA

SEPERTI dinyatakan dalam bab yang lalu bahawa untuk melahirkan Melayu Baru yang berjaya, generasi Melayu hari ini mestilah sanggup melakukan perubahan dari segi pemikiran, usaha serta daya tahan menghadapi saingan. Begitupun ini bukan bermakna bahawa Melayu Baru yang bakal dilahirkan nanti akan mempunyai watak manusia barat yang terlalu mengutamakan faktor-faktor kebendaan sebagai matlamat. Watak Melayu Baru adalah gandingan yang seimbang antara nilai-nilai duniawi dan ukhrawi.

Hal ini pernah ditegaskan oleh Menteri Besar Selangor, Tan Sri Mohammad Haji Muhd Taib yang menekankan bahawa, Melayu Baru menjelang tahun 2020 nanti seharusnya mengutamakan nilai-nilai Islam yang *syamil*. Bahkan apa yang diharapkannya ialah Melayu Baru itu nanti akan mempunyai pegangan yang lebih kukuh terhadap nilai-nilai Islam.

Ini penting kerana nilai-nilai Islam yang diwarisi oleh bangsa Melayu sejak zaman berzaman menjadi kekuatan

penting kepada mereka dalam mempertahankan pengaruh-pengaruh asing yang cuba melemahkan sahsiah serta kepribadian mereka. Faktor inilah yang menjadi benteng kukuh kepada mereka daripada terjebak dalam kancah kemusnahan.

Sebab itulah dalam kesibukan orang lain membicarakan konsep Melayu Baru ini dari perspektif ekonomi, pembangunan manusia dan sosial, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib mengajak seluruh rakyat agar tidak melupakan bahawa konsep Melayu Baru tidak seharusnya mengetepikan nilai-nilai agama yang terkandung dalam Islam.

Beliau agaknya bimbang, sekiranya orang Melayu melihat Islam dari sudut yang negatif dalam usaha melahirkan Melayu Baru, maka yang akan muncul nanti adalah golongan Melayu yang lupa daratan. Sudah tentu kebimbangan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib ini ada alasannya terutama melihat situasi belia-belia Melayu hari ini yang seolah-olah kehilangan indentiti sebagai penganut Islam. Mereka leka dengan budaya hiburan, budaya lepak, budaya berpeleseran, budaya dadah dan pelbagai lagi gejala negatif yang sungguh memalukan.

Bagi Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, gejala-gejala kurang sihat ini mestilah dihapuskan sebelum ianya berjangkit kepada generasi Melayu Baru pada tahun 2020 nanti. Generasi Melayu Baru mestilah bersih daripada budaya-budaya "memalukan" ini kerana pada dasarnya gejala-gejala ini boleh melemahkan keperibadian mereka untuk muncul sebagai bangsa yang berwibawa dan dihormati. Inilah yang mesti difahami kerana kita agak khuatir sekiranya gejala ini dibiarkan, apalagi dipuja sebagai budaya kemodenan, maka lambat laun orang Melayu akan kehilangan indentiti sebenar.

Oleh itu sebelum terlambat usaha mestilah dilakukan agar segala budaya negatif ini dapat dibenteraskan kerana kita tidak

rela usaha melahirkan Melayu Baru menjelang tahun 2020 nanti gagal kerana kelalaian kita membersihkan generasi Melayu hari ini dan seterusnya daripada dipengaruhi gejala-gejala berkenaan.

Kita mengakui bahawa tiada ada cara paling berkesan untuk mendidik masyarakat Melayu dengan nilai-nilai yang mulia, selain menanamkan dalam jiwa mereka roh keislaman yang sebenarnya. Islamlah yang membentuk indentiti mulia orang Melayu. Islamlah juga yang menguatkan perpaduan mereka dan sejak sekian lama Islamlah yang mendorong orang Melayu membina kekuatan mereka di negara ini.

Orang Melayu, sebagai sebahagian umat Islam sejagat, mereka telah memberi sumbangan yang besar dalam evolusi peradaban penduduk Malaysia. Agama Islam yang mereka anuti telah membawa revolusi akidah dan kebudayaan yang turut mewarnai institusi undang-undang, pemerintahan, perekonomian, pendidikan, kekeluargaan, kesenian, kesusasteraan, adat istiadat, nilai dan norma dalam masyarakat Malaysia.

Dekad-dekad menjelang tahun 2020 akan lebih mencabar lagi, khususnya kepada umat Melayu, sebagai umat penentu peradaban bangsa, kerana persaingan dalam bidang ekonomi, politik dan pendidikan akan menjadi lebih sengit akibat desakan masyarakat bukan Melayu yang boleh membawa kepada kompromi dan konsesi demi menjaga kestabilan politik.

Sebagai umat Islam, bangsa Melayu perlu mencapai kekuatan dan keunggulan, bukan sahaja di dalam bidang politik dan pemerintahan, tetapi yang lebih penting ialah dalam bidang ilmu pengetahuan dan ekonomi, supaya mereka tidak menjadi umat yang terus mundur dan tertindas berbanding dengan masyarakat bukan Islam.

Masyarakat yang lebih kuat penguasaan ilmu pengetahuan dan ekonomi akan berusaha menguasai dan mewarnai



peradaban bangsa dengan citra dan cita-citanya. Kekuatan wang ringgit lambat-laun berjaya juga menembusi benteng kekuasaan dan pengaruh orang Melayu bagaikan pancaran laser menembusi ketulan batu dan besi.

Orang Melayu yang memegang kuasa dan pengaruh, sering menjadi sasaran budaya rasuah ekonomi dan politik, malah mereka tidak terlepas daripada menjadi mangsa yang dijerat melalui pelbagai umpanan.

Lihat saja dalam dua dekad kebelakangan ini tidak sedikit jumlah orang Melayu-Islam dalam pelbagai profesion yang menjadi mangsa golongan gergasi kewangan dan politik sehingga Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri terpaksa berulang kali menyeru supaya profesional Melayu menjadi lebih amanah, berdisiplin, patuh pada kod etika masing-masing dan tidak mengamalkan rasuah.

Dalam mengejar kemajuan dan meningkatkan kekuatan ekonomi orang Melayu, berbagai-bagai langkah sudah dijalankan dan akan dilaksanakan oleh kerajaan. Tidak dapat dinafikan bahawa orang Melayu harus berani menceburi dunia perdagangan dan dunia korporat dengan mengubah sikap dan budaya kerja, di samping menguasai ketrampilan-ketrampilan yang berkaitan dengan alam perdagangan dan keusahawanan.

Tanpa kefahaman Islam yang betul dan kelemahan disiplin diri apabila berhadapan dengan umpan-umpan kebendaan yang menggiurkan dalam arus perniagaan yang deras atau kancah politik wang yang memeningkan, orang-orang Melayu-Islam tidak akan berjaya mempertahankan prinsip akhlak murni dan cita-cita luhur mereka.

Kefahaman Islam yang betul memerlukan orang Melayu menjadi kuat dan memimpin dalam semua lapangan, tetapi kekuatan itu hendaklah berpaksikan kekuatan iman kepada Allah SWT. Kekuatan ekonomi, politik, ketenteraan, ilmu pengetahuan dan kebudayaan disepadukan oleh ikatan tauhid

yang menuntut ketaatan dan ketaqwaan kepada Allah dalam semua kegiatan manusia.

Jikalau kekuatan moral orang-orang sekular berteraskan pada pemikiran manusia semata-mata, keteguhan akhlak bangsa Melayu bertunjangkan pada akidah tauhid.

Wawasan yang terpancar daripada akidah tauhid meletakkan manusia muslim sebagai khalifah di bumi yang harus melaksanakan amanah Allah, dengan membangunkan dirinya, masyarakatnya dan sumber alam untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Agama merupakan komunikasi dan pengabdian yang ikhlas antara hamba dengan tuannya dalam semua keadaan dan lapangan pekerjaan. Jikalau dalam tamaddun bukan Islam, peradaban atau ketamaddunan masyarakat tidak dikaitkan secara langsung dengan kehidupan beragama, peradaban bagi umat Islam justeru harus bermula dengan memenuhi tanggungjawab kepada Allah dengan segala implikasinya, kemudian tanggungjawab kepada manusia (termasuk diri sendiri) dan akhirnya bertanggungjawab kepada alam benda.

Ikatan kerohanian yang kukuh dan ikhlas akan memudahkan usaha membenters rasuah dan penyelewengan dalam masyarakat.

Kefahaman Islam yang betul juga menuntut supaya orang Melayu-Islam mempunyai kesedaran bahawa petunjuk Allah dan Rasul SAW ialah rujukan tertinggi untuk mencari penyelesaian terhadap sebarang masalah kehidupan;

*"Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan Hari kemudian."* Maksud ayat 59, surah an-Nisa.

Sekiranya kedua-dua sumber rujukan itu (al-Quran dan sunnah) tidak memberi panduan yang dicari, barulah dirujuk pada pemikiran dan kebijaksanaan akal manusia. Dalam usaha

mengejar kemajuan, tentu sekali umat Islam di Malaysia harus menggunakan keupayaan intelektualnya dengan sepenuhnya untuk mencari jawapan terhadap pelbagai persoalan semasa dan masa hadapan.

Tetapi ini tidak bererti bahawa umat Islam dibenar membelakangi atau memperkecilkan panduan-panduan umum dan khusus yang disediakan oleh al-Quran dan Sunnah. Jika hal ini berlaku, maka ia merupakan pengkhianatan kepada Allah dan Rasul dan "kemajuan" yang dicapai nanti pasti tidak mendapat keredhaan Allah.

Keuntungan" yang dicapai di dunia dengan sengaja membelakangi panduan Ilahi akan mengundang kerugian yang hakiki di hari akhirat, sedangkan bagi umat Melayu- Islam matlamat kehidupan mereka ialah mencapai kejayaan di dunia dan kebahagiaan di alam yang kekal abadi.

Umat Islam diajar melalui al-Quran bahawa Allah SWT, selaku penguasa seluruh alam, sering mengambil tindakan - positif atau negatif - terhadap perlakuan baik atau buruk sesuatu kaum dalam sejarah peradaban manusia.

Kisah kaum yang dahulunya maju dari segi kebendaan, tetapi kemudiannya mengkhianati amanah Allah, lalu melakukan pelbagai kezaliman dan penindasan sesama manusia, kaum itu akhirnya ditimpa bencana dan kemusnahan, tidak diceritakan oleh Allah SWT untuk sekadar menglipurlarakan orang-orang Islam.

Ini merupakan amaran tegas daripada Penguasa Yang Tinggi dan Pentadbir Yang Maha Penyayang bahawa nasib yang sama boleh menimpa sesuatu kaum termasuklah bangsa Melayu, pada masa ini atau masa hadapan, sekiranya bangsa itu lupa atau sengaja membelakangi garis-garis panduan untuk mencapai kemajuan yang menyeluruh dan yang diredhai oleh Allah SWT.

Ajaran serta amaran daripada Allah meletakkan di atas bahu

bangsa Melayu-Islam, suatu misi dan tanggungjawab yang besar untuk memajukan diri mereka dan negara sekaligus dengan kaedah yang menjamin keselamatan, iaitu mengintegrasikan nilai-nilai iman dan akhlak mulia alam semua usaha pembangunan bangsa dan negara.

Pemimpin umat Melayu-Islam dalam semua bidang harus menjadi contoh kepada masyarakat bukan Islam tentang penghayatan peradaban tinggi sambil negara menuju ke arah kemajuan. Dalam hubungan ini, umat Melayu-Islam dan generasi Melayu Baru bukan sahaja dituntut menguasai pengurusan yang cekap dan berkesan, tetapi harus menunjukkan model tentang mutu kebersihan, mutu kesihatan, dan disiplin dalam mengurus waktu, kesenian dan kesusasteraan yang bermutu tinggi, kesopanan dan berbudi bahasa dalam interaksi antara kaum, menjaga kepentingan dan kebajikan masyarakat.

Suatu pengajaran sejarah yang tidak harus dilupakan oleh para pemimpin Melayu-Islam dan generasi Melayu Baru ialah keruntuhan Islam yang bertapak di Andalusia, India dan Turki selama ratusan tahun yang lalu. Ia berpunca, antara lain daripada gaya hidup golongan atasan yang mementingkan kemewahan, keseronokan dan kekuasaan, sehingga kekuasaan agama mereka menjadi semata-mata lambang untuk bermegah-megah dan perhiasan untuk mengabui mata rakyat.

Tumbangnya peradaban dan kerajaan besar dalam sejarah bermula daripada kereputan akhlak para penguasanya, manakala kekalahan dalam peperangan merupakan sebab sampingan. Ketahanan moral kerohanian yang kental amat diperlukan oleh bangsa Malaysia dalam usaha mengisi Wawasan 2020.

Satu pertanyaan penting yang harus difikirkan ialah apakah mungkin bangsa Malaysia, dengan berteraskan bangsa Melayu-Islam, akan menjadi bangsa berperadaban tinggi pada masa negara mencapai status negara maju kelak? Untuk

menjawabnya kita perlu membincangkan secara serius akan keupayaan negara menghadapi beberapa persoalan seperti berikut;

- \* Kemampuan sistem dan politik serta pemerintahan kita menjadi lebih matang, bersih, terbuka dan bertanggungjawab kepada rakyat.

- \* Kesediaan golongan berada melayani keperluan golongan yang kurang berada dan kurang bernasib baik, ketika kekayaan dan kemewahan meningkat.

- \* Bagaimana golongan berpengaruh dan berkuasa menggunakan pengaruh mereka tanpa tunduk kepada tekanan yang tidak bermoral.

- \* Kesediaan golongan profesional mematuhi kod etika profesion mereka tatkala peluang untuk mendapat keuntungan tidak bermoral bertambah.

- \* Kesediaan golongan feodal Melayu mereformasikan diri mereka, agar gaya hidup mereka menjadi lebih sederhana tanpa membebankan kewangan negeri.

- \* Kesediaan golongan terpelajar dan cendekiawan mengguna ilmu pengetahuan dan ketrampilan mereka, tanpa terikut-ikut dengan pendapatan dan gaya hidup golongan swasta.

- \* Bagaimana semua golongan di atas berkomunikasi dengan Tuhan, manusia dan alam dengan lebih beradab, ikhlas dan akrab.

- \* Kesediaan dunia hiburan, media elektronik dan media

cetak, budaya pop, seni dan sastera, menjiwai visi dan misi peradaban dan tanpa rasuah.

\* Keberkesanan institusi keluarga dan peranan ibu bapa dalam mendidik generasi beradab dalam masyarakat perindustrian.

\* Kemampuan rakyat menggunakan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan tidak lagi berkomunikasi dengan bahasa "pasar"

\* Keupayaan organisasi belia, persatuan pengguna dan persatuan bukan kerajaan yang lain untuk menjadi golongan pendesak yang lebih berkesan ke arah pemupukan kesedaran sivik, keadilan dan perlakuan beradab dalam masyarakat maju.

Untuk mencapai matlamat yang ideal seperti yang disebutkan di atas ini, pelbagai perancangan dan persiapan di semua lapisan masyarakat perlulah dilakukan. ini adalah supaya bangsa Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan agama, dapat melangkah ke masa hadapan yang lebih baik untuk semua.

Kita juga amat gembira tentang ramalan-ramalan menunjukkan bahawa matlamat pertumbuhan ekonomi dan perindustrian boleh dicapai oleh Malaysia, tetapi dengan terdedahnya gejala kemerosotan akhlak yang gawat di tengah-tengah modenisasi kehidupan bangsa, kita menjadi serba bimbang.

Penyakit-penyakit sosial seperti dadah, AIDS, perjudian, ketagihan arak dan merokok sedang mendapat perhatian masyarakat. Khabarnya sekolah-sekolah akan dijadikan kawasan yang bebas daripada amalan merokok dan kawalan lebih ketat terhadap amalan merokok akan diperluaskan.

Belanjawan negara juga telah memberikan perhatian yang lebih kepada generasi tua dalam rangka menggalakan masyarakat penyayang. Usaha meningkatkan kecemerlangan dan mutu kerja yang lebih baik dalam jentera pentadbiran negara sedang dilakukan. Penerapan nilai-nilai murni juga sedang digiatkan untuk kumpulan sasaran tertentu dalam pentadbiran dan masyarakat. Kementerian Penerangan semakin aktif mengawal merebaknya budaya "rock" melalui media elektronik negara dan garis-garis panduan sudahpun diwujudkan untuk mengikis unsur-unsur lucah, ganas, dan tahyul dalam filem televisyen.

Usaha-usaha dan langkah-langkah tegas di atas patutlah dipuji dan dihargai, tetapi selagi nilai akhlak belum meresap secara menyeluruh dalam semua bidang kehidupan bangsa Malaysia, dan selagi struktur pembangunan manusia masih dikuasai oleh unsur-unsur sinis dan skeptis terhadap peranan agama dan akhlak, selama itulah kemajuan kita akan mengalami kepincangan yang serius.

Berdasarkan pengalaman masyarakat yang "maju", gejala jenayah, penipuan, rasuah, penyelewengan dan kebiadapan akan meningkat, selagi kekuatan materilisme mengatasi kekuatan moral. Untuk menjadikan kekuatan moral lebih berpengaruh, pendekatan serampang dua mata melalui perundangan dan pendidikan perlu dipertingkatkan lagi.

Undang-undang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa untuk mencegah perbuatan jenayah dan jentera pengawal dan penguatkuasaan undang-undang perlu bersih daripada penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Sesungguhnya, saluran pendidikan formal dan tidak formal merupakan kunci utama dalam menanamkan nilai peradaban tinggi.

Pendidikan dalam keluarga dan instusi pengajian rendah atau tinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sahsiah generasi muda akan lebih berkesan sekiranya media massa

memberi bantuan yang berterusan dan konsisten serta tidak mudah tunduk kepada tekanan keuntungan besar.

Generasi muda hari ini terdedah pada pelbagai sistem nilai yang bercanggah antara satu sama lain. Di sekolah, nilai-nilai yang baik diberi penekanan sebaliknya, sementara di dalam media massa nilai-nilai *liberal* dan *permissive* sering ditonjol-tonjolkan. Dalam arena politik pula nilai *pragmatisme* mungkin akan mendapat ganjaran lebih daripada nilai kesetiaan pada ajaran agama.

Dalam dunia pasaran bebas mungkin nilai "*survival of the fittest*" atau budaya "*dog eat dog*" lebih penting. Dalam sistem pentadbiran, mungkin nilai "*to the line*" atau "pengampu" jauh lebih dihargai daripada nilai kejujuran.

Pemerhatian yang agak simplistik dan umum ini tidak menafikan usaha gigih yang sedang dilakukan oleh banyak pihak untuk memperkuat penghayatan nilai-nilai positif negara.

Sehubungan dengan itu, budaya pemilihan pemimpin dalam masyarakat negara ini barangkali harus ditukar daripada yang berorientasi pada kekayaan, pangkat dan keturunan kepada yang berteraskan ketinggian akhlak, keluhuran peribadi dan matlamat yang suci!

Dalam menghadapi tahun 2020, percanggahan sistem nilai yang mengelirukan - antara idealisme yang dinyatakan dengan kejelekan moral yang menjadi kenyataan - harus dibendung agar nilai-nilai peradaban tinggi sahaja menjadi dominan dalam masyarakat.

Oleh itu adalah dirasakan wajar supaya pembangunan masyarakat kota, ekonomi, kebudayaan, pentadbiran, politik dan pendidikan disepadukan dengan pembangunan moral dan kerohanian.

Falsafah dan strategi pembangunan harus difokuskan pada pembinaan insan secara bersepadu, iaitu dengan mengga-



bungkan pembinaan insan secara bersepadu berasaskan potensi rohani, intelektual dan jasmani.

Sekiranya pembangunan negara tidak diberi peranannya yang sebenar, negara kita mungkin akan mencapai kemajuan tanpa peradaban tinggi menjelang abad ke-21. Kaedah integrasi inilah yang harus kita terapkan dengan sungguh-sungguh dan segera, demi menjamin masa depan yang lebih baik khususnya dalam usaha kita untuk melahirkan bangsa Melayu Baru yang berjaya dan berhemah tinggi.





## **APA SALAHNYA MELAYU LAMA?**

APAKAH benar sifat-sifat murni orang Melayu seperti merendah diri, berbudi bahasa dan sentiasa menghormati orang lain menjadi penyebab orang Melayu ketinggalan dalam mengejar kemajuan dalam abad ini? Ramai pemikir Melayu telah mengetengahkan pendapat yang mencadangkan agar orang Melayu harus menghapuskan sifat-sifat ini kerana sifat-sifat itu pada pandangan mereka telah banyak menjejaskan perkembangan kemajuan orang Melayu dalam beberapa aspek kehidupan. Mereka sebaliknya mengesyorkan agar orang Melayu bersifat "kurang ajar" dalam konteks budaya Melayu.

Untuk menilai sejauh mana hujah - kononnya kegagalan orang Melayu dalam mencapai kemajuan kerana sifat-sifat murni yang mereka miliki, kita mestilah membuat analisis yang bermula daripada sejarah keagungan Melaka, kerana pada ketika itu orang Melayu bukanlah dianggap sebagai satu bangsa yang lemah tetapi telah dipandang sebagai satu bangsa yang kedudukannya setaraf dengan bangsa-bangsa lain di

dunia.

Penulis-penulis barat sendiri telah mengakui bahawa orang Melayu di dalam zaman keagungan Melaka itu adalah lebih memang maju dalam perdagangan antarabangsa. Penglibatan mereka telah menjangkau sampai ke seluruh alam Melayu. Mereka membuat hubungan dengan negeri China, India, Arab dan keseluruhan Kepulauan Melayu.

Yang paling penting ialah Melaka telah dijadikan pusat perdagangan yang dapat menarik perhatian saudagar-saudagar untuk bertumpu ke sana sepertimana peranan pelabuhan Singapura hari ini. Di antara sebab-sebab yang membolehkan Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting itu ialah kebolehan pentadbir-pentadbir di Melaka (yang sudah tentu terdiri daripada orang Melayu) yang berjaya mengendalikan pentadbiran pelabuhan itu.

Berdasarkan hakikat ini tentulah asas pentadbiran Melaka pada ketika itu berasaskan kepada beberapa sifat murni orang Melayu dan dengan mengamalkan sifat-sifat demikian orang Melayu turut maju setanding dengan bangsa-bangsa lain. Sejarah ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa orang Melayu boleh maju tanpa membuang sifat-sifat murni yang mereka pusakai. Mereka bukanlah bangsa yang tidak mempunyai latar belakang sejarah yang mengkagumkan.

Sebaliknya, sejarah juga memaparkan bahawa orang Melayu mula mundur selepas kedatangan bangsa-bangsa barat seperti Portugis, Belanda dan kemudiannya Inggeris. Jelas sekali kejatuhan orang Melayu apabila bertapaknya bangsa-bangsa ini di tanahair kita. Orang Melayu telah mengalami satu kejutan budaya yang bukan kepalang hebatnya, sehingga terencat perkembangan kemajuannya dalam segenap lapangan.

Orang Melayu tidak pernah menggunakan kekerasan dalam bidang perdagangan, tetapi apabila datang Portugis mereka telah menggunakan beberapa strategi perdagangan yang tidak

jauh berbeza dengan strategi peperangan.

Selepas kita mencapai kemerdekaan, orang Melayu telah terpinga-pinga tentang strategi apakah yang paling sesuai untuk kita gunakan bagi menjamin kejayaan orang Melayu dalam berbagai bidang. Orang Melayu memang telah betul-betul ketinggalan dalam saat-saat negara ini mencapai kemerdekaan. Usaha untuk meningkatkan prestasi orang Melayu di bidang ekonomi tidak begitu mudah untuk dilakukan di waktu itu, kerana persaingan daripada bangsa lain yang sudah jauh meninggalkan mereka, bahkan lebih berpengalaman dalam perniagaan dibandingkan dengan orang Melayu.

Dalam zaman pendudukan Inggeris, orang Melayu telah mengalami berbagai konflik jiwa yang parah. Orang Melayu mundur dalam serba serbi dalam lapangan. Malah segala yang buruk telah diletakkan ke bahu orang Melayu. Orang Melayu malas. Orang Melayu yang *easy-going*. Orang Melayu lemah dalam pelajaran. Orang Melayu tidak pandai berniaga dan berbagai-bagai lagi yang mengutuk perasaan dan maruah orang Melayu sekaligus meletakkan mereka dalam fenomena yang tidak ketentuan dan dijangkiti perasaan rendah diri yang begitu ketara.

Kepimpinan UMNO waktu itu pula tidak mempunyai wawasan besar untuk memajukan orang Melayu. Baik di dalam bidang ekonomi mahupun di dalam bidang pendidikan. Orang Melayu dibiarkan menentukan hidup mereka sendiri tanpa apa-apa bantuan dan tunjuk ajar. Mereka menjadi miskin di bumi sendiri kerana faktor-faktor sejarah dan kegagalan pemimpin masa lalu yang tidak peka dengan permasalahan bangsanya.

Jelas di sini bahawa kelemahan orang Melayu untuk mencapai kemajuan bukan kerana sifat-sifat murni yang ada pada diri mereka. Ini kerana orang Melayu pernah mencipta kemajuan di zaman silam khususnya di zaman keagungan

Melaka dulu. Sebaliknya kedatangan penjajah telah menjadi penyebab utama orang Melayu lemah.

Penjajahlah melalui dasar pecah dan perintah telah mengikis kekuatan orang Melayu (lama) serta menyekat pelbagai peluang untuk orang Melayu berjaya. Penjajah telah menganaktirikan orang Melayu di bumi sendiri, di mana orang Melayu dibiarkan sebagai petani kampung yang miskin dan bergantung hidup kepada aktiviti pertanian tradisional untuk menyara keluarga sahaja. Orang Melayu lama tidak diberi peluang pendidikan yang secukupnya sehingga akhirnya mereka buta kepada kemajuan dan kekuatan diri sendiri.

Justeru itu, kita tidak hairan kerana selepas merdeka, orang Melayu seperti kehilangan arah untuk menjadi bangsa yang dominan dan bergerak maju dalam semua aspek kehidupan.

Menyalahkan orang Melayu kerana kegagalan mereka dalam pelbagai aspek kehidupan adalah tidak wajar, tanpa memahami sejarah mereka semasa penjajahan. Sungguhpun ini bukan bermakna kita menafikan sama sekali bahawa orang Melayu mempunyai keupayaan dalam segala sifat yang buruk.

Keburukan tetap ada pada beberapa perlakuan orang Melayu sebagaimana yang kita ketahui masih ramai orang Melayu yang bercakaran dan bertelagah pendapat kerana kurang faham mengenai peranan masa depan yang harus mereka mainkan bersama. Atas sebab itu mereka sukar untuk mencapai kata sepakat, walaupun seruan perpaduan sering dilaungkan oleh pemimpin atasan.

Wujudnya satu kumpulan pemimpin Melayu yang sentiasa memikirkan kepentingan diri telah menambah lagi kekeliruan terhadap pemikiran masyarakat Melayu. Orang Melayu juga sentiasa disogok dengan unsur yang boleh menimbulkan rasa curiga mencurigai dan hasad dengki antara satu sama lain.

Inilah barah dan beberapa keburukan yang masih menghantui jiwa orang Melayu. Penyakit inilah yang perlu

dihapuskan kerana ia menjadi penghalang kepada kemajuan mereka di masa depan. Sekiranya barah ini tidak diubati segera, tidak mustahil orang Melayu akan ketinggalan. Sungguhpun kita mengakui unsur-unsur ini, adalah satu kelemahan peribadi orang Melayu, tetapi untuk mengatakan inilah sebab utama kelemahan orang Melayu, tentulah tidak tepat. Unsur-unsur ini hanya sebab sampingan sahaja.

Dalam pada itu kita juga sering diajukan pertanyaan - untuk apakah menyesali sejarah hitam yang sudah berlalu? Bukankah orang Melayu kini sudah bebas daripada belenggu penjajahan? Ya.. memang benar, orang Melayu kini sudah bebas daripada penjajahan, tetapi ini bukanlah bermakna bahawa pemikiran mereka juga turut bebas dari cengkaman penjajahan.

Untuk memulihkan orang Melayu kepada hakikat diri mereka yang sebenar (seperti orang Melayu di zaman keagungan Melaka) sebelum zaman penjajahan lebih 400 tahun lalu, bukanlah satu tugas yang mudah. Ianya mengambil masa dan perancangan yang teliti.

Orang Melayu memerlukan ubat yang mujarab untuk memulihkan kekuatan mereka. Dalam dunia yang serba moden ini, ubat yang paling mujarab itu tidak lain ialah wujudnya pemimpin yang berwibawa di kalangan orang Melayu. Orang Melayu juga mesti menguasai ilmu pengetahuan moden dan mengikis sikap tidak yakin terhadap diri sendiri. Mereka mesti menguasai semua bidang teknologi dan sains dan melihat masa depan mereka dengan penuh yakin.

Kalau boleh dikatakan peristiwa 13 Mei 1969, mungkin berjaya mengubah sedikit keperibadian orang Melayu untuk bangkit membela hak mereka yang semakin dikikis ketika itu. Tetapi peristiwa itu pada dasarnya masih gagal mengikis langsung beberapa sifat kelemahan yang ditinggalkan oleh penjajah dalam jiwa orang Melayu.

Era Tun Abdul Razak dapat diperhatikan sebagai satu zaman pentadbiran yang cuba memulihkan kehidupan orang Melayu dalam beberapa aspek kehidupan. Kewujudan Dasar Ekonomi Baru dan beberapa dasar yang lain tidak syak lagi adalah sebagai usaha untuk memajukan kehidupan fizikal orang Melayu di samping pembangunan mental. Kejayaan dapat dilihat hasil daripada usaha gigih yang cuba dilaksanakan oleh Tun Abdul Razak itu, namun segala kejayaan itu lebih mirip kepada kejayaan fizikal dan tidak boleh dibanggakan disegi kejayaan mentalnya.

Apabila muncul Dr. Mahathir, beliau telah menitikberatkan pembangunan kedua-dua bidang ini (mental dan fizikal) dan lebih jauh dari itu beliau telah cuba menerapkan nilai-nilai Islam dan pembentukan semangat serta menanamkan kepercayaan "keyakinan diri" di kalangan orang Melayu.

Melalui konsep "Kepimpinan Melalui Teladan", Dr Mahathir telah cuba untuk menunjukkan kepada rakyat, bahawa bangsa Melayu bukanlah bangsa yang boleh diperkotak-katikan. Bangsa Melayu merupakan satu bangsa yang mempunyai maruah tinggi. Dr. Mahathir telah menunjukkan beberapa contoh teladan yang harus diikuti oleh rakyat dalam tindak tanduk mereka.

Beliau juga telah membuka mata rakyat, mengejutkan dan mengajak orang Melayu agar bangun dari tidur. Di samping itu tindakannya juga telah memeranjatkan kebanyakan negara dunia yang dulunya menganggap Malaysia sebagai sebuah negara mundur, di mana "penduduknya masih bertelanjang dan tinggal di atas pokok".

Selepas kejayaan dasar-dasar sebelumnya, Dr. Mahathir juga telah memperkenalkan pula Wawasan 2020 sebagai gagasan besar untuk kepentingan orang Melayu dan bangsa Malaysia amnya. Perdana Menteri mengemukakan satu idea yang baik untuk melihat kejayaan orang Melayu di masa depan.

Beliau mahu orang Melayu lebih maju ke hadapan.

Tindakan Perdana Menteri Dr. Mahathir mempersiapkan negara untuk menghadapi hari muka, serupa dengan cara tindakan yang dilakukan oleh Tun Razak dalam mempersiapkan orang Melayu agar dapat bertanding dan bersaing dengan orang bukan Melayu dalam segenap bidang. Cuma yang berbeza ialah suasana negara dan keadaan rakyat ketika sesuatu dasar itu dilancarkan adalah berbeza.

Dr. Mahathir telah mengemukakan wawasannya itu ketika masyarakat Malaysia di dalam keadaan bersatu dan bersedia bergerak maju sedangkan Tun Razak melancarkan Dasar Ekonomi Barunya itu, selepas selesai sahaja peristiwa perbalahan kaum pada 13 Mei 1969 dan ketika orang Melayu amat ketinggalan dalam segenap lapangan pada masa itu.

Orang Melayu seharusnya duduk sama rendah dan berdiri sama tegak dengan kaum-kaum lain yang ada di negara ini. Alasan Dr. Mahathir ini bukanlah disebabkan orang Melayu sebagai putera bumi, lantas diberikan segala pertolongan, tetapi adalah dari segi peratusan penduduk. Tidak munasabah, kata Dr. Mahathir sekiranya separuh daripada penduduk sesebuah negara tidak mendapat nikmat daripada kekayaan negara yang didiami. Ini bermakna Perdana Menteri menekankan tentang konsep perkongsian bersama. Berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing.

Masyarakat Wawasan 2020 akan merupakan masyarakat persaingan yang sengit. Sekarang ini pun kita sedang sama-sama menyaksikan generasi anak-anak kita yang berhempas-pulas menghadapi saingan dipelbagai bidang pendidikan.

Memang kita telah melaksanakan pelbagai strategi untuk memperkuatkan generasi muda Melayu ini, tetapi ternyata saingan kita itu juga mempunyai strategi mereka sendiri. Malah tidak mustahil generasi Melayu abad mendatang ini akan menghadapi cabaran generasi bukan Melayu yang lebih besar



dan agresif. Oleh itu strategi dan program pembinaan generasi pelanjut ini perlulah diberi perhatian yang lebih serius.

Pembinaan generasi pelanjut yang berkualiti seharusnya mendapat perhatian utama. Pemimpin-pemimpin masa kini seharusnya mempunyai keinginan seperti keinginan Umar Ibn al-Khattab yang menginginkan sejumlah orang-orang Islam yang hebat yang sezaman dengannya untuk membantunya mendaulatkan agama Allah SWT.

Apa yang jelas kejayaan Wawasan 2020 ini, akan banyak bergantung kepada keupayaan generasi sekarang membina kualiti generasi pelanjut itu. Dari satu segi, kuantiti itu penting terutama dalam konteks sistem demokrasi seperti yang kita amalkan sekarang ini. Tetapi kuantiti tanpa kualiti tidak juga akan membawa kita kemana-mana. Dalam suasana-suasana tertentu, nilai seorang yang berkualiti tinggi, mungkin mengatasi ratusan orang yang tidak berkualiti.

Dengan demikian rasanya kita dapat menyepakati bahawa Melayu Baru yang dicitakan itu, seharusnya Melayu yang berkualiti, kuat, beragama, yang mampu memanfaatkan dinamika akidah dan syariah agamanya untuk tampil sebagai manusia yang unggul dan *competent*.

Dari penghayatan terhadap nilai-nilai murni agama dan budayanya itulah terbinanya watak yang berjiwa merdeka, berbudaya ilmu, berfikiran dinamik, berdaya saing dan berperikemanusiaan.





# MINDA BARU USAHAWAN MELAYU

PERBINCANGAN tentang pembentukan Melayu Baru ini nampaknya menarik perhatian bukan sahaja kepada golongan cendekiawan, tetapi kepada penulis juga aktif menyumbangkan pandangan mereka.

Saya gembira kerana penulis tempatan mempunyai komitmen serta daya usaha dalam menjayakan matlamat besar ini. Tak syak lagi peranan penulis dan wartawan amat penting, bukan sahaja untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat, tetapi juga memberi idea-idea bernas atau teguran terhadap segala rancangan yang mahu dilaksanakan oleh kerajaan.

Di antara penulis yang saya kira rajin memberi buah fikiran mereka terhadap konsep Melayu Baru ini ialah saudara Chamil Wariya dan Rustam A. Sani. Bila saya menyebut saudara Chamil Wariya dan Rustam A. Sani di dalam topik ini bukanlah bermakna saya menafikan sumbangan penulis lain. Saya tetap mengakui bahawa buah fikiran penulis lain juga tidak kurang pentingnya di dalam menyumbangkan buah fikiran mereka. Pun begitu kerana perbincangan yang akan

dibicarakan ini menyentuh rencana mengenai Melayu Baru yang ditulis oleh saudara Chamil, maka tentulah amat perlu saya menyebut namanya.

Sebuah rencana beliau berjudul, "Usahawan Sejagat" yang disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia mempunyai beberapa perkara menarik untuk dibicarakan. Satu sebab saya tertarik dengan rencananya ini ialah kerana idea-idea yang dikemukakan hampir menyemai dengan apa yang bermain dalam fikiran saya selama ini. Seperti yang diutarakan oleh Chamil, saya turut merasakan bahawa para usahawan Melayu tidak lagi boleh berbangga sekadar menjadi jaguh kampung semata-mata. Seperti yang digelarkan kepada pemain Badminton keluarga Haji Sidek.

Mereka harus meneroka alam baru, iaitu menjadi usahawan yang bertaraf antarabangsa seperti usahawan Jepun, Korea atau Taiwan. Gelaran jaguh kampung tidak lagi sesuai bagi usahawan Melayu, terutama di dalam usaha kita untuk menjadi masyarakat maju menjelang tahun 2020 nanti.

Inilah intipati atau mesej penting yang patut difahami oleh usahawan Melayu. Untuk memahami dengan lebih detail lagi, saya muatkan di sini rencana tersebut dengan harapan dapat meluaskan lagi pemikiran pembaca buku ini.

\* Sesuai dengan semangat dan jiwa Melayu Baru yang ada padanya, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, sebelum ini telah menyeru usahawan-usahawan Melayu supaya menjadikan diri mereka sebagai usahawan sejagat. Usahawan-usahawan itu telah digesa supaya "bersaing dengan rakan-rakan mereka dalam pasaran dunia dan mencipta nama bagi diri mereka sendiri. Kita mesti membuktikan kepada dunia bahawa peniaga-peniaga Melayu tidak saja mencari pelaburan melalui projek-projek usahasama, tetapi juga mempunyai kemampuan mengeksport produk dan melabur di luar negara.

Dan dengan penuh yakin Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib berkata, "Orang-orang Melayu yang telah memainkan peranan penting membina negara-bangsa boleh menjadi usahawan bertaraf kelas dunia seandainya mereka bersikap konstruktif, inovatif dan kreatif.

Keyakinan yang disuarakan itu memang berasas. Seruan yang dibuat pula memang wajar dan tepat.

Bagi memastikan bahawa pertumbuhan dan kemakmuran ekonomi yang kita nikmati sekarang dapat terus dipertahankan dan dikembangkan secara berterusan, para usahawan negara ini - Melayu dan bukan Melayu - tidak ada pilihan lain, kecuali memasuki pasaran antarabangsa.

Sesetengah usahawan itu sebenarnya sudahpun berbuat demikian. Kehadiran pelaburan dan usahawan Malaysia yang sudahpun dirasakan di beberapa negara Selatan dan negara membangun yang lain adalah testimoni yang jelas terhadap hakikat itu.

Usahawan kita seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohammad dalam satu ucapan sewaktu melawat China baru-baru ini, telahpun melabur di Vietnam, China, Iran dan beberapa buah negara Pasifik Selatan.

Namun begitu, bilangan usahawan Melayu yang berfikiran sejangat khususnya masih lagi kecil. Jumlah mereka boleh dibilang dengan jari. Ramai berasa selesa berada dalam kelompok mereka sendiri. Mereka belum lagi berani untuk menerjunkan diri ke dalam pasaran dunia secara langsung.

Dari satu segi, situasi di mana mereka berada memang boleh difahami. Bagi sebahagian besar daripada mereka, dunia perniagaan dan korporat secara relatif adalah masih baru. Kebanyakan daripada mereka berasa puas hati dengan status baru mereka itu.

Lantaran itu, mereka perlu bergerak secara berhati-hati. Kebanyakan mereka hanya berminat untuk memperkuat

kedudukan yang ada di dalam negeri sahaja. Bersaing dengan usahawan-usahawan di pasaran antarabangsa adalah sesuatu yang belum difikirkan lagi.

Adalah jelas bahawa aliran dan pemikiran serupa ini di kalangan usahawan-usahawan Melayu, terutamanya yang sudah menjadi jaguh ditempat sendiri itu tidak boleh dibiarkan berpanjangan.

Seperti dalam bidang kesukanan, usahawan-usahawan Melayu juga tidak boleh berbangga sekadar menjadi jaguh kampung semata-mata. Benar menjadi jaguh kampung itu sendiri tidak dapat dinafikan adalah satu pencapaian yang penting. Tetapi pencapaian itu tidak patut berakhir di situ sahaja.

Adalah satu tanggapan silap sekiranya di kalangamn usahawan-usahawan Melayu, ada yang berfikiran bahawa mereka mahu kekal pada tahap yang sedia ada buat selamalamanya. Mereka tidak boleh berada di bawah tempurung sendiri hingga bila-bila.

Sebaliknya usahawan-usahawan itu hendaklah menggunakan kedudukan mereka sebagai jaguh kampung untuk membina kekuatan di peringkat lebih tinggi, iaitu pada peringkat serantau, wilayah dan seterusnya sejagat.

Mereka akhir-akhirnya hendaklah menguasai pasaran dunia seperti yang berjaya dilakukan oleh usahawan-usahawan Jepun, Korea dan Taiwan.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa pada hakikatnya kerajaan sudahpun memulakan usaha menjadikan peniaga Melayu sebagai usahawan sejagat ini.

Apabila para pemimpin negara dalam lawatan keluar negara, membawa bersama ahli-ahli perniagaan dan usahawan yang besar. Tujuan mereka bukanlah sekadar untuk memeriahkan rombongan atau membolehkan mereka bergesel bahu dengan pemimpin-pemimpin di luar negara, tetapi untuk

mendedahkan mereka kepada peluang-peluang perniagaan di peringkat antarabangsa.

Rasional di sebalik usaha-usaha itu adalah mudah. Ekonomi dunia sekarang ini tidak lagi mengenal sempadan. Dan sebagai sebuah negara yang pada asasnya berpegang pada doktrin pasaran terbuka, pertumbuhan ekonomi kita bergantung kepada perdagangan di pasaran antarabangsa dan juga kedatangan para pelabur asing.

Pasaran domestik kita yang secara relatif adalah kecil, tidak mungkin dapat menjamin pertumbuhan yang besar. Memandangkan hal itu, para usahawan kita kenalah mengorientasi minda mereka. Berfikiran sejagat, seperti yang disarankan oleh Tan Sri Muhammad itu, adalah sesuatu yang mesti disemai secara positif mulai sekarang.

Sekiranya ingin kekal dan relevan, mereka bukan saja perlu melabur di negara-negara lain dengan harapan pelaburan itu akan membawa pulangan dan perolehan yang menguntungkan, tetapi juga mereka perlu mencari pasaran-pasaran baru bagi barangan dan perkhidmatan yang kita keluarkan.

Setelah menjadi usahawan sejagat, usahawan-usahawan Melayu itu tidak pula harus hilang pedoman. Mereka jangan pula sesekali lupa akatr umbi mereka seperti lagak si Tenggang (meminjam istilah Rustam A. Sani). Peluang menembusi pasaran antarabangsa hendaklah digunakan bagi menjaga kepentingan-kepentingan negara bukan menjaga kepentingan perniagaan mereka semata-mata.

Usahawan-usahawan Melayu (dan juga bukan Melayu) yang sudah menjadi usahawan sejagat ini seperti yang selalu diingatkan oleh Menteri Kewangan, Dato' Sri Anwar Ibrahim, hendaklah menjadi warga korporat yang berupaya mengimbangi antara komitmen mencari keuntungan dengan cita-cita negara pada keseluruhannya.

Memanglah cabaran untuk menembusi pasaran-pasaran

antarabangsa itu adalah kompetatif dan tidak mudah. Di samping wujudnya dasar-dasar perlindungan - tarif dan bukan tarif - sekarang tegak pula blok-blok ekonomi dan perdagangan yang juga mungkin akan menutup peluang-peluang kita.

Tindakan negara-negara utara menghubungkan perdagangan dan bantuan yang diberikan dengan hak asasi manusia (yang mereka sendiri tafsirkan) juga tidak membantu.

Lebih teruk lagi, doktrin perdagangan bebas yang menjadi asas perdagangan dunia yang selama ini menguntungkan negara-negara membangun, mahu ditulis semula dengan cara yang bakal merugikan dunia Selatan itu sendiri.

Tetapi halangan-halangan mencabar itu tidak harus mematahkan semangat usahawan Melayu untuk menjadi usahawan sejagat. Mereka yang bijaksana harus berupaya untuk menukar halangan menjadi peluang sekiranya mereka ingin menguasai pasaran dunia dan muncul sebagai usahawan sejagat yang tergolong dalam kelompok itu.





## VIRUS YANG MENGGUGAT MELAYU

PERIBADI sesuatu bangsa adalah jantung kepada seluruh kekuatan bangsa berkenaan. Bangsa yang lemah adalah bangsa yang sudah kehilangan identiti dan maruah, sedangkan bangsa yang kuat adalah bangsa yang menghormati serta memelihara sejarah serta peradabannya.

Kekuatan tidak boleh dibina di atas konsep yang rapuh dan penuh imaginasi. Kekuatan juga tidak akan mampu bertahan lama, kalau individu atau masyarakat yang menjadi tonggak pembinaannya melihat orang lain lebih berwibawa kerana faktor-faktor luaran yang subjektif dan penuh kepalsuan.

Tetapi kekuatan hanya akan terbina dan menjadi kukuh dengan adanya kesepaduan yang mantap antara individu dalam sesebuah masyarakat. Mereka tidak terpesona dengan fatamorgana yang bersifat sementara atau bayangan-bayangan yang tidak bersifat realiti. Bangsa yang mahu mencipta sejarah baru dalam rupa bentuk yang baru dan dihormati, mestilah ada kekuatan dalaman iaitu kekuatan yang dibina berasaskan



budaya serta sejarahnya yang tersendiri.

Untuk itu mereka mestilah mempunyai sahsiah dan keperibadian yang unggul tanpa dicemari oleh virus yang selalu melemahkan kekuatan mereka, iaitu tidak yakin dengan kebolehan bangsa sendiri untuk maju dalam semua lapangan. Bangsa yang sudah kehilangan maruah akan lebih menyanjung kekuatan bangsa lain.

Bangsa yang lemah juga tidak akan berusaha untuk keluar dari pemikiran yang terjajah. Ini kerana bagi mereka cukuplah setakat menjadi "pak turut" dan hamba kepada orang lain kerana di dalam jiwa mereka sudah menebal satu keyakinan - kita tidak boleh menandingi orang lain, kita adalah bangsa yang tidak ada harapan lagi untuk berjaya dan maju ke hadapan.

Maka dengan keyakinan yang salah itu, tidak hairanlah mereka akan terus menjadi bangsa yang selama-lamanya ditindas dan dipermainkan-mainkan oleh orang lain. Sanggupkah bangsa Melayu dicop sebagai bangsa yang mempunyai sifat-sifat sedemikian? Tentu sekali tidak!

Tetapi ucapan sahaja belum cukup untuk mengikis tanggapan buruk itu, melainkan jika kita bersedia melakukan sebuah revolusi kepada pribadi kita. Demikianlah pentingnya kekuatan pribadi dalam jiwa sesebuah bangsa. Tidak terkecuali bangsa Melayu.

Peribadi bolehlah ditakrifkan sebagai kumpulan sifat-sifat dan kelebihan diri yang menunjukkan kelebihan atau kekurangan seseorang atau sesuatu bangsa itu. Ia juga adalah refleksi kumpulan sifat akal budi, kemahuan, etos, dan cita-cita yang ada pada seseorang atau sesuatu bangsa.

Kemajuan peribadi suatu kumpulan bangsa, mengikut Allahyarham Prof Hamka, tidak akan tercapai sekiranya suatu bangsa, itu belum ada kemajuan pada peribadi seseorang. Kejayaan dan kemajuan suatu bangsa dapat juga dicapai oleh

bangsa lain asalkan bangsa itu mempunyai peribadi yang kuat dan kental.

Kelemahan dan kekuatan, ketinggian dan kerendahan peribadi bukan saja nampak pada seseorang individu tetapi juga pada sesuatu bangsa.

Hamka dalam bukunya 'Peribadi', menyebutkan bahawa bangsa Jerman terkenal kerana kehidupan mereka yang berdisiplin, peribadi bangsa Perancis agak romantis, peribadi bangsa Inggeris percaya dengan kuat kepada diri sendiri, peribadi bangsa Amerika dibentuk oleh demokrasinya. Di mana pula peribadi bangsa Melayu khususnya dan apa yang dinamakan bangsa Malaysia itu amnya. Bagaimana pula rupa dan bentuknya?

Samada indentifikasi ciri-ciri peribadi bangsa yang dikemukakan oleh Hamka itu benar-benar sah atau tidak dari segi saintifik dan ilmu sosiologi, adalah satu persoalan lain.

Yang penting sekiranya Malaysia ingin menjadi negara maju dengan acuannya sendiri dan ingin menandingi kemajuan negara maju, yang lain, maka pembentukan rupa bangsa yang berkeperibadian besar amatlah penting dan menjadi agenda nasional yang perlu digarap serta diberi urutan keutamaan yang tinggi oleh setiap lapisan masyarakat.

Gejala keruntuhan moral adalah musuh yang selalu menyerang dan merosakkan keperibadian sesaorang. Golongan belia yang menjadi aset penting dalam pembentukan rupa bangsa akan gagal untuk melaksanakan tanggungjawabnya kepada negara, jika virus ini menyerang keperibadian dan moral mereka.

Gejala keruntuhan moral dan peradaban moden yang *technocentric* masa kini, yang oleh Roger Garaudy (Janji-janji Islam, 1982) dianggap sebagai sedang menuju kepada pembunuhan diri sendiri, menimbulkan rasa cemas mengenai keupayaan manusia moden mengendalikan masa depan dunia.

Daya fikir manusia yang berjaya menciptakan sains dan teknologi canggih kelihatan tidak mampu memperkuatkan tatasusila dan kesopanan dalam arus pembangunan negara yang pesat.

Terasa kepada kita sekan-akan semakin maju keupayaan teknologi manusia, semakin lemah pula daya tahan moralnya. Skandal demi skandal mewarnai peradaban masa kini dengan titik-titik hitam yang memprihatinkan. Kisah penipuan skala besar dalam perdagangan dan politik di Asia Tenggara masa kini juga tidak kurang hebatnya.

Seorang pengkaji tentang Jepun, Biran Reading, membuat ramalan mengenai keruntuhan yang bakal menimpa Jepun akibat dari amalan penipuan yang meluas dalam masyarakat. Penipuan sudah menjadi begitu lumrah sehingga wujud dewasa ini pengarang-pengarang yang menulis tidak kurang daripada 20 buah buku tentang bagaimana kita boleh menipu dalam pelbagai bidang kerjaya.

Di negara kita sendiri, insiden jenayah 'kolar putih' masih lagi terus berkembang dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi. Di antara 1981 dan 1986 sahaja beberapa skandal kewangan yang besar telah berlaku, seperti yang menimpa BMF, Pan El, Koperatif Penerima Depoist, Perwira Habib Bank tidak termasuk lebih beratus juta yang lesap akibat jenayah komersil.

Kita juga dikejutkan dengan skandal penipuan cek yang dipulangkan oleh MIDFCCS yang membabitkan sekurang-kurangnya RM16 juta. Penipuan dan rasuah di kalangan golongan profesional, termasuk peguam, akauntan, pemaju perumahan dan lainnya juga sering diperkatakan.

Sebagai contoh, pada 1989 dan 1990, Bar Council menerima 750 aduan tentang penipuan dan penyelewengan yang dilakukan oleh pihak peguam. Di antara Januari 1989 dan November 1990, 24 orang peguam dipecat dan 16 orang lagi

digantung kerja.

Krisis moral dalam kota raya Kuala Lumpur juga mendapat perhatian masyarakat. Dengan tumbuhnya pusat-pusat judi dan disko-disko seperti cendawan di musim hujan, golongan muda-mudi belasan tahun menghabiskan wang dan waktu mereka di dalam aktiviti yang menyeronokkan nafsu.

Malah, bukan sesuatu yang asing lagi kumpulan masyarakat yang menjadi harapan kita, iaitu belia/remaja seperti kehilangan arah dalam dunia serba moden ini. Keperibadian kumpulan remaja kita telah dilitupi oleh beberapa gejala kurang enak. Contohnya, generasi muda pada zaman sekarang lebih mengenali Madonna, Michael Jackson, Search, Iklim, MC Hammer, Gloris Estefan dan lain-lain yang seangkatan dengan mereka.

Mereka inilah yang menjadi model watak yang diimitasikan oleh sebahagian daripada mereka. Malangnya, apabila ini berlaku, generasi muda sudah seakan-akan terputus daripada akar budaya mereka sendiri. Sebuah masyarakat yang dihinggapi oleh penyakit ini diumpamakan oleh Dr Ali Shariati, seorang intelektual Iran, sebagai sebuah tong kosong tanpa penapis yang menerima apa saja yang dituang ke dalamnya.

Dr Siddiq Fadzil, ilmuwan tempatan juga melahirkan kebimbangan mengenai fenomena ini. Malah beliau juga berasa pemujaan dan perhatian secara berlebihan yang diberikan terhadap jaguh sukan negara juga boleh membawa akibat kurang sihat kepada keperibadian masyarakat.

Kalau hendak dibandingkan, ternyata sekali pengiktirafan, anugerah, keistimewaan, dorongan dan intensif yang diberikan kepada golongan cendekiawan, ulama, pemikir, sasterawan, budayawan, penulis, pejuang kemanusiaan serta aktivis sosial dan belia, amatlah jauh daripada apa yang diperolehi oleh bintang filem, sukan dan penyanyi pada hari ini. Mungkin kerana dunia orang seperti ini kurang agaknya.

Pengaruh meluas 'hero-hero' dan juga pemujaan anak-anak

terhadap watak-watak kartun seperti GI Joe, Ninja Turtles, Superman, Batman, Rambo dan lain-lain menunjukkan betapa besarnya pengaruh media cetak dan elektronik terhadap generasi muda kita.

Akibatnya, sebahagian daripada anak-anak muda kita itu, lebih mengenali dan boleh dikatakan arif mengenai watak berkenaan daripada mereka mengetahui watak model dalam sejarah Islam seperti Salman al-Farisi, Umar al-Khattab, Ali Ibnu Talib dan Khalid Ibnu Walid atau pejuang bangsa mereka sendiri.

Bagaimanakah kita boleh mewujudkan ciri berperibadi besar dan idealisme yang tinggi sekiranya hero anak-anak muda kita pun berasal dari dunia khayalan malah terbit daripada daya imaginasi animator barat pula? Sekali lagi kita terpaksa akur bahawa sistem pendidikan kita belum mampu menjadi benteng yang kukuh untuk menghindari anak-anak muda kita daripada terlalu terpengaruh kepada unsur fiksiyen dan budaya '*superficial*' ini.

Nyatalah laluan untuk mewujudkan budaya positif dan kemajuan mengikut acuan sendiri, seperti yang diimpikan oleh Dr Mahathir Mohamad dalam Wawasan 2020 itu masih berliku-liku dan samar-samar, lebih-lebih lagi kita tidak tahu jenis dan corak budaya apa yang melanda masyarakat dunia pada masa akan datang. Mungkin juga corak budaya kita itu jauh berlainan dengan apa yang kita dapat saksikan pada hari ini.

Sindrom kurang yakin kepada diri sendiri dicerminkan dalam perilaku remaja kita yang juga terikut-ikut akan fesyen dan ragam hero-hero mereka daripada corak pakaian yang mereka pakai hinggalah kepada fesyen rambut dan barang kemas yang mereka gunakan.

Sindrom ini menjadi lebih buruk sekiranya sesuatu bangsa itu melihat dan mengukur dirinya lebih rendah berbanding dengan bangsa lain, dari segi rupa bentuk manusia yang ideal

mengikut andaiannya.

Ini berlaku di kalangan segolongan remaja Jepun dan juga di China/Taiwan yang ingin memancungkan hidung mereka atau mengelokkan mata mereka supaya wajah mereka seakan-akan mirip wajah *Caucasian*.

Begitu juga kaum kulit hitam Amerika yang secara lahiriahnya berambut keriting meluruskan rambut mereka dengan andaian rambut yang lurus seperti yang biasanya dilihat di kalangan orang kulit putih, adalah satu rupa bentuk ideal dan lambang kesempurnaan fizikal yang harus diikuti.

Sekiranya premis kepada perubahan ini dilakukan untuk mencontohi rupa bentuk sesuatu bangsa lain dengan anggapan ia sesuatu yang ideal, tentulah sikap ini melambangkan kerendahan jiwa sesuatu bangsa itu.

Bangsa yang berjiwa besar tidak akan terikut-ikut akan sesuatu perkara tanpa usul periksa. Sebenarnya fenomena yang berlaku di barat seperti muzik rock dan amalan golongan hippies di Amerika Syarikat pada zaman 1960-an itu, adalah terbit daripada perubahan sosial dalam masyarakat itu sendiri dan mempunyai sebab tertentu.

Malangnya, belia kita yang berjiwa kerdil tidak memahami hakikat ini dan lebih gemar meniru aspek luaran yang bersifat palsu tanpa mengerti latarbelakang sesuatu perkara itu.

Oleh itu, sudah tiba masanya kita membebaskan imej lesu dan watak kurang daya tahan bangsa kita sebagai pengikut, peniru dan penonton dalam proses evolusi kemajuan bangsa-bangsa dunia. Sebaliknya, tidakkah kita teringin untuk menjadi penentu, pencipta, perintis dan penggerak kepada trend dan arus kemajuan untuk dicontohi oleh bangsa-bangsa yang lain?

Sesuatu bangsa yang tidak mempunyai harga diri dan hilang rasa kebangsaan terhadap pencapaian dan kebolehan dirinya, tentunya tidak akan mampu bersaing dengan orang lain, apatah lagi menjadi model untuk bangsa-bangsa lain.

Sekiranya bangsa Malaysia ingin menjadi contoh kepada dunia sebagai sebuah masyarakat harmoni, makmur, bersatu padu dan mencerminkan ciri-ciri masyarakat dalam Wawasan 2020, maka mereka hendaklah meletakkan nilai dan harga diri bangsanya setaraf dengan bangsa lain di dunia. Ia tidak boleh memandang rendah dan malu terhadap budaya dan adat resam masyarakatnya sendiri, melainkan nilai tradisional ini bercanggah dengan konsep keadilan dan kemajuan dalam Islam.

Dalam konteks pembentukan generasi berkeperibadian besar ini, mana-mana adat istiadat yang tidak mempunyai rasional yang wajar dan bercanggah dengan prinsip Islam seharusnya dihapuskan.

Oleh itu, pembentukan bangsa yang berkeperibadian besar tidak dapat tidak harus bermula daripada dalam diri individu, kemudian disusuli dengan keluarga dan masyarakat, ia perlulah diperkukuhkan oleh proses pendidikan sepanjang hayat.

Dalam surah ar-Ra'ad, ayat 11, Allah SWT berfirman; *"Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum hingga kaum itu mengubah keadaan mereka sendiri"*. Dalam mentafsirkan ayat ini, Prof Ghafar Sheikh Idris menyatakan bahawa perubahan itu hendaklah berlaku dari segi watak, sikap dan nilai seluruhnya.

Dalam membicarakan pentingnya masyarakat Melayu mempunyai individu yang berkeperibadian dan berjiwa besar, persoalan untuk mewujudkan bangsa Melayu Baru juga harus dilihat dari sudut yang sama.

Pembentukan bangsa Melayu Baru ini telah banyak dibincangkan oleh beberapa intelektual tempatan, khususnya Dr Siddiq Fadzil di dalam buku "Minda Melayu Baru" dan Rustam A. Sani dalam beberapa tulisan beliau di dalam akhbar Utusan Malaysia. Mengikut Dr Siddiq, teras pembentukan Melayu Baru haruslah berlandaskan kepada

Islam sebagai agama pemersatu umat dan satu cara hidup yang dinamik.

Rustam pula berpendapat membentuk bangsa Melayu Baru pada asasnya adalah usaha mereformasi masyarakat moden. Moden bagi seseorang itu pula digantikan sebagai peringkat di mana ia telah disosialisasikan oleh masyarakatnya untuk menghayati alam sekelilingnya dan tempatnya dalam alam itu menurut cara-cara tertentu yang disebut 'moden'.

Bagaimanapun, perbincangan serta tulisan yang menyentuh usaha untuk membentuk bangsa Melayu Baru ini, tidak banyak memperkatakan peri pentingnya diwujudkan satu suasana dan alam sekeliling yang kondusif dan yang menunjang, menggalakkan serta melicinkan proses pembentukan bangsa Melayu Baru itu.

Dari segi 'hardware', iaitu menanam kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai ilmu dan bidang tidak menjadi masalah yang besar kerana institusi pendidikan yang sedia ada mampu melaksanakannya. Tetapi dari sudut 'software', iaitu penyemaian nilai murni berasaskan Keislaman dan pembentukan bangsa yang berjiwa besar, berdaya tahan, berfikiran kreatif serta inovatif, ini belum mampu dilakukan dengan sebaiknya oleh institusi sosial dan sistem pendidikan yang sedia ada.

Sekiranya dari segi teori dan konsepnya, kita mengetahui ke arah mana kita hendak tuju dan corak dan warna mana bangsa Melayu Baru ini hendak kita bentuk, tetapi dari segi praktiknya, keadaan alam sekeliling tidak mendukung usaha itu, maka amatlah sukar untuk kita mencapai hasrat itu.

Dari segi pembentukan bangsa Melayu Baru, implikasi proses pemodenan itu ialah sekiranya kita gagal mewujudkan sebuah masyarakat yang benar-benar berdaya tahan dan mengamalkan nilai agama, maka yang timbul pada masa depan bukannya bangsa Melayu Baru seperti yang diidamkan tetapi bangsa Melayu "lama" yang tercabut daripada akar tradisi



masyarakatnya dan akhirnya hanyut ditelan oleh arus pembangunan.

Inilah cabaran besar Wawasan 2020, kerana jika kita juga gagal membentuk rupa bangsa Melayu Baru yang kita inginkan, yang mampu menangani dan menghadapi perubahan pesat dalam ekonomi perindustrian, tidak mustahil umat Melayu akan menumpang di negaranya sendiri.

Kita tidak harus berasa pesimis, tetapi bibit-bibit yang tidak sihat sudah nampak dalam masyarakat kita seperti masalah sosial pekerja-pekerja kilang, bertambahnya kawasan setinggan di pusat-pusat bandar, merebaknya nilai kebendaan dan materialisme, lunturnya semangat kejiranan dan gotong-ro-yong dan bandar-bandar, berleluasanya jenayah kolar putih, pecah amanah dan lunturnya akaunbiliti di kalangan pihak yang bertanggungjawab.

Malah akibat daripada proses kemajuan ekonomi yang 'bermentalitikan subsidi' juga, adalah akibat daripada kemajuan ekonomi yang tidak seimbang dengan kekuatan (ataupun kelemahan) peribadi bangsa Melayu itu sendiri untuk menerima perubahan yang wujud secara mendadak.

Untuk membetulkan fenomena yang tidak sihat ini bangsa memerlukan satu keazaman yang kuat, yang keinginan politik atau *political will* yang kental, kemahuan untuk berubah yang tinggi serta keinginan untuk mentransformasikan jiwa diri yang merata di segenap lapisan masyarakat.

Dengan kata lain, pembentukan bangsa yang berperibadian besar dan mempunyai pemikiran yang progresif dan kompetitif adalah salah satu prasyarat utama untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

Peribadi besar dapat disemai sekiranya rakyat mempunyai kebanggaan terhadap nilai tempatan yang murni dalam masyarakat, mampu menapis pengaruh yang datang dari luar

dan mengambil unsur-unsur sihat yang boleh meningkatkan martabat bangsa, serta bersemangat kreatif dan inovatif.

Setiap institusi yang ada dalam masyarakat, iaitu daripada institusi keluarga, agama, pendidikan formal dan tidak formal, politik dan budaya, kewangan dan ekonomi, media massa, hinggalah kesektor kerajaan dan swasta hendaklah masing-masing berperanan dalam melaksanakan tanggungjawab untuk membentuk generasi berkeperibadian besar dan cemerlang demi untuk menjamin tercapainya aspirasi dalam Wawasan 2020.





## DILEMA & CABARAN

SAYA telah mengikuti dengan serius perkembangan pemikiran dan gagasan Melayu Baru yang sedang diperjuangkan oleh Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain khususnya Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib. Setiap kali ada perbincangan ataupun seminar tentang konsep Melayu Baru, saya akan cuba mengikutinya jika ada kesempatan. Buku-buku yang membicarakan tentang konsep Melayu Baru ini turut menjadi bahan pembacaan saya di waktu-waktu kelapangan.

Tidak kurang juga rencana-rencana di akhbar terutama yang ditulis oleh pemikir Melayu seperti Dr. Siddiq Fadil dari Institut Kajian Dasar (IKD) dan Encik Rustam A. Sani (ISIS) menjadi bahan analisis yang baik. Tulisan-tulisan itu mencetuskan beberapa persoalan penting menyentuh tentang konsep Melayu Baru yang bakal muncul. Saya mengakui apa yang diutarakan oleh Dr. Siddiq Fadil yang menekankan pentingnya nilai-nilai ilmu dalam tamaddun Melayu-Islam patut dijadikan

penggerak reformasi Melayu.

Kemampuan Islam mencipta umat baru, kata Dr. Siddiq telah teruji dalam sejarah. Islamlah yang telah mentransformasikan dan merevolusikan budayanya. Malah katanya, kita hanya akan mampu mencipta kegemilangan dengan kembali kepada akar budaya sendiri, bukan dengan cara menciplak budaya asing.

Nampaknya perbincangan tentang konsep Melayu Baru semakin mendapat perhatian ramai cendekiawan tempatan. Apa yang menggembirakan ialah tokoh-tokoh bukan Melayu turut memberi sumbangan fikiran dalam topik ini.

Mereka mengutarakan pandangan dari perspektif bukan Melayu yang boleh dijadikan renungan bersama. Prof Khoo Kay Kim (UM) misalnya, menyatakan bahawa fahaman Melayu Baru yang hendak dibentuk lebih cenderung kepada kesungguhan Melayu bagi menguasai dunia korporat, teknokrat dan ekonomi dengan meminggirkan pertimbangan soal budaya dan kemanusiaan.

Tumpuan lebih diberikan kepada usaha melahirkan barisan pengurus yang cekap dan berkesan dalam soal-soal yang berkait rapat dengan ekonomi. Melayu Baru ini nanti diyakini dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam dunia ekonomi. Samada cara yang sedemikian akan dapat menyelesaikan masalah perkauman atau tidak sukar untuk dipastikan.

Beliau bimbang, jika salah persepsi mengenai Melayu Baru yang mahu dilaksanakan nanti, kesannya boleh menambah lagi kerumitan dalam proses pemantapan perpaduan kaum. Katanya, untuk membolehkan orang Melayu menjadi teknokrat atau tokoh korporat, mereka perlu banyak mengorbankan budaya tradisional dan ini bukanlah mudah untuk dilakukan.

Prof Khoo sebenarnya lebih menginginkan kelahiran Melayu Baru yang pragmatik dan realistik dalam kehidupan tanpa

bertindak menganiaya, tidak prasangka dan tidak berniat buruk kepada orang lain. Melayu Baru juga bukan berarti bersikap kurang ajar. Budaya begini akan mencetuskan lebih banyak masalah. Kurang ajar adalah budaya Barat. Amerika Syarikat maju sebelum budaya ini menular dan sekarang negara itu menghadapi pelbagai masalah.

Katanya, masyarakat Melayu kini sedang mengalami perubahan yang begitu besar sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dalam konteks ini, kepimpinan Melayu mestilah sentiasa mengawasi apa yang berlaku supaya haluannya tidak terancat, kerana apa yang dibimbangi ialah Melayu Baru nanti akan menuju ke tempat yang salah.

Dalam dunia perniagaan hari ini, terdapat kecenderungan atau kekeliruan bahawa untuk membentuk nilai Melayu Baru ini, mereka mesti mengorbankan beberapa nilai murni. Sebagai contoh, rasuah itu harus disanggah tetapi kadangkala mereka terpaksa bertolak-ansur dengan cara begitu untuk memenuhi matlamat. Ini terutamanya dapat dilihat dalam dunia perniagaan.

Salah faham mengenai konsep Melayu Baru akan melahirkan generasi yang bersikap liar, terlalu mengutamakan kepentingan individu, kebebasan peribadi tanpa batas dan kemajuan materialistik sebagai yang lebih utama daripada tanggungjawab membina negara yang stabil.

Sekarang ini, kita melihat terdapat generasi baru daripada semua kaum seolah-olah menerima budaya kurang ajar penjelmaan versi Barat sebagai budaya hidup mereka. Pada hal sebagai orang timur, kita tidak perlu bersikap kurang ajar untuk berjaya. Yang perlu hanya berfikiran secara kritis dan rasional dan tidak mudah menerima bulat-bulat apa yang disebut orang lain.

Sebenarnya jelas beliaui, faktor yang menyebabkan wujudnya prasangka dan soal pokok kepada punca curiga-mencuri-

gai ini, ialah kegagalan untuk memahami sejarah. Kalau semua generasi kita memahami sejarah tidak mengapa. Tetapi kita harus menerima hakikat bahawa manusia itu tidak semuanya berfikiran rasional. Kita lihat sahaja apa yang berlaku di Bosnia Herzegovina dan beberapa negara lain, kadangkala faktor sejarah itu tidak diambil kira. Di Malaysia, kita tidak mampu berpecah-belah.

Mungkin kerana menyedari hakikat inilah, maka wawasan Dr. Mahathir untuk membina bangsa Malaysia itu lebih ideal. Walaupun kita tidak tahu bila ia boleh dicapai tetapi usaha untuk memenuhi matlamat murni ini memerlukan kesungguhan yang berterusan dan pengorbanan semua kaum.

Dalam erti kata lain, kita harus berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengurangkan garis ketidaksamarataan. Ini mestilah dilakukan dengan jujur. Dan dalam kita mengejar kesempurnaan, pemimpin dan rakyat perlu optimis. Kita mesti mencuba sekurang-kurangnya ada prestasi kemajuan; daripada langsung tidak berbuat apa-apa.

Bagaimanapun Prof Khoo mengakui, untuk mewujudkan kesamarataan di antara kaum di negara ini memang sukar. Ini kerana untuk menjayakannya, tiap-tiap kaum mestilah sanggup berkorban. Orang Melayu tidak akan mahu mengorbankan keistimewaan yang ada pada mereka kerana faktor sejarah. Retorik Malaysia sebagai Tanah Melayu adalah masih menebal.

Begitu juga dengan kepayahan orang Cina untuk meletakkan sistem pendidikan Cina dan menerima satu sistem pendidikan kebangsaan yang sama. Adalah penting kita mempunyai satu sistem pendidikan yang sama, di mana ini boleh memainkan peranan yang utama dalam pembentukan bangsa, tetapi pengorbanan yang diperlukan juga adalah besar.

Prof Khoo menekankan bahawa, tiap-tiap kaum mestilah sanggup berkorban dan merasa selesa bila bergaul. Sekarang ini, rasa keselesaan itu belum benar-benar wujud. Bila lahir rasa

selesa, barulah kita boleh berbincang secara rasional tanpa prasangka. Dalam usaha ini, apa yang lebih penting ialah peranan ahli-ahli politik. Mereka mempunyai pengaruh dan kekuatan. Mereka boleh menentukan sama ada proses ini dapat dilaksanakan dengan cepat atau perlahan. Sikap mengeksploitasi sebarang isu untuk kepentingan politik hanya akan mengeruhkan lagi suasana.

Apa yang diutarakan oleh Prof Khoo Kay Kim ini memang ada kebenarannya. Orang Melayu khususnya harus memahami ke arah mana masa depan mereka dalam tahun 2020 nanti. Pembentukan Melayu Baru tidak semudah angan-angan mat jenin, tetapi memerlukan satu pengorbanan besar. Soalnya seperti dikemukakan oleh Prof Khoo tadi - sanggupkah orang Melayu meninggalkan budaya tradisionalnya untuk menjadi manusia Melayu Baru?

Meninjau pula pemikiran saudara Rustam A. Sani, seorang lagi pemikir serta penulis yang rajin membicarakan tentang persoalan Melayu Baru mempunyai pandangan yang berbeza. Beliau mengulas bahawa, persoalan Melayu Baru ini berkait dengan masalah kemunduran orang Melayu. Kata saudara Rustam:

\*Kemunduran orang Melayu pada dasawarsa terakhir abad kedua puluh ini mempunyai beberapa persamaan asasi dengan persoalan yang telah dikemukakan oleh ahli sosiologi Jerman, Max Weber, tentang kemunduran sebahagian orang Eropah - terutamanya golongan para penganut agama Katolik - pada dasawarsa pertama abad ini.

Persoalan asasi yang telah berulang kali dikemukakan oleh Dr Mahathir Mohamad itu, kata saudara Rustam, dapatlah dirumuskan sebagai berikut: Mengapakah penyertaan dan integrasi orang Melayu dalam kehidupan masyarakat kapitalis moden (yang dicirikan oleh perdagangan dan industri) di negara ini belum juga tercapai dengan memuaskan?

---

\* Kertas kerja Rustam A. Sani berjudul: *Melayu Baru, beberapa persoalan Sosio-Budaya.*

Menurut pengamatannya, Dr Mahathir Mohamad sendiri telah sering kali mengemukakan petanda-petanda sosial tentang persoalan itu. Akan tetapi tidaklah dapat dikatakan bahawa beliau juga telah berjaya mengemukakan huraian yang memuaskan bagi fenomena itu.

Seringkali Dr Mahathir menyatakan bahawa pada tahap amalnya, orang Melayu telah gagal memperlihatkan bahawa mereka benar-benar telah dapat menguasai ketrampilan perdagangan moden.

Dr Mahathir juga telah sering menyebut-nyebut tentang kekecewaan yang dirasakannya sehubungan dengan beberapa tindakan kerajaan menyerahkan pengurusan projek-projek perdagangan yang dimiliki kerajaan atau organisasi separa kerajaan kepada orang-orang Melayu. Sering kali bantuan terpaksa diperoleh daripada golongan bukan Melayu, demi menyelamatkan projek-projek yang demikian.

Namun demikian saudara Rustam mendapati bahawa fenomena yang didedahkan oleh Dr Mahathir ini amat sukar difahami dan dihuraikan. Pengurusan perdagangan moden sebenarnya bukanlah suatu aspek budaya Barat yang begitu ajaib dan ruwet sifatnya, dan begitu sukar untuk difahami mahupun dihayati.

Sesungguhnya, proses pembelajaran dan penghayatan ketrampilan tersebut dalam masyarakat kita (terutamanya di kalangan orang Melayu yang mempunyai tradisi penyertaan dalam pentadbiran kerajaan yang begitu lama), tentulah tidak mungkin masih berada pada tahapnya yang begitu mundur.

Umpamanya, bilangan orang Melayu yang telah terlatih dalam bidang-bidang pengurusan perdagangan di Institut Teknologi Mara (ITM) tentulah telah mencapai bilangan puluhan ribu.

Selain itu, tiap sebuah universiti di negara ini menawarkan program pengajian dalam bidang pengurusan perdagangan.



Salah sebuah universiti tersebut, yakni Universiti Utara Malaysia, sesungguhnya merupakan pusat pengajian tinggi yang mengkhusus di dalam bidang-bidang pengajian yang berorientasikan ilmu pengurusan.

Sebahagian besar para pelajar kita yang setiap tahun dihantar, dalam bilangan yang mencapai puluhan ribu ke luar negeri (terutamanya ke Amerika Syarikat) juga mengkhusus dalam salah satu bidang kajian yang ada hubungannya dengan ilmu pengurusan perdagangan.

Dengan pendedahan yang begitu meluas terhadap pendidikan dan latihan formal dalam bidang pengurusan perdagangan, maka mengapakah tidak terjadi pemindahan ketrampilan dan teknologi dalam bidang tersebut dari peradaban barat itu ke dalam masyarakat kita?

Jika ribuan para pemuda kita telah berpeluang mempelajari ilmu pengurusan secara sistematis dan formal, maka mengapakah kita masih mengeluh tentang rendahnya tahap (malah tidak terdapatnya) ketrampilan pengurusan di kalangan bangsa kita yang cekap dan profesional?

Dalam analisis sosiologinya, Weber telah memberikan tahap pertumbuhan sistem kapitalis dalam sejarah Eropah itu sebagai tahap yang paling tinggi dalam proses pertumbuhan rasionaliti manusia yang terus menerus meningkat. Malah, dia menganggap pemerolehan ketrampilan pengurusan (dalam huraiannya dia membuat rujukan khusus terhadap pengetahuan dan amalan ilmu akaun) sebagai manifestasi wujudnya etos rasional yang telah memungkinkan munculnya masyarakat kapitalis itu sendiri.

Oleh yang demikian, dalam hubungan dengan persoalan yang kita perkatakan di atas, tidaklah dapat disimpulkan bahawa himpunan ketrampilan pengurusan moden yang telah dimiliki oleh sejumlah individu Melayu itu masih belum bersamaan dengan jumlah keseluruhan suatu etos sosial yang

diperlukan oleh sebuah masyarakat untuk memungkinkan transformasinya menjadi sebuah sistem sosial kapitalis yang moden? (Bekerja keras, menjalankan kerja secara sistematis dan menghematkan masa, untuk memungkinkan pengumpulan modal, hanyalah merupakan sebahagian daripada "petanda" tentang wujudnya etos sosial yang demikian itu)

Seorang individu yang telah memperolehi ketrampilan-ketrampilan yang tertentu - tetapi sebagai anggota masyarakatnya dia masih tertakluk kepada etos sosial yang oleh Weber disebutnya sebagai etos "*tradisionalisme*" - tidaklah sama dengan seorang individu yang telah menghayati sepenuhnya etos sosial yang disebutnya "*etika protestan*" (*protestant ethics*). (Dalam konteks kajiannya tentang masyarakat Eropah, etika protestan ini mewakili keseluruhan etos sosial yang memungkinkan sebuah masyarakat tradisional berkembang menjadi masyarakat kapitalis moden)

Jika seorang anggota masyarakat yang dicirikan oleh etos masyarakat tradisional itu mengalami peningkatan pendapat yang tinggi lagi mendadak, maka besar kemungkinannya bahawa dia akan hanya mengurangkan pengeluarannya - untuk sekadar dapat mempetahankan tahap kepengunaan yang ada.

Atau orang itu akan memanfaatkan kelebihan pendapatan yang diperolehinya itu untuk pola kepenggunaan yang nyata (*conspicuous consumption*), demi mempertingkatkan statusnya atau untuk memberikan suatu bentuk kepuasan tertentu yang tidak "rasional" sifatnya (seperti melaksanakan sesuatu aspek ritus agama, misalnya).

Dengan membandingkan pandangan yang telah diutarakan oleh Dr Mahathir dan huraian yang telah dikemukakan oleh Weber itu, maka dapatlah kita menimbulkan beberapa persoalan yang menarik dalam fikiran kita sehubungan dengan persoalan pembentukan bangsa Melayu baru itu.

**Pertamanya:** Tidakkah lebih sesuai untuk menganggap persoalan penyertaan ekonomi orang-orang Melayu dalam sistem kapitalis moden itu sebagai sebahagian daripada persoalan pemodenan sosio-budaya orang Melayu, dan bukannya sekadar persoalan pengintegrasian individu-individu Melayu ke dalam sistem sosial tersebut.

**Keduanya:** Jika persoalan itu merupakan persoalan pemodenan budaya - yakni persoalan kerasionalan yang belum mantap atau "etika protestan" yang belum terbentuk - apakah tidak mungkin bahawa strategi yang telah kita gunakan selama ini untuk memantapkan penyertaan ekonomi orang Melayu merupakan pendekatan yang tidak begitu tepat?

Oleh yang demikian, apa yang sebenarnya diperlukan adalah suatu peralihan daripada strategi "pengurusan pembangunan" - dengan penekanannya terhadap pendekatan-pendekatan yang bersifat psiko-dinamis untuk membentuk individu-individu yang diperlukan untuk memainkan peranan-peranan tertentu - kepada pendekatan yang mendorong semacam reformasi sosial.

Salah satu contoh pendekatan psiko-dinamis yang amat ketara adalah upaya yang telah disarankan dalam ketetapan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga. Antara lain rumusan Kongres tersebut telah menyarankan pembentukan suatu komuniti usahawan dan peniaga bumiputera.

Oleh yang demikian, jika kita mengandaikan bahawa secara purata setiap keluarga bumiputera terdiri daripada lima orang, maka saranan itu mengharapkan terbentuknya seorang usahawan dari setiap 25 orang bumiputera. Oleh yang demikian, usaha mestilah dilakukan untuk memilih dan membentuk manusia Melayu Baru yang "seorang" itu.

Jelas saudara Rustam lagi, apa yang tidak betul tentang pendekatan ini ialah penekanana yang keterlaluan terhadap individu, dan bukannya masyarakat. Oleh kerana etos individu

lumrahnya tidak mungkin terlepas daripada kesan tekanan etos masyarakatnya, maka memberikan ketrampilan dan peranan moden terhadap seseorang individu itu pada jangka panjangnya mungkin tidak akan mendatangkan kesan atau sifat yang diinginkan.

Individu yang telah dipilih itu - (dan bagaimana pula mekanisme pemilihannya dapat dipastikan berkesan?) - mungkin sahaja merupakan manusia "tradisional" yang sekadar mempunyai ketrampilan moden. Sebaliknya upaya melahirkan individu-individu usahawan dari sebuah masyarakat yang telah dimodernenkan tentulah merupakan pendekatan yang lebih wajar.

Oleh yang demikian, saudara Rustam berpendapat, mereformasi dan memodernenkan masyarakat Melayu pada keseluruhannya - supaya daripada masyarakat yang moden itu akan lahir individu-individu yang moden pula.

**Ketiganya:** Mungkinkah upaya mendedahkan para individu Melayu kepada ketrampilan-ketrampilan tertentu dalam budaya kapitalisme moden (pengurusan perdagangan adalah salah satu contoh ketrampilan yang demikian) selama ini tidak begitu berkesan dan kurang memuaskan hasilnya?

Meskipun begitu besar jumlah para individu berketrampilan telah dihasilkan, namun ketrampilan mereka itu akhirnya mungkin sahaja dilaksanakan oleh "individu-individu" dalam konteks etos sosio-budaya yang masih pra-modern dan prarasional sifatnya.

Berdasarkan skema penjenisan yang telah diajukan oleh Weber, maka tidakkah mungkin dikatakan bahawa amat sedikit yang telah kita capai, walaupun ada pencapaiannya, dalam upaya kita melaksanakan transformasi sosial dan budaya dari tahap tradisionalisme ke tahap pemodernenan?

Malah, menurut Rustam, dapatlah juga diandaikan bahawa kita hanya berhasil mempertahankan satu generasi masyarakat

tani Melayu tradisional yang secara kebetulan para anggotanya telah memperoleh latihan formal dalam beberapa bidang ketrampilan moden - seperti ilmu pengurusan, kejuteraan, perubahan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, dalam usaha kita mendorong orang Melayu melangkah ke hadapan dengan lebih cekal untuk mencapai kemodenan, tidaklah memadai jika kita hanya menanggapi usaha itu semata-mata dari segi bilangan dan peratusan orang Melayu dalam sesuatu bidang profesional sahaja.

Peratusan bilangan individu Melayu yang tinggi dalam bidang-bidang ketrampilan yang tertentu, tidaklah dengan sendirinya bererti bahawa masyarakat Melayu telah berhasil mencapai tranformasi budaya yang dihasratkan, atau bahawa sebuah masyarakat Melayu yang moden lagi rasional telah dilahirkan.

Tugas besar dan mendadak yang perlu kita hadapi dalam upaya melahirkan masyarakat Melayu Baru ini ialah untuk menanggapi secara jelas suatu gagasan dan wawasan tentang apakah yang dimaksudkan dengan masyarakat Melayu Baru itu sendiri - dan bagaimana citranya individu Melayu yang menjadi anggota masyarakat moden tersebut.

Sekadar melahirkan sejumlah (meskipun sebesar mana bilangannya) para profesional yang berkulit "sawo matang" tidaklah memadai kerana sebuah masyarakat yang moden tidaklah sekadar terdiri daripada sekumpulan para individu yang menjalankan kegiatan-kegiatan dan ketrampilan-ketrampilan moden sahaja.

Selain itu kemodenan seorang individu Melayu tidaklah dapat diukur semata-mata berdasarkan peringkat dan jenis pendidikan formal yang telah diperolehinya atau berdasarkan profesional yang diamalkannya, atau malah berdasarkan hakikat bahawa orang itu berbahasa Inggeris atau telah meng-

hayati tingkah laku dan gerak geri golongan "yuppies" bandaran.

Misalnya, jika seseorang itu menjadi pengurus, maka kemodenannya tidaklah boleh diukur semata-mata berdasarkan hakikat bahawa dia berpakaian atau secara umumnya menampilkan dirinya, sama seperti seorang eksekutif di Wall Street, New York umpamanya.

Seseorang itu akan menjadi seorang moden yang tulen dan berkekalan pula kemodenannya, jika dia merupakan seorang anggota masyarakat moden telah disosialisasikan oleh masyarakatnya untuk menghayati alam sekelilingnya - dan tempat dalam alam itu - menurut cara-cara tertentu yang disebut "moden".

Mengenai dilema sosio-budaya Melayu baru, saudara Rustam berkata, apabila kita berbicara tentang pembentukan bangsa Melayu baru, maka kita sebenarnya tidaklah berbicara tentang pemodenan bangsa Melayu itu dalam sebuah hampawa sosial - atau tentang pemodenannya untuk kepentingan bangsa itu sendiri sahaja.

Kita sebenarnya berbicara tentang permodenan orang Melayu dalam konteks negara-bangsa Malaysia dan peranan orang Melayu sebagai kelompok pentakrif dalam proses pembentukan dan pemodenan negara-bangsa tersebut, yang turut juga dianggotai oleh kelompok-kelompok etnik yang lain. Sesungguhnya, orang Melayu tidak mempunyai sebarang masa depan, selain daripada masa depannya dalam konteks negara-negara tersebut, yakni negara-bangsa Malaysia.

Apabila para pelopor pelbagai jaluran nasionalisme Melayu moden mengimpikan kemerdekaan negara ini daripada cengkaman penjajahan barat sejak tahun-tahun dua puluhan lagi, maka cita-cita mereka adalah untuk melihat lahirnya sebuah negara-bangsa Melayu yang moden dan maju, yang berdiri sama tinggi dengan bangsa-bangsa. Namun para nasionalis Melayu moden itu mestilah berkeperibadian,

berbudaya dan berbahasa sendiri - bahawa bangsa itu tidak akan memasuki dunia moden sebagai sebuah kelompok yang telah *dicreolekan* atau telah dihakis keperibadian budayanya.

Atas asas itu diperjuangkan agar bangsa Melayu itu dimodenkan dalam erti kata yang seluas-luasnya - bukan sekadar dijadikan para pedagang dan pekerja kilang semata-mata.

Malah, atas asas itulah juga diperjuangkan oleh generasi demi generasi para nasionalis Melayu, agar bahasanya dimantapkan, dijadikan pentakrif keperibadian negara baru itu, dimodenkan dan diberikan nilai ekonomi yang sewajarnya - bukan dibiarkan hanyut ke tepi atau di kesampingkan dalam proses pemodenan negara itu, jika nilai ekonominya terus menerus dipersoalkan dan malah dinafikan oleh pihak-pihak lain.

Dalam konteks gagasan pembentukan negara-bangsa Malaysia yang bersifat pelbagai etnik itu, konsep pembentukan bangsa Melayu yang moden ini amatlah besar ertinya. Jika kita umpamanya mengimpikan bahasa dan kebudayaan Melayu sebagai teras dalam proses pembentukan sebuah bangsa Malaysia yang moden, maka yang kita maksudkan tentulah bukan bahasa Melayu yang mundur dan budaya tani yang tebal ciri-ciri tahyul dan feudalnya yang akan kita ketengahkan untuk menguasai unsur-unsur dari budaya-budaya sukuan lainnya. Yang kita impikan tentulah bahasa dan budaya Melayu yang telah dimodenkan - yakni bahasa dan budaya yang benar-benar cocok sebagai wahana pengucapan yang canggih bagi sebuah masyarakat industri moden abad ke-21.

Dalam konsep "Bahasa Malaysia" sebagai lambang keperibadian negara-bangsa yang moden amat besar pengertiannya. Namun demikian, sepanjang sejarah sosio-budaya Melayu dalam konteks pertumbuhan bangsa Malaysia selama empat puluh tahun yang lalu, belumlah pernah tercetus tanggapan dan gagasan yang jelas di kalangan orang Melayu sendiri

tentang cita-cita yang demikian.

Malah di kalangan para pemimpin Melayu sendiri, orientasi pemikiran yang tampaknya terus menerus mencengkam mereka adalah semacam rasa rendah diri sewaktu berhadapan dengan kelompok-kelompok imigran yang kebetulan dalam sejarahnya di daerah ini dengan lebih jitu dapat menguasai bidang-bidang ekonomi dan profesion moden.

Dalam kerangka pemikiran yang demikian itu arah perjuangan yang terus didorongkan adalah usaha untuk mencontohi kelompok-kelompok imigran itu untuk menjadi seperti mereka dalam bidang-bidang yang mereka kuasai. Pelbagai unsur kebobrokan dalam budaya kelompok imigran itu sering tidak disedari.

Dalam konteks ini, timbulah keghairahan untuk menjadikan setiap orang Melayu itu sebagai peniaga dan pengusaha semata-mata. Bidang-bidang kehidupan yang selama ini disertai oleh orang Melayu misalnya, kesenian dan kesusasteraan - bukan sahaja dianggap tidak penting, malah dihina dan dicemuh.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, sepatutnya keutamaan kita selama 40 tahun yang lalu ialah melaksanakan satu reformasi sosial - bukan sekadar menyalurkan ketrampilan bagi individu-individu Melayu supaya budaya, bahasa dan pandangan jagatnya disesuaikan dan dimodenkan agar cocok bagi sebuah bangsa moden yang berkeperibadian sendiri, di tengah-tengah dunia industri yang rasional lagi canggih ini. Setelah itu segala aspek kehidupan bernegara akan dibina atas asas teras budaya Melayu moden itu.

Namun proses pemodenan yang demikian itu tidak pernah terjadi. Malah demi kepentingan golongan tertentu, pemikiran orang Melayu telah dibiarkan tercengkam oleh pelbagai aliran pentafsiran ajaran agamanya yang lebih bersifat ritus dan tidak rasional itulah diperkenalkan ilmu-ilmu moden melalui bahasa Melayu yang juga belum tuntas pemodenannya (malah



kemampuan bahasa Melayu sendiri).

Proses pertumbuhan sosial yang demikian itu tentu sahaja tidak berjaya melahirkan satu angkatan bangsa Melayu moden, apa lagi satu angkatan yang cukup yakin akan kemampuannya mewarnai - atau menjadi teras - bangsa Malaysia moden yang hendak dilahirkan itu. Oleh yang demikian, ciri-ciri budaya yang diharapkan akan dijadikan unsur penentu dan pentakrif bagi bangsa moden itu, sering kali ditanggap sebagai lambang penghinaan keterbelakangan dan pengasingan pula.

Malah sebahagian orang Melayu menjadi lebih keliru pula apabila pihak-pihak yang meremehkan unsur-unsur budayanya itulah yang sebenarnya disanjung, dianggap berjaya dan diseru agar dicontohi. Secara tidak langsung orang Melayu diseru supaya menjadi orang lain daripada anak bangsa yang dianggapnya selama ini sebagai mempunyai sifat-sifat unggul yang dihargai.

Umpamanya, bahasanya yang cuba dimodenkannya itu tidak lagi dihargai atau dianggap memadai untuk dunia moden ini. Malah dia diseru pula agar menguasai bahasa Inggeris, seolah-olah pemodenannya hanya mungkin tercapai melalui bahasa tersebut sahaja. Sistem pendidikan kebangsaan yang telah dibina - dan yang telah melahirkannya juga telah diremehkan, dianggap sebagai lebih rendah taraf dan nilainya daripada sekolah-sekolah tinggi berbahasa Inggeris yang menggunakan sukatan pelajaran dari negara-negara asing yang begitu banyak didirikan oleh para pedagang sijil di negeranya sendiri.

Kekeliruannya lebih-lebih lagi pula meningkat kerana segala anggapan negatif terhadap unsur-unsur budayanya itu seringkali datang dari para pemimpin politik dan negara yang selama ini dipuja dan diyakininya dengan sepenuh hati.

Sewaktu mencetuskan gagasannya yang kini telah dikenal

sebagai Wawasan 2020, Dr. Mahathir Mohammad sendiri telah menekankan bahawa cabaran paling utama dan paling asasi yang harus kita hadapi ialah cabaran melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dan mempunyai keperibadiannya yang tersendiri. Jika kita berjaya menjadi sebuah masyarakat industri yang benar-benar maju dalam masa satu generasi dari sekarang, maka peringkat kemajuan itu hanya akan mungkin kita capai dalam kerangka pembentukan sebuah negara-bangsa yang utuh.

Dilihat dalam kerangka pembinaan negara yang terdiri daripada pelbagai kelompok kaum yang terdapat di Malaysia kini, maka konsep "bangsa yang bersatu padu" itu tentulah merupakan suatu konsep yang amat sukar ditakrifkan, apa lagi dilaksanakan. Mungkin sebab itulah kertas kerja Dr Mahathir yang berjudul - Malaysia Melangkah Ke Hadapan itu, dan beberapa perbicaraan lainnya juga, masih belum dapat menghuraikan konsep tersebut secara terperinci, tuntas dan memuaskan.

Membentuk sebuah negara-bangsa yang sepenuhnya mempunyai ciri-ciri kemelayuan - seperti yang telah diimpikan oleh para pelopor pelbagai aliran gerakan nasionalisme Melayu pada zaman sebelum kemerdekaan - tentulah merupakan usaha yang tidak realistik lagi hari ini.

Berdasarkan realiti sejarah sosial negara ini, maka bangsa Malaysia terpaksa merupakan suatu bangsa moden yang baru, yang dibentuk daripada kepelbagaian unsur budaya dan sosial yang terdapat di negara ini. Dilihat dari sudut persepsi nasionalisme Melayu, maka gagasan nasionalisme yang paling realistik yang dapat diajukan dalam hubungan dengan pembentukan bangsa baru itu kini, adalah pembentukan suatu keperibadian bangsa dengan unsur-unsur kemelayuan menjadi unsur teras atau unsur pentakrifnya.

Oleh yang demikian, sehubungan dengan gagasan mem-

bentuk bangsa Melayu Baru ini, persoalan yang terpaksa kita hadapi adalah persoalan persediaan - baik persediaan yang bersifat politik, ekonomi, budaya maupun kecendekiawanan yang sepatutnya ada pada orang Melayu untuk menjadi bangsa pentakrif dalam proses pembentukan bangsa Malaysia yang bersifat industri dan moden pada abad ke-21 kelak, yakni bangsa Malaysia moden yang dibentuk menurut acuannya sendiri.

Bangsa Malaysia yang demikian itu mestilah merupakan bangsa moden yang menguasai peradaban moden, yang berasaskan pemikiran sains dan teknologi yang rasional. Akan tetapi peradaban moden itu mestilah pula dapat dihayati dan diadunkannya kembali di dalam acuan budayanya sendiri.

Untuk melahirkan sebuah bangsa yang demikian, perlulah kita perlulah bertolak dari pangkalan kita sendiri. Atas landasan tersebut, masyarakat kita itu hendaklah boleh menghadapi dan menguasai peradaban moden, menyaring pelbagai macam unsur daripada pelbagai peradaban yang ada hubungan dengannya.

Soalnya sekarang, di kalangan orang Melayu hari ini terdapatkah suatu keperibadian yang kolektif, suatu *social conscience* dan *psyche* yang boleh dijadikan pangkalan bertolak untuk mendorong pertumbuhan sosial bangsa tersebut untuk menjadi bangsa moden yang diimpikan itu?

Berdasarkan pengamatan itu, saudara Rustam menyatakan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh bangsa Melayu hari ini untuk menjadi bangsa pentakrif bagi gagasan bangsa Malaysia yang moden adalah masalah yang dinamakan "masalah kedangkalan budaya".

Jika misalnya kita menumpukan perhatian kepada seorang manusia Melayu yang agak terpelajar dan kita menganalisis kandungan budaya manusia Melayu tersebut, maka besar kemungkinannya bahawa keperibadiannya dapat ditanggap

sebagai terdiri daripada gabungan tiga unsur budaya yang tidak mendalam (yakni dangkal).

\* Pertamanya, unsur peradaban barat yang agak dangkal. Orang itu mungkin menguasai bahasa Inggeris dan berkelulusan dalam bidang profesional yang tertentu. Namun pendedahannya terhadap peradaban dan pemikiran barat tidaklah melewati penguasaan "*teknis*" bidang yang berkenaan itu.

Jika dia boleh berbahasa Inggeris, maka bahasa Inggerisnya hanyalah berfungsi sebagai perbendaharaan *klise* untuk bidang itu dan untuk pengucapan sehari-hari sahaja - bukannya untuk pengucapan kreatif yang mendalam. (Sejak akhir-akhir ini pula, penguasaan terhadap bahasa Inggeris yang demikian itu juga dikatakan telah merosot - dan hal ini amat menggusarkan pelbagai pihak).

\* Keduanya, unsur kebudayaan Melayu yang amat dangkal. Begitu tipisnya kepekaannya akan budaya Melayu sehingga dia mungkin tidak menguasai bahasanya sendiri - apa lagi menggunakan bahasa itu untuk pengucapan kreatif yang canggih. Tradisi sastera, budaya, sejarah dan pemikiran bangsanya yang agak mendalam, tentu sahaja tidak dikuasai dan dihayatinya dengan baik.

Namun demikian, unsur pembudayaan Melayu yang sering dihargai dan diamalkannya - malah dimantapkannya dalam suasana sosial semasa - adalah unsur-unsur feodalnya. Dia amat peka sekali, misalnya akan struktur status dan sistem gelar yang amat rumit dalam budaya tersebut.

\* Ketiganya, unsur Islam yang semata-mata bersifat ritus. Meskipun dia tidak mengetahui, malah mungkin tidak menyedari sama sekali, aspek-aspek lain daripada peradaban

dan tradisi kecendekiawanan dalam pemikiran Islam, namun dia akan amat menekankan unsur-unsur amalan dan ibadah agama itu dalam kehidupannya. Malah "keIslaman" seseorang itu mungkin pula diukur semata-mata berdasarkan unsur-unsur amalan yang nyata itu.

Demikianlah secara kasarnya tiga unsur kedangkalan dari tiga tradisi peradaban yang bergabung dalam membentuk mentaliti dan keperibadian Melayu hari ini.

Huraian tentang proses pembentukan unsur-unsur itu dan kedangkalannya dalam lingkungan sosial masyarakat Melayu, memang dengan mudah dapat dibuat berdasarkan huraian proses keIslaman, sejarah kolonial barat dirantau ini, pertumbuhan sistem pendidikan kolonial moden (bukan pendidikan barat) dan pelbagai proses sosial lainnya.

Pemaduan unsur-unsur yang unggul dari tiga peradaban itu dalam alam pemikiran Melayu Baru tentulah dapat dimanfaatkan untuk secara kreatif membentuk asset budaya yang tidak ternilai harganya dalam pembentukan bangsa Melayu menjadi bangsa moden yang akan mentakrifkan bangsa Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020 nanti.

Sebagai kesimpulannya saudara Rustam, menyatakan bahawa mungkin kesan proses kedangkalan sosio-budaya yang kita huraikan inilah yang merupakan cabaran terpenting yang perlu kita atasi dalam melaksanakan hasrat kita untuk membentuk bangsa Melayu Baru yang mantap. Nyatalah bahawa dalam upaya kita membentuk bangsa Melayu Baru ini, kita amat memerlukan sebuah tranformasi sosio-budaya yang agak radikal sifatnya.





■ Persoalan Melayu Baru kerap disentuh oleh Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib dalam ucapan-ucapan pentingnya termasuk dalam seminar dan forum tentang masa depan bangsa Melayu.



**SEKTAR AKTIVITI  
MB SELANGOR**  
(Foto)



■ Pemimpin yang baik menjadi kebanggaan rakyat jelata. Dr. Mahathir dan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib dalam satu majlis rasmi di Selangor.






■ Kewibawaan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib sebagai pemimpin telah terbukti selama menjadi Menteri Besar Selangor dan amatlah wajar dia diberi peluang memegang jawatan politik yang lebih tinggi dalam UMNO.



■ Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib merupakan penyokong kuat kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan telah merintis pelbagai program pembangunan di Selangor ke arah menjayakan Wawasan 2020.



■ Kewibawaan Menteri Besar Selangor sebagai pemimpin masa depan tidak boleh dipertikaikan lagi oleh kawan dan lawan.



■ Jika Dr. Mahathir menjadi arkitek kemajuan bangsa Melayu, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib pula adalah bapa pembangunan negeri Selangor.



■ Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib bersama rakan karibnya Tan Sri Abd. Rahim Tamby Chik.



■ Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib sangat mengambil berat hubungan silaturrahim dengan rakan-rakan dalam UMNO.



■ Tugas pemimpin bukan sekadar membawa kemajuan, tetapi memandu rakyat menjadi bangsa yang mempunyai wawasan serta cekat dalam apa juga cabaran. Inilah falsafah yang mahu dijayakan oleh Menteri Besar Selangor.



■ Mengingatkan rakyat tentang perjuangan membela nasib bangsa Melayu memerlukan semangat perpaduan, bekerja keras, berdisiplin dan sanggup menerima perubahan





■ "Hmm... lazatnya pisang ni". Mungkin itulah yang terlintas di fikiran Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib.



■ Biar saya *try*... Tan Haji Muhammad Haji Muhd Taib mencuba kebolehannya di satu pameran perabut.



■ Melawat pusat penempatan sementara mangsa kebakaran di Batu 8, Gombak Utara, Selangor.



■ Mencoba bakatnya dalam satu pameran batik.



■ Bergotong-royong membersihkan semak samun dalam satu lawatan ke luar bandar.



■ Pembangunan di bidang pertanian diberi perhatian serius dalam era kepimpinan Tan Sri Muhamad Haji Muhd Taib



■ Apakah agaknya yang sedang difikirkan oleh Tan Sri itu... mungkinkah menyentuh persoalan Melayu Baru?.



■ Ditemani anak dan isteri. Keluarga adalah pendorong utama kepada Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib menjadi tokoh politik yang berjaya.






■ Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib melawat satu kawasan perumahan di Selangor.




■ Mendengar masalah yang dihadapi oleh rakyat.



■ Mewakili Majlis Tertinggi UMNO dalam mesyuarat Pergerakan Pemuda UMNO tidak lama dulu.



■ Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib meneliti plan pembinaan Pusat Rekreasi dan Sukan Air Kebangsaan di Ampangan Batu Sungai Tua, Selangor.



■ Ustaz Zainal Abidin Sakom (berkaca mata) merupakan tokoh penting yang banyak membantu kejayaan Tan Sri Muhamad Haji Muhd Taib. Dia seorang pemimpin muda yang berpotensi dan terkenal dengan sifat gigih dalam menangani sebarang permasalahan politik dan rakyat.



## **TAHUN KERAMAT YANG DINANTIKAN**

DALAM usaha mewujudkan pembentukan Melayu Baru yang dinamik menjelang tahun 2020 nanti, kerajaan negeri Selangor di bawah pimpinan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib tidak ketinggalan dengan aktiviti yang tersendiri. Sesungguhnya Selangor adalah sebuah negeri yang sedang pesat membangun dan mengalami kadar pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Rancangan kerajaan pusat untuk membina lapangan terbang baru di Sepang, Selangor pasti akan meningkatkan lagi kemajuannya ke tahap lebih membanggakan.

Selangor di bawah pimpinan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib mengalami kemajuan pesat dalam pelbagai aktiviti perdagangan, perekonomian, pertanian, pendidikan dan sebagainya lagi. Semua kemajuan yang dicapai ini tidak diperolehi dengan mudah melainkan dengan kadar pelaburan yang besar serta tenaga kepakaran yang bukan sedikit.

Dalam arus kemajuan itu, orang Melayu di Selangor turut

mengalami perubahan-perubahan yang drastik, baik dari segi kehidupan, taraf pendidikan mahupun kemunculan semakin ramainya tokoh korporat yang berjaya di kalangan anak tempatan. Mereka terlibat dalam pelbagai aktiviti perniagaan di dalam mahupun di luar negara.

Di dibandingkan dengan lain-lain negeri, ternyata pembangunan pesat yang dicapai oleh Selangor, termasuk dalam menarik pelaburan asing ke negeri itu amat jauh ke hadapan. Dalam era akan datang pembangunan di negeri ini dijangka lebih berkembang, di mana ini dengan sendirinya akan menarik penyertaan lebih ramai orang Melayu dalam semua aspek kemajuan di negeri itu.

Sudah tentu semua kemajuan yang dicapai selama ini bertitik tolak daripada kepimpinan yang berwibawa dan mempunyai visi. Kemajuan ini juga sekaligus membuktikan kepimpinan UMNO Selangor yang menjadi tonggak kepada kekuatan pemerintahan negeri berjaya memimpin rakyat.

Dalam perancangan akan datang, terutama untuk mengisi Wawasan 2020, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib telah menggariskan beberapa strategi pembangunan di Selangor yang kemaskini. Apa yang amat diharapkan oleh beliau dalam mengisi wawasan ini ialah orang Melayu memiliki identiti dan kekuatan dalam berbagai-bagai dimensi kehidupan, baik politik, ekonomi, kebudayaan dan teknologi.

Harapan ini dibayangkan oleh beliau dalam ucapan dasar pada konvensyen Badan Perhubungan UMNO Negeri Selangor pada 26 Oktober 1992 lalu di Shah Alam. Ucapan penuh Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib ini memberi gambaran terhadap kemajuan yang bakal dicapai oleh Selangor dalam dekad akan datang. Apa yang lebih menarik, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib menetapkan menjelang tahun 2005, Selangor akan menjadi sebuah negeri yang maju dalam semua aspek pembangunan. Ikutilah ucapan beliau ini;

\*UMNO merupakan sebuah parti yang begitu penting dalam mewarnakan dan mencorakkan sistem politik, ekonomi dan sosial orang Melayu di Malaysia, sekarang ini telah mencapai usia lebih 46 tahun. Dalam usia yang begitu lama, di mana perjuangan UMNO telah melewati beberapa zaman, dari zaman penjajahan membawa kepada kemerdekaan dan langsung mengharungi zaman moden untuk menentukan survival orang Melayu, UMNO dikira telah cukup matang dalam perjuangannya.

Walau bagaimanapun, perjuangan UMNO belum selesai, iaitu untuk mencapai matlamat bagi meletakkan orang Melayu di tahap sebagai satu bangsa yang bermaruah dan bermartabat maju dan ke hadapan dari segi ekonomi mempunyai cukup bilangan usahawan yang berjaya dan boleh dianggap setanding dengan usahawan bangsa asing bertaraf antarabangsa, dan maju dalam kehidupan mereka menjelang tahun 2020.

Apa yang diharapkan ialah, supaya bangsa Melayu memiliki dan kekuatan dalam berbagai-bagai dimensi kehidupan, baik politik, ekonomi, kebudayaan dan teknologi. Kita tidak mahu melihat dan menyaksikan peristiwa di mana apabila sampai tahun 2020 nanti, orang Melayu masih gagal mencapai matlamat di atas. Kita tahun bahawa tahun 2020 tetap akan datang dan tetap akan tiba. Negara Malaysia mungkin berada di tahap negara maju atau sebuah negara perindustrian ketika itu. Kita mahu apabila negara mencapai taraf sedemikian orang Melayu juga turut sama menjadi bangsa yang maju.

Untuk menjadi sebuah negara perindustrian seperti yang dirancang negeri Selangor sendiri, Insya-Allah, mungkin menjadi negeri yang pertama di Malaysia ini, mencapai tahap sebagai negeri perindustrian menjelang tahun 2005 iaitu lebih awal daripada yang dijangkakan. Ini memandangkan kepada kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat di negeri Selangor yang melebihi setiap tahun dan Keluaran Dalam Negeri Kasar



(KDNK) perkapita tahun 1990 di dalam anggaran RM6,500 atau 1.5 kali ganda daripada pendapatan perkapita negara. Sektor pembuatannya menyumbangkan sebanyak 53.6% daripada KDNK dan jumlah ini akan meningkat kepada 61% dalam tahun 2000. Perkara ini telah diperakui sendiri oleh Perdana Menteri kita, kerana negeri Selangor merupakan negeri yang terulung, negeri yang termaju dan negeri yang paling ke hadapan dalam semua sektor khususnya perindustrian.

Dari jumlah bilangan pelaburan yang diterima di negeri Selangor sahaja, jelas menunjukkan bahawa 35% daripada jumlah keseluruhan pelaburan di negara Malaysia, adalah terletak di negeri Selangor. Di samping itu, komitmen kerajaan khasnya kerajaan Persekutuan untuk membangunkan kemudahan infrastruktur dengan projek-projek yang begitu besar memakan belanja berbillion ringgit, dengan sendirinya meletakkan negeri Selangor sebagai negeri yang menjadi pilihan utama kepada semua pelabur.

Dari jumlah pelaburan yang telah diterima, jelas menggambarkan hakikat di atas. Dalam tahun 1985, jumlah pelaburan yang mengalir masuk ke negeri Selangor adalah sebanyak RM1.45 billion tetapi jumlah ini telah meningkat kepada RM4.85 billion dalam tahun 1990. Pada tahun 1991 jumlah pelaburan yang masuk adalah sebanyak RM3.8 billion, manakala dalam 6 bulan pertama tahun ini saja, kita telah menerima jumlah pelaburan sebanyak lebih kurang RM1 billion. Secara hitung panjangnya sebanyak 20,000 peluang pekerjaan baru diwujudkan di negeri ini setiap tahun selaras dengan perkembangan pelaburan yang terus meningkat setiap tahun.

Dari segi penempatan industri pula, kerajaan negeri sekarang ingin menumpukan kepada pembangunan industri yang lebih berorientasikan modal dan berteknologi tinggi tetapi kurang menggunakan buruh. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menekankan soal mutu alam sekitar di samping mengatasi

masalah kekurangan tenaga buruh yang dihadapi oleh setengah-setengah daripada kilang yang ada. Dengan adanya pembangunan yang hebat ini, negeri Selangor adalah merupakan sebuah negeri, yang saya sering sebutkan sebagai "*the melting pot of the nation*". Di sini, hampir 50% daripada kuasa membeli negara tertumpu di sistem pentadbiran kerajaan yang cekap dan dinamik, menjadi aset dan penggerak utama pencapaian matlamat di atas. Ini bermakna, untuk meletakkan negeri Selangor sebagai negeri perindustrian menjelang tahun 2005, bukanlah satu perkara yang mustahil dan sukar dicapai tetapi soalnya ialah, adakah menjelang tahun itu nanti orang Melayu dan UMNO akan berada setanding, setaraf dan sama majunya seperti tahap kemajuan negerinya sendiri.

Oleh sebab itu, UMNO dan orang Melayu perlulah bersedia dari sekarang dengan berfikiran dan bersikap secara futuristik, dan peniagaanya pula mestilah mempunyai pandangan dan fikiran secara global dan antarabangsa. UMNO dan orang Melayu perlu maju, bergerak untuk mencari jalan dan peluang-peluang yang ada. Mereka sewajarnya tidak lagi hanya menunggu dan lihat apa yang berlaku di sekeliling. Menunggu atau menggunakan pengaruh politik untuk meminta atau menggunakan pengaruh politik untuk meminta atau menggunakan sikap "ahli lobi" untuk mendapat komisen yang tinggi tidak akan membawa kita jauh dalam dunia perniagaan, sebaliknya sikap sedemikian mendedahkan kita kepada budaya korporat yang jahat dan dikeji.

Sekali lagi saya perlu menekankan bahawa bangsa Melayu dan UMNO perlu mencapai satu kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan selaras dengan slogan yang ada iaitu "Terbaik Dari Kami". Ini bermakna setiap individu orang Melayu, setiap individu yang mengaku dirinya orang Melayu, dan menjadi ahli UMNO perlu menanamkan sikap mempunyai kualiti yang terbaik dalam apa jua bidang, jurusan dan peluang yang

diceburinya.

### **Program dan Aktiviti.**

Bagi mencapai tahap kecemerlangan, kerajaan negeri telah merangka beberapa program dan aktiviti yang difikirkan menjadi teras dan asas perjuangan dan pencapaian yang dihajati.

#### **i) Pembangunan Kemanusiaan.**

Satu perkara yang selalu saya tekankan sejak beberapa tahun yang lalu ialah negeri selangor perlu memberi penekanan dalam pembangunan kemanusiaan atau "*human resources development*" yang difikirkan amat perlu kerana bagi saya, manusia adalah merupakan aset yang paling berharga. Sesebuah organisasi boleh maju atau mundur sebahagian besarnya adalah bergantung kepada manusia di dalamnya. Kalau manusianya lemah runtuhlah organisasi itu. Kalau manusianya hebat, hebatlah organisasi itu. Untuk tujuan itu Kerajaan Negeri berpendapat pembangunan kemanusiaan ini mesti meliputi semua lapisan masyarakat baik di kawasan desa dan luar bandar mahupun di kawasan pekan kecil dan bandar, baik dari golongan rendah mahupun meliputi golongan berada dan atasan.

Alhamdulillah, nampaknya idea ini telah mendapat response dan sambutan yang begitu menggalakkan sekali dari semua pihak. Tugas untuk mengubah sikap dan nilai tradisional kaum Bumiputera adalah satu tugas yang memang berat. Tugas ini meliputi usaha-usaha untuk memberi kesedaran supaya mental dan fizikal agar mempunyai daya saing dan semangat berlumba-lumba untuk maju ke hadapan seiring atau melebihi kaum-kaum lain yang lebih maju. Peranan ibu bapa untuk menanamkan nilai-nilai murni ini di dalam setiap diri anak-anak sejak dari kecil lagi adalah sangat penting.

Di peringkat kerajaan negeri, kerajaan telahpun menubuhkan Jawatankuasa Tetap mengenai Pembangunan Kemanusiaan yang diketuai oleh seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi mengatur program-program dalam bentuk ceramah-ceramah, latihan-latihan motivasi dan bina insan bagi membentuk manusia yang mempunyai rasa tanggungjawab, komitmen, semangat berjuang, punya daya tahan dan daya saing terhadap cabaran yang dihadapi. Dalam latihan-latihan tersebut, kita perlu meningkatkan potensi individu itu sendiri, di samping sensitif dan peka terhadap alam sekitar supaya sentiasa celik dan responsif terhadap kemajuan dan perkembangan yang ada dan cara mana mereka boleh memberi sumbangan ke tahap maksimum.

#### ii) Pusat-pusat latihan.

Satu perkara paling relevan kepada *human resources development* ini ialah kita perlu melatih rakyat yang ada. K. Matshushita, usahawan Jepun yang berjaya membina empayar barangan elektrik Jepun ke seluruh dunia, berkata: "*Kami (Matshushita) melatih manusia untuk membuat barangan berkualiti.*" Adalah penting untuk kita mengadakan latihan melibatkan berbagai bidang, baik ianya kerohanian, teknologi dan kemahiran. Dengan adanya komitmen daripada kerajaan negeri yang begitu hebat, nampaknya sektor swasta telah memberi sambutan yang cukup memberangsangkan. Di dalam beberapa sektor swasta juga sedang merangka program-program dan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan sektor masing-masing.

Dalam hal ini, peranan yang dimainkan oleh Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) untuk menubuhkan pusat latihan dan kemahiran yang ditaja bersama-sama oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) melalui anak syarikatnya UMW Corporation di Kuala Selangor adalah amat disanjung tinggi. Pusat latihan itu

adalah bagi melatih belia dan penduduk tempatan dalam beberapa bidang kemahiran yang diperlukan oleh industri sekarang ini. Pusat ini yang mula beroperasi sejak beberapa bulan yang lalu, telah mendapat sambutan yang baik sekali daripada golongan belia dan penduduk tempatan. Difahamkan bahawa PNB dan UMW Corporation beracadang untuk menubuhkan beberapa pusat latihan yang sama, di kawasan-kawasan luar bandar lainnya. Saya amat menyanjung tinggi dan menghargai usaha-usaha seperti ini dan saya berharap beberapa syarikat swasta lain akan mengikut jejak ini dalam menyumbangkan tanggungjawab sosial mereka. Dengan cara ini juga, ia dapat mengurangkan perpindahan golongan belia daripada luar bandar ke bandar dan di samping itu dapat membawa latihan itu ke kawasan luar bandar, memberi latihan kepada golongan yang kurang mampu untuk mengikuti latihan-latihan formal di bandar-bandar.

Selain daripada itu kerajaan juga beracadang untuk mengadakan Institut Pengurusan Teknologi Tinggi di Hulu Langat, di satu kawasan seluas lebih kurang 100 ekar. Pusat latihan ini akan memberi latihan kepada golongan pengurusan, korporat, profesional dan teknokrat dari syarikat-syarikat perniagaan dan badan-badan swasta dalam bidang pengurusan moden dan teknologi tinggi untuk menyediakan dan membentuk mereka sebagai pakar-pakar dan pengurus-pengurus yang cekap, berkaliber dan berfikiran dinamis dalam menghadapi cabaran dan keperluan tenaga kerja yang sangat-sangat diperlukan oleh sektor perindustrian dan teknologi yang berkembang pesat.

Bagi pihak sektor perindustrian pula, kerajaan negeri telah menerima cadangan daripada Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia yang beracadang untuk mengadakan pusat latihannya sendiri bagi melatih para pekerja mereka mendapat pengetahuan dalam teknologi baru di samping akan melatih juga pekerja-

pekerja kilang yang baru diambil.

Terdapat juga satu kumpulan syarikat-syarikat multinasional yang mempunyai kilang di negeri Selangor ini yang bersetuju untuk mengadakan pusat latihan yang sama, membiayai sekali semua keperluan latihan untuk kakitangan mereka.

Tidak kurang pentingnya adalah peranan yang dimainkan oleh SIRIM yang sentiasa melatih pengusaha-pengusaha dalam berbagai bidang teknologi baru termasuk cadangan untuk mengadakan "Kilang Bimbingan" di Pekan Salak Tinggi, Sepang. Kilang bimbingan ini akan membimbing para pengusaha dengan baik perusahaannya sehingga boleh bersaing di pasaran tempatan sebelum ianya dilepaskan oleh SIRIM.

Skim yang sama akan juga dibuat oleh Bank Pembangunan Malaysia yang berminat untuk mengadakan Kilang Bimbingan yang sama di negeri Selangor ini yang mana cadangannya sedang diteliti oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB).

Dalam topik ini saya tidak mahu melupakan peranan yang akan dimainkan oleh Pusat Latihan Kerajaan Negeri yang akan dikendalikan oleh Yayasan Selangor di Ampang Pecah, Hulu Selangor. Di mana pusat itu akan melatih kakitangan kerajaan dan swasta dari semua peringkat untuk menjadi kakitangan dan pekerja yang baik dan cemerlang.

Di bawah skim latihan juga, saya suka menyatakan bahawa kerajaan negeri melalui Yayasan Selangor mengkaji untuk menubuhkan sebuah pusat pengajian tinggi swasta di negeri Selangor. Ini adalah memandangkan bahawa terdapatnya potensi pelaburan yang begitu baik dalam bidang pelajaran di samping keperluan latihan dan pelajaran tinggi oleh anak-anak kita begitu mendesak sekali. Pusat pengajian tinggi swasta itu kelak bolehlah mengadakan "twining program" dengan lain-lain universiti dan institusi dari luar negeri. Dalam kompleks yang sama, dicadangkan juga supaya diadakan beberapa kolej sebagai "complementary" kepada pusat pengajian tinggi swasta

yang akan ditubuhkan kelak. saya telah pun meminta Yayasan Selangor supaya membuat kajian terperinci dan mengemukakan perakaunannya kepada kerajaan negeri dengan segera.

## ii) **Kumpulan Cemerlang.**

Menyentuh soal kualiti dan prestasi yang cemerlang, saya suka mengesyorkan supaya, wujud beberapa kelompok dan kumpulan di negeri selangor ini khususnya orang Melayu dan Bumiputera yang cemerlang dalam semua segi menerusi konsep "Terbaik Dari Kami". Untuk mencapai kecemerlangan ini, mereka perlulah gigih, rajin, tahan bersaing, berhemah tinggi dan yang paling penting ialah komited atau "KHUSYUK" dalam apa juga kerja yang dibuat. Perkataan "khusyuk" ini perlulah dihayati dan disemai di setiap rakyat kita, supaya sebarang kerja yang dibuat akan berjaya.

Contohnya, jika kita menjadi imam semasa sembahyang ataupun makmum, kita perlu khusyuk supaya sembahyang kita itu dapat diterima oleh Allah SWT. Oleh itu semua orang patutlah khusyuk dalam perniagaan, khusyuk dalam membuat kerja sebagai kakitangan kerajaan, sebagai petani, pekerja kilang dan lain-lain. Saya percaya bila kita melakukan sesuatu kerja itu dengan khusyuk, kita boleh mencapai satu kecemerlangan.

Dengan adanya aktiviti pembangunan kemanusiaan digandingkan pula dengan program-program latihan yang dijalankan pula dengan program-program latihan yang dijalankan baik oleh sektor awam dan swasta untuk melahirkan kumpulan-kumpulan cemerlang ini, saya berpendapat menjelang tahun 2005, negeri Selangor akan mempunyai ramai individu atau kumpulan cemerlang dalam berbagai bidang seperti doktor, arkitek, ahli perniagaan, tokoh korporat, pengarah, ahli ekonomi, pengurus-pengurus bank dan lain-lain golongan profesional

Sebagai susulan daripada kejayaan ini saya suka menca-

dangkan supaya diadakan satu institusi berbentuk formal yang mengumpulkan segala maklumat berhubung dengan individu-individu yang terlatih dan cemerlang dalam bidang masing-masing itu supaya dapat diwujudkan satu data yang menyeluruh mengenai kewujudan mereka dari masa ke semasa dan boleh digemblengkan tenaganya untuk memberi sumbangan ke arah pencapaian matlamat negeri Selangor maju menjelang tahun 2005.

### **Kumpulan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB).**

Di atas tadi saya telah menyarankan supaya perlu diwujudkan golongan orang Melayu yang berjaya dalam semua segi, khususnya dalam bidang ekonomi, menjelang tahun 2005 atau 2020. Untuk mencapai matlamat tersebut perlulah wujud satu Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Betapa pentingnya masyarakat ini telah ditekankan oleh kerajaan apabila inaya menjadi satu daripada prinsip dan matlamat dalam dasar pembangunan Negara (DPN). Masyarakat ini mesti diwujudkan melalui berbagai aktiviti dan rancangan yang perlu diatur, dengan bijak dan terancang baik oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta dan individu sendiri.

Saya rasa kerajaan telah memberi peluang yang begitu banyak, memberi kemudahan yang cukup, memberi galakan yang tidak putus-putus, memberi bantuan yang tidak henti-henti, memberi nasihat dan bimbingan yang tidak jemu-jemu semata-mata untuk mewujudkan masyarakat ini sejak beberapa lama dahulu. Namun begitu tanpa realisasi dan motivasi, tanpa kesedaran yang jitu dan individu Bumiputera, sukarlah MPPB ini hendak dilaksanakan. Dalam hal ini Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu (DPPM) dan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) wajib dan patut memainkan peranan



ulung dalam membimbing individu-individu ke arah mewujudkan masyarakat.

Kerajaan negeri akan sedaya upaya membantu dan memberi galakan dan sokongan supaya terapainya matlamat masyarakat perdagangan dan perindustrian ini. Di antaranya program dan langkah-langkah yang telah dan sedang dirancang oleh pihak kerajaan negeri adalah dengan mengadakan latihan untuk usahawan-usahawan Bumiputera, mengadakan kawasan industri untuk Bumiputera di daerah-daerah, mengadakan kawasan perusahaan perabut untuk Bumiputera di bawah konsep "payung" dengan memberi berbagai-bagai galakan kepada mereka, membimbing mereka menjadi pemaju perumahan menerusi projek-projek perusahaan yang dilaksanakan oleh PNSB dan PKNS, dan tidak kurang pentingnya ialah melatih individu Bumiputera sebagai pengurus-pengurus dalam anak-anak syarikat kerajaan negeri yang berkecimpung dalam berbagai-bagai bidang perniagaan, perindustrian dan perdagangan. Kita berharap pada satu hari nanti pengurus-pengurus Bumiputera ini boleh berdiri di atas kaki sendiri dan menjadi sebahagian daripada masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang berjaya.

### **Program Pembasmian Kemiskinan.**

Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai kadar dan bilangan rakyat termiskin antara yang paling rendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Perangkaan menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di negeri Selangor pada tahun 1990 adalah 7.8% yang kedua terendah dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Kadar kemiskinan ini dijangka dapat dikurangkan dengan berkesan jika pertumbuhan ekonomi yang pesat berlaku sekarang ini dapat diteruskan dalam beberapa tahun yang akan datang. Soal kemiskinan yang sedang berlaku di negeri Selangor adalah lebih merupakan

konsep kemiskinan secara relatif dan tidak terdapat sebenarnya kemiskinan mutlak sebagaimana yang dialami di lain-lain negara. Namun begitu oleh kerana kerajaan memandang berat dan sangat sensitif terhadap kebajikan rakyatnya, soal kemiskinan ini menjadi perhatian utama pihak kerajaan, dan beberapa program dan rancangan sedang diatur untuk mengatasinya supaya rakyat yang miskin ini tidak kira di mana mereka berada dan tidak mengira kaum akan dapat dipertingkatkan taraf hidup mereka. Satu daripada usaha yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri dengan bantuan sektor swasta ialah menubuhkan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) sejak tahun 1990.

Yayasan ini telah mengatur berbagai program dan bantuan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan ekonomi rakyat termiskin khususnya di luar bandar. Secara purata dalam setiap bulan, kira-kira 27 keluarga mendapat rumah baru atau rumah mereka diperbaiki. Selain daripada itu sebanyak RM1.4 juta juga telah diperuntukkan bagi membekalkan makanan berkhasiat kepada anak-anak keluarga termiskin di Selangor. Usaha-usaha tersebut adalah untuk melahirkan manusia yang sihat, berfikiran tegas dan peka terhadap persekitaran. Saya sangat berbesar hati kerana suaha-usaha ini sentiasa mendapat sokongan yang baik oleh pihak swasta yang telah tampil ke hadapan memberi sumbangan dalam tanggungjawab sosial.

YBK juga telah tidak jemu-jemu dengan usaha membasmi kemiskinan dan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk institusi-institusi pengajian termiskin melalui aspek bimbingan, kaunseling dan nasihat. Ke arah itu, YBK sedang memikirkan usaha-usaha bagi menubuhkan rangkaian pusat asuhan dan bimbingan keluarga miskin di seluruh negeri Selangor sebagai satu strategi utama ke arah pembasmian kemiskinan. Selain daripada itu, YBK juga menyediakan bantuan pendidikan untuk anak-anak keluarga miskin, termasuklah menubuhkan

Wisma Kasih dan Skim Bantuan Pelajar Miskin. Manakala golongan ibu bapa miskin yang masih boleh bekerja pula ada disediakan peluang-peluang ekonomi untuk mereka menambah sumber pendapatan.

### **Penyusunan semula masyarakat.**

Malaysia dan negeri Selangor sebagai sebuah negara dan negeri yang sedang membangun menghadapi banyak cabaran khususnya kerana penduduknya terdiri daripada berbagai kaum dan menganuti agama yang berbeza serta berlainan budaya. Dalam suasana masyarakat majmuk sedemikian rupa, keseimbangan perlu wujud dalam berbagai aspek penghidupan di antara penghuni-penghuninya baik dalam soal sosial, ekonomi, politik dan lain-lain. Jika wujud ketidakseimbangan dan ketidaksaan, ia boleh menggugat kemantapan, keharmonian sosial dan kemantapan politik negeri yang akhirnya akan menjejaskan kedudukan ekonominya sekali.

Oleh sebab itu, soal penyusunan semula masyarakat sentiasa diberi perhatian yang besar oleh pihak kerajaan baik dalam Dasar Ekonomi Baru mahupun dalam Dasar Pembangunan Negara. Dalam soal ini, peranan kerajaan negeri, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta dan individu adalah amat penting untuk mengekalkan keadaan perseimbangan yang wujud. Semua pihak harus sensitif dan memberi kerjasama dalam usaha-usaha kerajaan mewujudkan kestabilan politik dan keharmonian sosial di samping membangunkan sumber ekonominya. Penyusunan semula masyarakat juga perlu dibuat bagi mewujudkan satu suasana kehidupan yang aman dan selesa agar taraf hidup kita dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

Usaha-usaha kerajaan untuk menempatkan semua setinggan umpamanya, hendaklah dilihat dari segi positif iaitu untuk kebaikan para setinggan itu sendiri agar dapat hidup dalam

suasana yang bersih, sempurna dan teratur supaya kita dapat meningkatkan taraf hidup mereka di samping membenarkan pembangunan berlaku di kawasan-kawasan yang dikenal pasti. Kita akui bahawa masalah setinggian merupakan satu soal yang amat berat yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan negeri kerana setiap tahun negeri Selangor dan Lembah Klang menerima lebih kurang 15,000 penghijrah dari negeri-negeri lain yang bekerja dan bermastautin di sini. Sebahagian besar daripada mereka, oleh kerana menghadapi masalah kewangan dan kesukaran mendapatkan tempat tinggal, akan menjadi setinggian. Kerajaan negeri memperakui sumbangan mereka dari segi ekonomi dan juga kepentingan politik setempat, tetapi kerajaan juga berpendapat pembangunan yang dirancang tidak seharusnya tergendala dengan adanya masalah setinggian. Mereka yang terlibat akan dipindahkan dengan teratur dan diwujudkan satu pembangunan masyarakat dan ekonomi yang teratur dan seimbang di samping tidak menggugat kemantapan dan kestabilan politik tempatan.

Satu lagi isu yang saya suka timbulkan dalam konvensyen ini ialah penyusunan semula masyarakat dalam konteks penyusunan bandar-bandar. Oleh kerana perkembangan yang begitu pesat sedang berlaku di negeri Selangor, banyak pusat pertumbuhan baru telah dan akan diwujudkan. Ini dengan sendirinya memerlukan penyusunan semula bandar-bandar, khasnya pekan-pekan kecil bagi menampung keperluan pertumbuhan ekonomi yang pesat ini. Kajian semula ini perlu mengambil kira sebarang penduduk, keperluan infrastruktur dan juga sebarang aktiviti ekonomi, yang meliputi beberapa daerah di seluruh negeri Selangor.

Di samping itu, kerajaan negeri juga sentiasa mengambil perhatian berat dalam soal pertumbuhan kilang-kilang haram yang begitu banyak sekali. Dalam usaha menarik pelabur datang ke negeri ini dan dalam usaha mempertingkatkan sektor

perindustrian, kerajaan negeri tidak mahu mengorbankan peraturan dan undang-undang yang ada, begitu juga tidak mahu mengorbankan alam sekitar. Sumbangan para pekilang dalam pertumbuhan ekonomi adalah sangat dihargai. Namun demikian, mereka sewajarnya tidak melanggar undang-undang dan peraturan yang sedia ada. Kenegeri bersedia membantu mereka menempatkan semula setinggan-setinggan kilang haram ini di tapak-tapak industri yang telah dirancang dengan baik supaya satu pembangunan yang teratur dapat diwujudkan.

### **Masyarakat penyayang.**

Dalam keghairahan kita menumpukan perhatian dan menyediakan persiapan menghadapi zaman "Selangor Maju Menjelang Tahun 2005", kita tidak seharusnya lupa dan leka akan pentingnya wujud satu corak masyarakat yang saling memahami antara satu sama lain demi untuk menjaga keharmonian sosial. Perkara ini merupakan satu cabaran bukan saja bagi UMNO, tetapi seluruh rakyat Malaysia. Masyarakat yang harmoni amat penting untuk menjamin kestabilan politik dan kestabilan ekonomi. Dengan sebab itu kerajaan, menyarankan supaya dipupuk semangat dan sikap mewujudkan masyarakat yang dinamakan "masyarakat penyayang" dan budaya yang mulia yang dipanggil "budaya ikram".

Dalam konteks ini, semua pihak sepatutnya menghormati antara satu sama lain, yang berlainan budaya dan keturunan, malahan lebih jauh daripada itu di mana pihak yang kurang bernasib baik akan sentiasa mendapat perhatian dan pembelaan daripada masyarakat yang bernasib baik. Ke arah itu, usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh jabatan-jabatan kerajaan seperti Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perpaduan Negara, Yayasan Basmi Kemiskinan, Amanah Ikhtiar Malaysia, dan lain-lain program

yang membantu golongan yang kurang bernasib baik, tanpa mengira kaum, adalah amat disanjung tinggi. Malahan, budaya masyarakat penyayang yang telah wujud dalam budaya Malaysia sejak beberapa keturunan dahulu adalah menjadi tunjang kejayaan kita dan ia sepatutnya diteruskan bagi mempercepatkan konsep integrasi nasional.

### **Peranan UMNO.**

Mungkin saudara saudara akan bertanya kepada saya mengapa saya menekankan perkara-perkara di atas dan apakah hubungannya dengan UMNO. Bagi saya, UMNO adalah merupakan jentera yang mencorakkan orang Melayu. Jika jentera ini tidak berjalan dengan lincin, matlamat orang Melayu untuk mengecap kemakmuran dan menguasai sistem sosio ekonomi dan politik tanahair sendiri tidak akan tercapai. Sebaliknya, jika jentera ini berjalan baik, maka senanglah dan cepatlah matlamat itu dapat dicapai.

Dalam perkara ini, saya menganggap UMNO adalah sebagai penggerak utama di semua peringkat kerana UMNO wujud bukan sahaja di desa-desa terpencil, di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan rancangan pembangunan tanah, malahan ianya juga wujud dan aktif di pekan-pekan, di bandar-bandar dan di kota-kota. Semangat UMNO wujud di semua lapisan dalam berbagai badan dan organisasi dan institusi yang wujud di semua peringkat. Semangat UMNO lah yang menguasai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Semangat UMNO dan orang UMNO lah yang menjadi penggerak kepada kumpulan belia. Semangat dan orang UMNO lah yang menggerakkan Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI). Ahli-ahli UMNO jugalah yang duduk dalam persatuan-persatuan, badan-badan sukarela, organisasi-organisasi kerajaan dan badan-badan sukarela, organisasi-organisasi kerajaan dan swasta. Tenaga penggerak masjid-

masjid, sama ada di kariah-kariah mahupun di negeri-negeri juga adalah terdiri daripada mereka yang menghayati semangat perjuangan meninggikan kedudukan dan martabat orang Melayu.

Oleh itu, kesedaran mereka amat perlu dan paling mustahak. Apabila mereka sedar, mereka tahu dan mereka wajib menjadi penggerak utama dalam persatuan atau organisasi yang mereka anggotai. Mereka mesti sensitif dan peka akan apa yang berlaku sekarang dan di masa akan datang. Sekiranya nilai-nilai yang wujud dalam diri mereka masih berbentuk lama, masih tidak sensitif kepada perubahan-perubahan di sekeliling, maka ahli-ahli UMNO di pelbagai pertubuhan itulah yang patut mengubahnya. Sekiranya haluan JKKK masih di tahap lama, yang sentiasa mahu meminta bantuan kerajaan, ahli UMNO yang duduk dalam JKKKlah yang patut mengubahnya kepada mempunyai sikap berdikari. Sekiranya dalam pertubuhan belia, masih terdapat belia-belia yang memikirkan bahawa adalah tanggungjawab kerajaan untuk memberi mereka pekerjaan, menyuap mereka sesudah nasi atau secangkir air, maka adalah tanggungjawab ahli-ahli UMNO mengubah pemikiran ini kepada sesuatu yang berbentuk positif dan boleh mendatangkan kebaikan kepada bangsa dan negara.

Peranan imam-imam dan bilal-bilal di masjid-masjid dan di surau-surau adalah amat penting kerana mereka merupakan ketua yang dihormati, disegani dan dipandang mulia oleh masyarakat setempat. Saya merasa gembira kerana sudah terdapat perubahan dalam cara pemikiran golongan ini, umpamanya dalam setiap khutbah dan ceramah, mereka tidak lagi semata-mata membicarakan soal mati dan akhirat saja, soal syurga dan neraka, soal ganjaran dan pembalasan, malah mereka sudah memperkatakan mengenai isu-isu semasa, masalah sejagat dan budaya yang boleh mengembalikan

kegemilangan umat Islam sesuai dengan ajaran agama Islam itu iaitu sebagai agama yang Ad-Din. Begitulah yang diharapkan supaya berlaku perubahan sikap dan pemikiran di dalam semua peringkat khususnya dipelopori oleh ahli-ahli UMNO sendiri supaya selaras dan menghayati cogan kata serta saranan pemimpin-pemimpin negara, iaitu "Kepimpinan Melalui Teladan".

Dari segi politik, oleh kerana UMNO adalah teras dan tunjang dalam politik tanahair, dengan itu peranan yang dimainkan oleh setiap ahli UMNO adalah amat penting sekali di semua peringkat di atas. Sekiranya, setiap ahli UMNO dapat menentukan kestabilan politik di akar umbi, di samping dapat mempertingkatkan perubahan sikap dan pemikiran ke satu tahap kecemerlangan, saya yakin politik negara akan terus stabil dan mantap dan pembangunan negara pula akan dapat berjalan pada kadar yang lebih rancak lagi.

Dalam konvensyen pada pagi ini, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai isu pembangunan yang berlaku di sekeliling kita. Seperti yang kita semua sedia maklum, negeri Selangor akan terus maju ke hadapan. Daripada beberapa projek yang akan dilaksanakan di negeri Selangor, menunjukkan satu kemajuan yang amat pesat akan berlaku di negeri ini dalam tempoh 10 tahun akan datang.

## **DI ANTARA PROJEK-PROJEK ITU ADALAH:**

### **i) Pembangunan Pulau Lumut (Pulau Indah).**

Kerajaan Persekutuan telahpun membangunkan satu lagi pelabuhan di Pulau Lumut atau Pulau Indah yang dikenali sebagai Pelabuhan Barat, yang akan menelan belanja hampir RM300 juta, bertujuan menampung kepesatan pembangunan-pembangunan pelabuhan itu, kerajaan negeri melalui agensi-agensinya seperti PNSB, PKNS dan Kumpulan Perangsang akan membangunkan satu kawasan tanah seluas lebih kurang



7,000 ekar di sekitar pulau itu untuk pembangunan industri berat, industri-industri yang berkaitan dengan pelabuhan, perumahan dan rekreasi.

Saya difahamkan beberapa syarikat multinasional luar negara sangat berminat untuk menempatkan industri mereka di Pulau Indah termasuk cadangan membina sebuah kilang besi keluli. Kerajaan Persekutuan pula telahpun membina jalan dan jambatan yang menghubungkan pulau itu dengan tanah besar bagi mempercepatkan pembangunan di pelabuhan itu.

Di samping pembangunan yang akan dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan, kerajaan negeri juga tidak mahu melupakan dan mengabaikan kepentingan dan peranan penduduk tempatan. Kerajaan negeri tidak mahu melihat bahawa penduduk tempatan hanya berpeluh tubuh dan menyaksikan saja dari jauh pembangunan yang akan berlaku di sana. Untuk tujuan tersebut, kerajaan negeri telah pun menganugerahkan tanah seluas 1,000 ekar di Pulau Indah kepada penduduk-penduduk tempatan melalui Koperasi Pulau Lumut dan diharapkan koperasi ini akan dapat merangka strategi untuk turut mengambil bahagian dalam pembangunan yang akan dilaksanakan di pulau ini demi faedah dan kepentingan ahli-ahlinya serta penduduk tempatan. Keseluruhan pembangunan di Pulau Indah ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh 15 tahun akan datang dan pulau ini yang sekarang ini merupakan sebuah perkampungan tradisi Melayu yang terpencil, akan bertukar wajah menjadi satu pusat pelabuhan, perindustrian dan perniagaan yang sibuk, membangun dan maju dalam dekad akan datang.

## ii) Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang.

Kerajaan Persekutuan telahpun memutuskan untuk membangunkan sebuah lapangan terbang yang baru di Sepang di satu kawasan seluas lebih kurang 25,000 ekar. Projek ini

dijangka siap menjelang tahun 1997. Projek tersebut yang bernilai hampir RM20 billion dengan sendirinya akan mengubah corak daerah Sepang daripada sebuah daerah yang terpencil dan mundur kepada sebuah pusat pertumbuhan baru yang sibuk dan maju, menandingi daerah Petaling ataupun daerah-daerah lain yang maju di negara ini. Sepang dijangka akan menjadi sebuah "bandaraya lapangan terbang" berikutan pembinaan projek ini akan dapat mengembangkan pembangunan infrastruktur ke selatan negeri Selangor, yang akan mendedahkan kesan limpahan kepada negeri-negeri yang turut berjiran dengan negeri Selangor. Kita berharap kerajaan negeri, menerusi agensi-agensi kerajaan dapat turut sama dalam pembangunan projek yang sebesar itu, di samping membangunkan kawasan-kawasan sekitar lapangan terbang yang berpotensi.

### **III) Projek kereta nasional kedua di Serendah.**

Kerajaan negeri mengucapkan berbilang-bbilang terimakasih kepada kerajaan Persekutuan yang telah bersetuju untuk menempatkan projek kereta nasional kedua Malaysia di negeri Selangor. Projek ini yang ditempatkan di sebahagian daripada kawasan seluas lebih kurang 1,600 ekar di Serendah dalam daerah Hulu Selangor akan menjadi kebanggaan negeri kita. Kerajaan negeri berkeyakinan projek ini akan menjadi penggerak dan pencepat kepada kemajuan di sekitar kawasan ini, sehinggalah membawa ke kawasan utara negeri Selangor. Saya difahamkan projek ini dijangka bermula pada tahun 1993 dan dijangka siap pada akhir tahun 1994.

Saya amat gembira kerana salah satu daripada agensi kerajaan negeri iaitu, PNSB, sedikit sebanyak terlibat dalam aktiviti hiliran ataupun "downstream" projek ini serta perancangan projek ini.

#### **IV) Rangkaian lebu-lebu raya.**

Oleh kerana negeri Selangor begitu pesat pembangunannya dan kedudukannya pula terletak berdekatan dengan Kuala Lumpur, tambahan pula semua kemudahan infrastruktur baik pelabuhan mahupun lapangan terbangnya bertempat di negeri ini, ini bermakna kita mempunyai kemudahan infrastruktur yang setanding dengan negara-negara maju. Untuk tujuan mempertingkatkan kelicinan pengaliran kenderaan dan bagi mempercepatkan proses pembangunan di kawasan desa serta meningkatkan masa perjalanan yang begitu penting bagi tujuan perniagaan dan perdagangan, dua buah lebuhraya baru akan dibina yang dijangka siap dalam masa dua tahun akan datang, iaitu projek Shah Alam Express Way menghubungkan Sungai Besi menuju ke Pulau Lumut dan projek lebuhraya Shah Alam-lapangan terbang antarabangsa di Sepang. Dengan siapnya projek-projek ini, dengan sendirinya akan membuka peluang-peluang baru kepada usahawan-usahawan untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi sokongan mahupun industri-industri berasaskan pertanian, berasaskan sokongan elektronik mahupun lain-lain kegiatan ekonomi.

#### **V) Selangor sebagai nadi industri pengangkutan dan pusat pengagihan barangan serantau (Transportation hub and regional distribution centre).**

Pembangunan pesat yang berlaku pada kadar yang begitu pantas di negeri Selangor, tanpa kita sedari, telah menjadikan negeri ini satu kawasan pertumbuhan industri baru, khususnya yang berkaitan dengan perkhidmatan. Di negeri ini, kita berhadapan dengan pelbagai bentuk potensi dan satu daripadanya yang mempunyai masa depan yang baik adalah industri yang berkaitan dengan pengangkutan ataupun "*transportation related industries*".

Bagaimana negeri Selangor boleh menjadi nadi pengangkutan

negara (*transportation hub of the nation*) dalam tahun-tahun 2000?

Pertama, pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru di Sepang, yang akan menjadi lapangan terbang yang terbesar, termoden dan terbaik di rantau ini, akan meletakkan Sepang khususnya dan negeri Selangor amnya, sebagai pusat laluan kargo dan perdagangan yang utama di rantau ini di samping menjadi laluan penumpang udara antara yang utama di dunia. Sebenarnya, dengan bertambahnya trafik udara yang dinikmati oleh lapangan terbang di Subang pada masa sekarang, kita sebenarnya telahpun menikmati kedudukan sebagai laluan udara yang sibuk di rantau ini. Namun begitu, kita yakin bahawa dengan keupayaan pengendalian kargo yang lebih tinggi yang akan wujud di lapangan terbang yang baru di Sepang, trafik kargo udara akan meningkat berkali-kali ganda. Kita tidak dapat menafikan bahawa peningkatan trafik kargo udara ini akan mewujudkan pula permintaan-permintaan yang lebih tinggi terhadap aktiviti-aktiviti di darat seperti pengangkutan kargo (*haulage*), kegiatan-kegiatan berasaskan pembiayaan kewangan, pengangkutan, pemesanan dan penghantaran barangan. Begitu juga akan wujud perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan pergudangan dan penyimpanan barangan.

Kedua, pembukaan pelabuhan baru di Pulau Indah akan meletakkan negeri Selangor sebagai pintu masuk utama barangan dan kargo ke negara ini. Pelabuhan baru ini mempunyai keupayaan bagi mengendalikan kapal-kapal generasi ketiga dan lebih besar. Keupayaan pelabuhan baru ini jika digabungkan dengan keupayaan pelabuhan yang sedia ada di Pelabuhan Utara dan Selatan dan terminal kontena, meletakkan Pelabuhan Klang berpotensi dimajukan sebagai bandaraya pelabuhan yang pertama di negara ini. (Sekiranya Rotterdam di Belanda boleh menjadi "*The Gateway to the European Market*", apakah Pelabuhan Klang pada satu masa nanti

tidak boleh menjadi "*The Gateway to the Malaysian Market*" dan satu masa nanti "...*the South East Asian Market*", mengambilalih peranan negara jiran kita di selatan. Dengan pembukaan pelabuhan baru ini, sudah tentu akan wujud permintaan yang bertambah bagi kegiatan-kegiatan pengangkutan kargo, pergudangan, keperluan pembiayaan kewangan dan pengangkutan, begitu juga lain-lain perkhidmatan yang berkaitan.)

Ketiga, cadangan pembinaan Taman Perindustrian Marin di pantai negeri Selangor harus dilihat sebagai satu industri utama yang boleh melonjakkan kita ke dalam satu industri baru, iaitu pembinaan kapal dan bot-bot serta komponen-komponen dan perlengkapan-perengkapan perkapalan. Tentu ramai daripada kita akan bimbang industri sebegini akan hanya menguntungkan saudagar-saudagar ataupun usahawan-usahawan yang mempunyai modal besar oleh kerana industri ini memerlukan modal yang banyak. Namun begitu, setiap industri besar memerlukan industri sokongan dan juga industri hiliran, umpamanya pembinaan kapal atau bot memerlukan tempat duduk dalam kapal, pelampung, jaket keselamatan dan lain-lain. Selain itu juga, dengan wujudnya Taman Perindustrian Marin ini kelak, akan mencetuskan satu lagi peluang perniagaan iaitu industri pelancongan pesisir laut (*coastal tourism*) melibatkan pembinaan marina-marina untuk dijadikan tempat menyimpan bot, perkhidmatan menyewa bot dan kapal pesisir pantai untuk tujuan rekreasi, perkhidmatan "*freight and insurance*" bagi keselamatan penumpang, industri maaan laut dan lain-lain.

Keempat, kewujudan rangkaian lebuh-lebuh raya baru yang menghubungkan Utara dan Selatan Semenanjung. Adakah kita sedar bahawa kita sebenarnya menjadi "*the centre point*" atau titik pertembungan Lebuh raya Utara-Tengah dan Lebuh raya tengah-selatan dan boleh memainkan peranan penting bagi menggerakkan industri pengangkutan barangan dari kawasan

tengah ke kawasan utara dan selatan Semenanjung. Hulu Bernam mempunyai potensi untuk dimajukan sebagai pusat pengangkutan dan persinggahan utama - kenderaan barangan yang datang dari utara, begitu juga dengan Bangi bagi kenderaan yang datang dari selatan Semenanjung. Kemudahan-kemudahan lebuhraya ini seharusnya meletakkan kita dalam keadaan yang strategik untuk mencetuskan peluang-peluang perniagaan yang berkaitan dengan perkhidmatan pembaikan lori ataupun kereta, perkhidmatan servis kenderaan dan lain-lain.

### **Penubuhan Konglomeret.**

Memandangkan begitu banyak projek besar dan perkembangan-perkembangan utama yang sedang dan akan berlaku di negeri Selangor, sekaligus membuka peluang yang luas dalam beberapa bidang perniagaan seperti pembangunan dan pembinaan, begitu juga dengan perkhidmatan, saya sukalah menyarankan kepada anak-anak syarikat kerajaan negeri seperti PNSB, PKNS, Kumpulan Perangsang, Yayasan Selangor, dan PKPS supaya maju dan tampil ke hadapan bagi merebut peluang-peluang yang wujud ini. Sekiranya projek-projek yang hendak dilaksanakan ini terlalu besar dan memakan belanja yang banyak, saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan satu konsortium ataupun konglomeret di antara anak-anak syarikat kerajaan negeri untuk melaksanakan projek-projek yang besar ini.

Mengenai soal konglomeret ini, pada satu ketika dahulu konsep ini pernah diketengahkan tetapi tidak begitu mendapat sambutan. Tetapi apa yang saya tekankan di sini ialah supaya diwujudkan satu organisasi yang mampu menyatukan semua kepakaran dan "*resources*" agensi-agensi kerajaan yang ada ke dalam satu badan induk seperti sebuah konsortium yang besar ataupun "*holding company*".

Saya berpendapat, sekiranya konsortium atau "holding company" ini dapat diwujudkan di negeri Selangor, dengan adanya input daripada semua agensi yang ada, "holding company" ini akan dapat muncul sebagai sebuah gergasi korporat yang besar, tegap dan kukuh dan disegani. Dengan harta dan kepakaran yang ada, gergasi korporat ini mungkin dapat menyamai taraf Permodalan Nasional Berhad (PNB), ataupun syarikat-syarikat swasta yang lain seperti Kumpulan Sime Darby, Kuok Group, ataupun syarikat-syarikat multinasional utama di luar negara seperti Mitsui di Jepun, Hyundai atau Daewoo di Korea, Evergreen di Taiwan dan lain-lain. Gergasi korporat ini sekiranya diurus dengan baik akan disegani oleh dunia korporat di negara ini dan dapat menjadi pemimpin dan penggerak utama perkembangan ekonomi negeri Selangor. Walaupun pada permulaannya, mungkin terdapat sedikit sebanyak masalah mengenai cadangan untuk menggabungkan input dari agensi-agensinya yang ada ini, tetapi saya percaya dengan komitmen yang terdapat di setiap pihak pengurusan, masalah yang wujud itu tidak patut menjadi penghalang kepada wujudnya satu gergasi perniagaan yang disegani dan juga dapat mendatangkan banyak faedah kepada para pekerja dan juga organisasi itu sendiri, termasuk pemindahan teknologi dan boleh menjimatkan kos pengurusan dan tidak kurang pentingnya ialah, konglomerat ini akan menjadi kebanggaan kerajaan negeri.

### **Amanah Saham Negeri Selangor (ASNS).**

Apabila kerajaan negeri Selangor menyerahkan Kuala Lumpur kepada kerajaan Persekutuan untuk menjadi ibu negara Malaysia, kerajaan negeri telah menerima pampasan sebanyak RM3.5 billion. Pampasan ini yang bermula pada tahun 1974 telah berakhir pada tahun 1991. Daripada wang pampasan itu, banyak projek yang telah dapat dibangunkan, khususnya

pembangunan sebuah ibu negeri yang baru yang boleh kita banggakan, iaitu Shah Alam.

Namun begitu, untuk lebih memanfaatkan lagi pembangunan dan faedah kepada orang Melayu dan Bumiputera, dari wang pampasan itu, kerajaan negeri telahpun mengadakan skim pinjaman Amanah saham Nasional/Amanah Saham Bumiputera tanpa dikenakan faedah, kepada Bumiputera yang termasuk di dalam takrif miskin atau berpendapatan kurang daripada RM400 sebulan. Peruntukan sebanyak RM25 juga telahpun disediakan oleh kerajaan negeri untuk memberi pinjaman tanpa faedah ini kepada Bumiputera rakyat negeri Selangor. Setakat ini, hampir 10,000 orang telah mendapat faedah daripada skim pinjaman ini. Kita berharap menjelang dua tahun akan datang, peruntukan RM25 juta ini akan dapat diagihkan sepenuhnya kepada mereka yang layak.

Pihak kerajaan pada masa sekarang ini sedang menggalakkan tabungan wang. Di samping itu, terdapat pula kepesatan pertumbuhan ekonomi di negeri ini. Oleh itu, tabungan simpanan wang untuk tujuan melabur bagi mendapat pulangan yang maksimum perlulah digalakkan. Untuk tujuan tersebut, saya sangat mengalu-alukan cadangan untuk mengadakan sebuah Tabung Amanah Saham Negeri Selangor yang dikemukakan oleh sebuah anak syarikat kerajaan negeri, iaitu PNSB. Saya ingin mengumumkan di sini bahawa satu kajian terperinci akan dibuat mengenai cadangan tersebut. (Secara kasarnya, langkah ini kelak akan menggalakkan kepada individu dan syarikat-syarikat serta ahli-ahli perniagaan di negeri Selangor membeli saham dari Unit Trust yang akan diwujudkan bagi tujuan dilabur di dalam kegiatan perniagaan dan perdagangan yang berkembang pesat baik di dalam mahupun di luar negara, di samping menjamin pulangan yang baik kepada para pelabur semua. Saya berharap kajian ini dapat disiapkan dengan secepat mungkin dan pada



masa yang sama ianya dibuat secara teliti dan bijak serta dapat mendatangkan keuntungan kepada para pelabur.)

**Potensi pembangunan ekonomi di Asia Timur dan Asean.** Dalam asyik kita membicarakan soal pembangunan ekonomi negara, kita tidak seharusnya alpa akan perkembangan yang berlaku di negara-negara lain. Ini adalah kerana sistem ekonomi kita dipengaruhi oleh percaturan ekonomi atau politik antarabangsa. Sebarang sistem atau dasar yang dibuat di Amerika atau Eropah akan memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada Malaysia. Umpamanya satu masa dahulu, apabila Amerika Syarikat melancarkan kempen anti penggunaan minyak kelapa sawit, pekebun-pekebun kecil dan pengusaha-pengusaha kelapa sawit, pekebun-pekebun kecil dan pengusaha-pengusaha kelapa sawit di Malaysia turut terjejas. Sebaliknya, apabila negara-negara tertentu di dunia menambah kuota eksport barang-barang dari negara kita semua pihak yang terlibat di negara ini menikmati manfaatnya.

Baru-baru ini, kita telah mendengar dan menyaksikan satu tragedi ekonomi di Eropah di mana berlaku krisis matawang di Britain dan satu dua negara di Eropah. Kejatuhan matawang British ini boleh mengugat pembangunan dan ekonomi British ini boleh mengugat pembangunan dan ekonomi negara-negara di Eropah. Baru-baru ini, saya berkesempatan berkunjung ke negara-negara Eropah dan dalam kunjungan itu, saya mendapat peluang bertemu dengan sebilangan pakar ekonomi di sana. Saya diberitahu bahawa keadaan yang berlaku di Eropah, keruntuhan empayar Soviet, kemelesetan ekonomi dan inflasi yang melanda Amerika Syarikat, Canada dan beberapa negara lain di dunia, ada manfaatnya.

Ini dengan sendirinya menjadikan negara-negara di Timur jauh, khasnya Asia Tenggara sebagai negara tumpuan baru pelabur-pelabur daripada negara Eropah dan Russia. Ini adalah

kerana negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara merupakan negara-negara yang stabil kuasa politikinya, mempunyai sumber bahan mentah dan kaya, kos hidup yang masih rendah, budaya kerja dan kerajinan yang tinggi serta kepimpinan politik dan ekonomi yang bekerja kuat, berpandangan jauh dan komited kepada amanah memajukan negara. Saya diberitahu bahawa kesemua faktor ini boleh menjanjikan pelaburan yang menguntungkan bagi kalangan pelabur-pelabur.

Ini bermakna bahawa negara-negara seperti Thailand, Malaysia, Indonesia, Filipina, Vietnam dan China, akan menjadi rebutan para pelabur untuk menanam modal. Alhamdulillah, kita bernasib baik kerana Malaysia mendahului negara-negara ini dari segi pertumbuhan ekonomi yang mencatatkan pertumbuhan melebihi 8.5 peratus setahun yang menjadikan negara kita paling "top" dari segi minat pelabur asing. Namun begitu, kita harus berusaha mengekalkan daya saing kita supaya kita terus menjadi tumpuan utama pelabur asing.

Kita harus menyedari bahawa negara-negara lain sedang mengejar kita dengan pantas. Semua pihak harus menonjolkan dan membuktikan keazaman dan kecekapan yang tinggi bagi mengurangkan karenah-karenah birokrasi, "red tape" serta halangan-halangan pentadbiran yang tidak lagi sesuai dengan perkembangan semasa. Kita harus mempunyai sikap mahu membantu para pelabur dan berupaya menawarkan insentif-insentif dan galakan terbaru bagi menarik pelabur. Sekiranya kita masih di tahap lama, negara-negara Thailand, Indonesia, Vietnam dan China sentiasa menunggu dan menawarkan berbagai insentif yang menarik. Jika keadaan ini berlaku, kita akan mudah kehilangan pelaburan dan tanpa pelaburan yang kukuh, sama ada dari luar mahupun dari dalam negara, pertumbuhan ekonomi negara akan menjadi lembap dan ini dengan sendiri akan mengubah potensi dan prospek masa depan Malaysia yang gemilang.

### Di mana orang Melayu hari ini?

Dalam ucapan saya tadi, saya telah menghuraikan beberapa aspek perkembangan yang sedang berlaku dalam bidang ekonomi di negeri ini, negara ini dan juga kesan daripada perkembangan ekonomi di dunia Barat ke atas potensi dan prospek ekonomi di Asia Timur, Asia Tenggara dan Malaysia. Saya telah berusaha memberi gambaran akan kelebihan-kelebihan yang sedang dan yang akan dinikmati oleh tuan-tuan dan puan-puan yang tinggal di negeri selangor dan kawasan Lembah Klang ini, serta peranan yang boleh dimainkan oleh negeri ini sebagai "*catalyst*" kepada pembangunan Lembah Klang dan juga negeri-negeri lain di negara ini.

Pembangunan-pembangunan yang berlaku di sekeliling tuan-tuan dan puan-puan menjadikan tuan-tuan dan puan-puan bernasib baik. Tuan-tuan dan puan-puan berada hampir dengan projek lapangan terbang antarabangsa yang terbesar di rantau ini pelabuhan baru antara yang terbaik di rantau ini, dan lebu-lebuh raya antara yang terbaik mutunya di dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan tinggal dalam satu "kawah ekonomi" yang menguasai hampir 50 peratus daripada kuasa beli negara; tempat berkumpulnya cerdik pandai dan para cendekiawan, kawasan terbinanya universiti-universiti, pusat-pusat ilmu dan penyelidikan dan pembangunan. Tuan-tuan dan puan-puan tinggal dalam satu kawasan yang akan berkembang menjadi pusat kepada industri pengangkutan dan nadi kepada rangkaian pengagihan barangan yang terkemuka. Pendek kata, segala apa yang boleh dipanggil "pembangunan" berlaku di sini.

Namun begitu, persoalannya adalah apakah selamanya kita akan bergantung kepada nasib kita yang baik ataupun semata-mata kepada kedudukan kita yang strategik? Seharusnya, kita bertanya kepada diri kita dua soalan ini:

1) Di manakah orang Melayu berdiri di tengah-tengah

kepesatan pembangunan ini?

2) Apakah orang Melayu sudah mempunyai kekuatan yang tulen dibidang ekonomi, pengurusan, perdagangan dan perindustrian, yang membolehkan mereka berusaha sendiri dengan tidak, tanpa perlu lagi dibantu oleh kerajaan?

Sebenarnya, cabaran dan tanggungjawab besar yang harus sama-sama kita pikul dan laksanakan adalah mewujudkan masyarakat Melayu yang mampu meletakkan dirinya sebagai masyarakat yang menonjol, terkedepan, disegani dan berupaya menguasai ilmu dan kemahiran dalam bidang ekonomi, pengurusan, perdagangan dan perindustrian yang berkembang dalam industri yang mempunyai daya saing yang tinggi.

Apakah masyarakat Melayu hanya sanggup menjadi penonton kepada pembangunan yang berlaku di sekeliling mereka? Apakah masyarakat Melayu tidak sanggup bersaing, berkerja kuat, lambat untuk menguasai ilmu kemahiran ataupun mudah berpuas hati dengan pencapaian mereka yang sekadar "cukup makan"? Apakah masyarakat Melayu apabila memperolehi tanah untuk dibuat projek perumahan, hanya tahu menjual tanah itu kepada orang lain; apabila diberi kedai, menyewakannya pula kepada orang lain kerana tidak berani menceburi alam perniagaan; apabila mendapat tender, hanya bijak bertindak secara "*sub contract*" tender itu kepada orang lain dan menerima komisen?

Apakah masyarakat Melayu apabila diberi peluang mengikuti kursus gagal menggunakan sepenuhnya peluang itu dan sebaliknya menggunakan kesempatan itu untuk melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah? Apakah masyarakat Melayu masih tidur; masih lena dalam buaian subsidi, leka kerana selalu dibantu? Apakah apabila ketikanya negeri Selangor dikenali sebagai "*the premier state*" malangnya masyarakat Melayu masih belum "*premier*" dalam banyak bidang, malah dalam keadaan tertentu berada dalam keadaan yang ke bel-

kang atau "remote" dari bangsa-bangsa lain? Apakah masyarakat Melayu sanggup membiarkan Wawasan melahirkan Melayu Baru hanya tinggal pada konsep semata-mata oleh kerana mereka tidak bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita itu.

### **Rebut saat dan ketika ini.**

Allah SWT dalam firmanNya dalamm surah A'rad, ayat 11 yang bermaksud:

*" Sesungguhnya Aku tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri"*

Nabi Muhammad SAW pula bersabda, yang bermaksud:

*"Sesungguhnya, berfikir sesaat itu adalah lebih baik daripada sembahyang Sunat sepanjang malam."*

Berlandaskan kepada firman dan hadis ini, UMNO dan masyarakat Melayu seharusnya memikirkan dengan teliti dan mendalam bagaimana kita boleh memanfaatkan perkembangan-perkembangan yang berlaku di Eropah, di Lembah Klang dan juga di negeri Selangor untuk kemajuan dan kesejahteraan kita semua.

Sebagai pemimpin sama da di peringkat cawangan, bahagian mahupun negeri, kita harus melihat pembangunan yang berlaku di sekeliling kita dari satu pendekatan baru. Pendekatan ini adalah "KITA REBUT SAAT DAN KETIKA KEPESATAN EKONOMI INI BERLAKU".

Pentingnya untuk kita merebut ketika dan saat ini adalah kerana kita harus membuktikan bahawa kita tidak akan ketinggalan oleh kepesatan ekonomi sama ada yang berlaku di peringkat serantau ataupun "global". Agama Islam sama sekali tidak mahukan umatnya ketinggalan dalam menimba ilmu, termasuk yang berkaitan dengan bidang ekonomi yang boleh mengukuhkan umat Islam. Kejayaan dalam ekonomi

akan dapat menaikkan martabat umat Islam menjadi umat yang disegani, dihormati dan mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Sebagai penganut agama Islam adalah tanggungjawab kita untuk mempertingkatkan ilmu dan kemahiran supaya kita dapat menguasai bidang ekonomi, politik dan sosio ekonomi.

Firman Allah SWT dalam Surah AL-Asry, ayat 1 hingga 3 yang bermaksud:

*"Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar"*

Seperti yang telah saya nyatakan, konvensyen pada pagi ini adalah sangat penting bagi meletakkan satu landasan yang kukuh mengenai arah pembangunan sosio-ekonomi dan politik negeri Selangor untuk masa-masa akan datang, khususnya dalam menangani cabaran-cabaran tahun 2000. Secara rumusannya saya ingin memberi penekanan kepada tiga bidang utama, iaitu:

i) Cadangan bagai mewujudkan satu konglomeret besar di negeri Selangor yang akan menjadi pendokong dan penggerak utama jentera pembangunan negeri Selangor.

ii) Pentingkan satu kumpulan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang cemerlang di negeri Selangor.

iii) Persepsi negeri Selangor maju ke arah Wawasan 2005.

Saya berharap isu-isu ini dapat dikupas dan dibincang oleh para perwakilan semua di peringkat bengkel nanti.

### **Penutup.**

Akhir sekali, saya ingin meyatakan di sini bahawa UMNO mempunyai peranan yang sangat penting dalam membantu, membimbing, menggerak dan mencorakkan orang Melayu. UMNO dan orang Melayu perlu komited, mesti sensitif dan

peka terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. UMNO dan orang Melayu mesti mempunyai budaya ingin terus maju, aktif dan produktif, mempunyai daya tahan dan daya saing yang tinggi.

Bagi masyarakat Melayu yang akan membentuk masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera, mereka mestilah mempunyai budaya, sikap dan pemikiran antarabangsa. Kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan sentiasa memberi sokongan dan bantuan bagi mencapai matlamat tersebut. Dengan adanya berbagai program dan aktiviti yang dirancang oleh pihak kerajaan dan dibantu oleh pihak swasta, saya penuh yakin bahawa kerajaan Selangor akan terus menjadi unggul dan yakin dan menjadi sebuah negeri maju dalam semua bidang menjelang tahun 2005. Lebih penting, orang Melayu dapat menikmati sebahagian daripada kekayaan negeri ini dalam menjawab cabaran Wawasan 2020 yang dikemukakan oleh Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi dan hormati. Dan kunci kepada kejayaan ini, seperti yang saya katakan tadi adalah **"KITA MESTI BIJAK DAN CEPAT UNTUK MEREbut SAAT DAN KETIKANYA PEMBANGUNAN PESAT BERLAKU DI RANTAU INI"**.

Dengan harapan dan keyakinan bahawa kita sudah meletakkan azam dan tindakan kita sehaluan pada landasan yang betul bagi merebut saat dan ketika pembangunan pesat yang berlaku di rantau ini, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, saya membuka dengan rasminya Konvensyen UMNO Negeri Selangor bagi tahun ini (1992).





# MENANGANI ISU KEMISKINAN

SEBAGAI pemimpin yang menyedari tanggungjawab besar yang diamanahkan kepadanya, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib berpegang kepada falsafah - kepentingan rakyat mestilah diutamakan untuk membentuk kemakmuran sesebuah negeri. Rakyat mampu mewarnai corak serta bentuk sesebuah negeri. Sokongan rakyat dapat menentukan jatuh bangunnya sesaorang pemimpin. Kuasa rakyat harus dihormati. Begitu juga permasalahan yang mereka hadapi terpikul di bahu pemimpin untuk mengatasinya.

Selangor seperti juga dengan lain-lain negeri, tidak terlepas daripada masalah kemiskinan. Malah sejak lama, para pemimpin Selangor berusaha mengatasi masalah kemiskinan dulu dengan pelbagai pendekatan yang menelan belanja begitu besar. Langkah ini selaras dengan dasar kerajaan yang telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) di mana antara matlamat utamanya ialah untuk membasmi kemiskinan di negara ini.



Semenjak pendekatan-pendekatan ini dilaksanakan, masalah kemiskinan di Selangor berjaya dikurangkan tetapi ini bukan bermakna kerajaan negeri di bawah pimpinan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib sudah berpuas hati dengan penurunan kadar kemiskinan di negeri itu. Sebaliknya beliau kini dengan keazaman serta semangat yang berkobar-kobar sedang berusaha keras untuk mengatasi masalah ini menerusi pelbagai rancangan.

Dan sebagai pemimpin yang terkenal kerana perhatian beratnya terhadap masalah rakyat, beliau tidak mengambil mudah dalam melaksanakan setiap program membasmi kemiskinan yang diperkenalkan. Bagi menentukan program-program itu sampai kepada sasarannya, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, sering melawat ke kampung-kampung di luar bandar dan menyaksikan sendiri kesan daripada program itu ke atas golongan miskin.

Dari lawatan-lawatan ini, beliau mendapat maklumat balas serta mengetahui apa-apa kelemahan yang timbul. Syor-syor serta cadangan yang dikemukakan oleh golongan miskin diberi perhatian berat untuk memperbetulkan strategi program supaya dapat menepati matlamat sebenar.

Satu sikap tegas Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib, ialah bahawa beliau tidak teragak-agak untuk bertindak tegas terhadap sebarang penyelewengan di dalam rancangan-rancangan untuk golongan miskin, sama ada yang dilakukan oleh kakitangan awam ataupun ahli-ahli politik tempatan. Sikap tegasnya ini memberi kesan positif khususnya untuk membentuk sifat jujur di kalangan mereka yang terbabit dengan program-program tersebut.

Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib menyedari bahawa masalah kemiskinan di kalangan rakyat adalah wabak yang cukup merbahaya. Sekiranya kemiskinan terus membelenggu kehidupan rakyat, lambat laun ia boleh melemahkan keutuhan

sesebuah negeri. Atas kesedaran inilah selepas dipilih menjadi Menteri Besar Selangor mulai tahun 1986, beliau telah menyusun semula program-program membasmi kemiskinan di negeri ini.

Di samping memberi tumpuan terhadap usaha membasmi kemiskinan di Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib juga turut terlibat dalam pelbagai seminar tentang kemiskinan di peringkat nasional. Idea-idea serta cadangan yang dikemukakan telah membuka fikiran pelbagai pihak dalam menangani masalah kemiskinan secara lebih berkesan.

Dalam satu seminar tentang kemiskinan anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) - Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) pada 22 November 1992, Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib telah membenteng satu kertas kerja bagi Penubuhan Majlis Perundingan Nasional Tentang Pembasmian Kemiskinan. Kertas kerja ini dianggap oleh ramai pemerhati sebagai satu gagasan yang rasional. Oleh kerana kertas kerja ini mempunyai saranan-saranan yang jitu dalam menghuraikan permasalahan kemiskinan negara, maka amat wajar jika ia dimuatkan dalam buku ini. Di bawah ini adalah petikan daripada kertas kerja tersebut;

### **Kes bagi penubuhan Majlis Perundingan Nasional tentang pembasmian kemiskinan.**

\* Kertas ini adalah usaha untuk membentengkan satu cadangan mengenai pembentukan sebuah Majlis Perundingan Nasional Tentang Pembasmian Kemiskinan. Ia tidak pura-pura juga tidak mendakwa bahawa merupakan satu penyelesaian mutlak terhadap semua masalah yang ada kaitan dengan kemiskinan dan pembasmiannya. Ia hanya sekadar satu usaha menetapkan haluan baru dan memohon bagi idea-idea yang lebih kreatif. Adalah diyakini malah boleh dihujah bahawa satu haluan dan idea yang baru serta kreatif memang sangat-sangat diperlukan memandangkan perubahan pantas dalam keadaan

\* Kertas kerja Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib di seminar Kemiskinan anjuran ISIS-YBK pada 22 November 1992.

ekonomi dan politik dunia hari ini.

Berdasarkan latar belakang itu, kertas ini akan dibahagi-bahagikan kepada tajuk-tajuk berikut:

- \* Kemunculan cabaran-cabaran luaran.
- \* Cabaran kemiskinan.
- \* Pembasmian kemiskinan di Malaysia-satu gambaran umum.
- \* Penglibatan sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) dalam pembasmian kemiskinan.
- \* Pentingnya pembangunan sumber manusia dan modal manusia dalam pembasmian kemiskinan.
- \* Satu cadangan bagi penubuhan Majlis Perundingan Nasional Tentang Pembasmian Kemiskinan.
- \* Kesilapan-kesilapan pemikiran.
- \* Majlis Perundingan Nasional bagi Pembasmian Kemiskinan.

### **Cabaran luaran: Kemunculan satu order kelam kabut baru di tengah-tengah runtuhnya order lama.**

Semakin hampir kita ke penghujung abad ke-20, kebanyakan ciri-ciri dan sifat-sifatnya secara perlahan-lahan dihakis oleh ciri dan sifat yang agaknya menjadi ciri-ciri dan sifat-sifat abad akan datang. Apabila Kremlin dan Tembok Berlin runtuh logik dwi polar mengongkong minda banyak orang telah memberi laluan kepada pengertian-pengertian baru, penghujahan-penghujahan baru dan paradigma baru. Bagaimanapun pencarian itu ialah harapan untuk satu tata baru: Satu tata bagi sebuah dunia yang lebih baik dalam kurun akan datang. Tetapi apakah satu tata baru bagi dunia lebih baik akan muncul dari order yang ada sekarang?

Pencarian itu, menurut hemat saya, akan berterusan. Satu order baru masih belum muncul. Ia masih kabur. Dan ia akan terus kabur untuk beberapa ketika. Apa yang jelas ialah kemunculan satu bentuk baru bagi persaingan dan sengketa: satu persaingan dan sengketa bukan antara dua sistem yang

bertentangan, tetapi persaingan dan sengketa antara kuasa-kuasa ekonomi lama dan baru terhadap kuasa dalam sistem yang akan berjaya dari kejatuhan seteru-seteru lama. Faham perlindungan (protectionism) semakin menjadi-jadi hari ini. Bentuk yang paling melulu ialah persempadanan ekonomi yang menekankan pada keanggotaan yang eksklusif dan penyisihan mereka yang di luar.

Sesungguhnya detik-detik waktu hari ini dan esok bagi sebuah negara membangun kecil seperti Malaysia mencari satu bahagian kecil dalam ekonomi dunia adalah mencabar. Pertumbuhan ekonomi yang sudah perlahan akan terus bertambah perlahan. Dan akses kepada pasaran yang sudah terbatas, akan bertambah terhad jika itulah keadaannya, apakah relevannya cabaran-cabaran luaran terhadap masalah-masalah kemiskinan di Malaysia?

Sekalipun cabaran-cabaran luaran adalah tidak dapat dikawal, ekonominya, yang terbuka sudah tentunya terjejas. Namun begitu andainya pengurusannya dibuat dengan bijak dan berhemah seperti yang dilakukan pada mas lalu, saya yakin bahawa prestasi membanggakan dalam masa 30 tahun lalu boleh diulangi dan dipertahankan. Sejak hari kemerdekaan ekonomi kita mencatatkan pertumbuhan pada kadar 6.3 peratus setahun. Semasa zaman Dasar Ekonomi Baru, ekonomi kita merekamkan pertumbuhan 7.8 peratus setahun. Sejak 1987, tahun kita pulih daripada kemelesetan 1985-1986, ekonomi kita tumbuh pada kadar yang mengagumkan sebanyak 8.4 peratus setahun. Sesungguhnya ini adalah bukti ketahanan dan kekuatan ekonomi kita untuk menghadapi sebarang bentuk cabaran dan permusuhan.

### **Cabaran Kemiskinan: Masalah lama dan baru dalam keadaan yang berubah.**

Jika cabaran-cabaran luar ini adalah menggerunkan, saya mesti

tegaskan pada peringkat ini bahawa cabaran-cabaran dalaman jika sama atau malah lebih menggerunkan. Bagaimanapun, tidak seperti cabaran luaran, cabaran dalaman berada dalam kawalan kita. Di kalangan banyak cabaran dalaman yang dihadapi oleh negara, kemiskinan terus menjadi cabaran yang berpanjangan. Pertumbuhan ekonomi kita yang sihat di masa lalu memperlihatkan bahawa keadaan kemiskinan menurun dari 49 peratus pada 1970 kepada 17.1 peratus pada 1990. Kadar ini terus menurun kepada 15 peratus pada 1991. Satu kesilapan kecil dalam strategik atau kemelesatan kecil dalam ekonomi akan menyebabkan insiden kemiskinan ini meningkat semula.

Kerajaan dalam dasar-dasar yang diumumkan dan dokumen lain berazam untuk membasmi kemiskinan mutlak menjelang tahun 2000. Jadi, ia berazam untuk memasuki kurun akan datang bebas daripada masalah-masalah kemiskinan mutlak. Pada 1990, 143,000 isi rumah telah dikenal pasti sebagai golongan termiskinan ini bermakna bahawa setiap tahun kita mesti mengeluarkan 14,310 isi rumah daripada keadaan termiskinan jika kita mahu membasminya menjelang tahun 2000.

Dalam hubungan ini, tiga strategi utama perlu diambil. Pertama, untuk mengeluarkan golongan termiskinan daripada kemiskinan mereka; kedua, untuk memastikan bahawa mereka berada di luar garis kemiskinan, tidak kembali miskin; dan ketiga, untuk memastikan bahawa anak-anak golongan termiskinan tidak mewarisi kemiskinan ibu bapa mereka apabila mereka membentuk ketiga-tiga strategi ini adalah kait-mengait. Ia tidak bebas antara satu sama lain dan ia hendaklah dilaksanakan serentak. Kegagalan melaksanakan satu akan mengakibatkan yang lagi dua turut gagal.

Di samping masalah mendesak kemiskinan mutlak, kita perlu bersedia menghadapi dan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan kemakmuran ekonomi. Kejayaan

dan kemakmuran ekonomi pula berkemungkinan membiakkan kemiskinan yang berlainan jenis: Kemiskinan minda, nilai dan semangat. Dan kesan kemiskinan serupa itu ke atas masyarakat boleh menjadi serius.

Saya perlu menekankan di sini bahawa pembasmian Kemiskinan bukanlah satu usaha untuk mengurangkan bilangan sang kemiskinan. Pada hemat saya, apa yang lebih penting ialah proses akulturisasi (*acculturation*): Proses yang menjamin bahawa si miskin tidak terjebak semula dalam kemiskinan sebaik saja mereka keluar darinya dan proses yang memastikan bahawa mereka yang tidak miskin terlindung daripada kemiskinan.

Seorang penyair Arab bernama Khalil Gibran pernah berkata bahawa si miskin jangan sesekali diberikan ikan sebagai makanan. Sebaliknya mereka hendaklah diajar bagaimana untuk menangkap ikan bagi dijadikan makanan. Bagaimanapun saya ingin menambah kepada apa yang telah dinyatakan oleh Gibran. Si miskin harus diajar bukan saja menangkap ikan, tetapi mesti juga dididik bagaimana untuk membuat jaring, joran dan bagaimana untuk menjual ikan di pasar. Inilah yang saya maksudkan dengan proses akulturisasi. Si miskin mesti diajar untuk bebas dan berdikari.

**Pembasmian kemiskinan di Malaysia: Satu gambaran.** Di Malaysia, perhatian serius diberi terhadap pembasmian kemiskinan. Kerajaan sesungguhnya adalah komited dalam pelbagai programnya tentang pembasmian kemiskinan.

Di bawah Rancangan Malaysia keenam (RM6) kerajaan memperuntukkan RM600 juta bagi program pembasmian kemiskinan yang antara lain memberi penekanan terhadap penyediaan tempat tinggal yang agak baik untuk si miskin. Wang itu juga akan dibelanjakan untuk memenuhi keperluan makanan berkhasiat kanak-kanak yang tidak bernasib baik.

Projek-projek ekonomi seperti penanaman tanaman kontan dan pemeliharaan haiwan ternak akan dilaksanakan untuk menambah pendapatan orang miskin. Sebuah jawatankuasa penyelarasan telah dibentuk untuk menyegerakan penyelarasan program dan untuk memastikan sumber-sumber efisien yang sedia disalurkan kepada agensi-agensi yang relevan.

Satu tabung pusingan sebanyak RM500 juta telah dilancarkan untuk menggalakkan penabungan di kalangan orang miskin. Tabung yang diuruskan oleh Permodalan Nasional berhad (PNB) telah berjaya dalam membantu golongan termiskinan Bumiputera untuk melabur dalam Amanah Saham Bumiputera.

Sokongan juga diberikan kepada NGO dan sektor swasta. Pelaksanaan pinjaman Ikhtiar dan pembentukan Tabung Ikhtiar boleh diketengahkan sebagai contoh sokongan kerajaan itu.

Strategi dan program untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat diberi penegasan lanjut dalam Dasar Pembangunan Nasional (DPN) Rancangan Perspektif Kedua. Tatkala strategi asas Dasar Ekonomi Baru dikekalkan DPN memberi penekanan istimewa tentang pembasmian kemiskinan mutlak dan pada waktu yang sama meneruskan pengurangan kemiskinan relatif.

Strategi untuk membasmi kemiskinan di bawah DPN adalah bertujuan: Untuk melaksanakan satu program dan strategi lebih berkesan untuk mengurangkan kemiskinan tanpa mengira kaum dengan mengambil kira keperluan segenap lapisan masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar dan desa; untuk meningkatkan taraf hidup golongan termiskinan melalui program-program khas yang termasuk menghulurkan bantuan-bantuan langsung; untuk memberi lebih perhatian ke atas merapatkan jurang pendapatan dan memperbaiki taraf hidup mereka yang dalam kumpulan berpendapat rendah.

## **Penglibatan sektor swasta dan ngo dalam pembasmian kemiskinan.**

Sektor swasta dan NGO juga telah memainkan peranan yang menggalakkan dalam program pembasmian kemiskinan mereka. Dalam masa beberapa tahun lalu, beberapa NGO telah ditubuhkan untuk memerangi kemiskinan. Amanah Ikhtiar Malaysia dan Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor adalah antara contoh.

Bagaimanapun penyertaan sektor swasta hanya terbatas dalam pembiayaan dan pemberian kredit kepada orang miskin. Pembangunan sumber kemanusiaan adalah satu bidang yang masih belum diteroka oleh mereka.

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), sebuah badan amanah yang tidak membuat untung telah mengambil langkah yang berani untuk menubuhkan sebuah "bank" untuk si miskin. Ia memberi kredit mudah kepada golongan termiskin untuk membolehkan mereka terlibat dalam kegiatan yang menjana pendapatan.

Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor ditubuhkan pada 1990. Ia ditubuhkan untuk memperkenalkan haluan-haluan baru terhadap pembasmian kemiskinan melalui pendidikan dan latihan. Ia memberi fokus kepada program ekonomi dan keusahawanan dan projek-projek tindakan sosial. Ia juga telah melaksanakan kursus-kursus motivasi dan memajukan diri untuk si miskin. Ia juga telah menubuhkan satu pusat latihan teknikal untuk menyediakan kemudahan dan peluang kepada belia dari keluarga miskin untuk memajukan kemahiran mereka dengan bantuan pertubuhan seperti PNB, UMW Holdings dan Kontena Nasional dan membina asrama bagi anak orang miskin dan yatim piatu untuk meneruskan pelajaran mereka.

YBK juga telah berpindah kepada bidang pembangunan sumber kemanusiaan menerusi pembentukan Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor. Ini dilakukan dengan



kerjasama tujuh syarikat multinasional di Malaysia iaitu Motorola, Texas Instruments, Matsushita, Nipon Denso, Western Digital, Motosanto dan Sony Corporation. Pusat itu menyediakan latihan membangun kemahiran teknikal dan bukan teknikal dengan matlamat menyediakan buruh berkemahiran dan pakar-pakar pengurusan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia negara. Yayasan itu juga telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat gergasi seperti Kumpulan Sime Darby untuk menyediakan biasiswa teknikal dan skim aprentis bagi mereka yang tercicir di peringkat sekolah menengah meneruskan latihan teknikal dan vokasional.

### **Pentingnya pembangunan kemanusiaan dan modal.**

Pada hemat saya salah satu cabaran utama yang kita hadapi dalam kurun akan datang ialah kuasa otak penduduknya.

Adalah malang kadangkala kita gagal mengiktiraf potensi si miskin sebagai penyumbang, bukan pendapat faedah pembangunan. Adalah malang bahawa kita berfikir orang miskin hanya boleh dibantu dalam bentuk kewangan. Persepsi kita mesti bertukar. Kita harus berfikir bagaimana untuk memajukan kemahiran mereka, menyemai nilai-nilai keusahawanan di kalangan mereka dan memperkenalkan mata pelajaran bisnes.

Dalam hubungan ini, sumbangan sektor swasta hendaklah lebih tulus, lebih berfokus dan lebih bermakna. Cabaran dihadapi oleh swasta pada dasarnya adalah keperluan untuk menukar kerangka minda mereka dalam memerangi kemiskinan luar bandar.

Memandangkan begitu banyaknya sumber-sumber tenaga manusia di kalangan organisasi sektor swasta, ia boleh bertindak menjadi pemangkin dalam mendayausahakan strategi kejayaan dalam pembangunan sumber kemanusiaan di kalangan orang-orang miskin.

Cabaran perubahan dalam peranan sektor swasta memban-

tu si miskin memerlukan satu penyemakan semula program, dasar, visi dan pandangan korporat sejajar dengan tema keuntungan korporat bersama tanggungjawab sosial.

Dalam menangani masalah yang telah digariskan di atas, adalah mustahil untuk kerajaan mengendalikannya sendirian. Sektor swasta patut turut melaksanakan tanggungjawabnya sebagai warga korporat.

Di samping menjadi enjin pertumbuhan, ia juga patut menjadi enjin pengagihan. Bagaimanapun, tugas membasmi kemiskinan tidak harus diserahkan sepenuhnya kepada sektor swasta. Adalah tidak mungkin untuk sektor swasta berbuat demikian sendirian. Lagipun bukan fungsinya berbuat begitu. Ia sebenarnya adalah bertentangan dengan kewujudannya.

### **Kesilapan-kesilapan pemikiran.**

Tentang hal ini, izinkan saya mengemukakan dua kesilapan pemikiran kebanyakan kita. Kesilapan pertama yang menjadi pegangan kita semua ialah terdapat *dikotomi* yang jelas antara sektor swasta dan awam. Kebanyakan kita akan berhujah bahawa kedua-dua sektor itu tidak boleh bekerjasama ke arah mencapai objektif atau matlamat yang sama.

Kebanyakan kita juga akan berhujah bahawa sektor awam akan mengambil tempat yang tidak penting sekiranya sektor swasta diberi kebebasan dan keutamaan sebagai enjin pertumbuhan utama. Bagaimanapun bukti di banyak negara telah menunjukkan bahawa pemikiran itu adalah palsu.

Sesungguhnya, kerjasama rapat dan penyelarasan antara sektor-sektor awam dan swasta dengan jayanya telah mendorong pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan kebajikan rakyat di negara-negara itu. Persyarikatan Jepun adalah satu contoh. Kesilapan kedua yang dihadapi kita semua adalah program yang berkait dengan pembasmian kemiskinan adalah

anti pertumbuhan dan anti-keuntungan. boleh dihujah kerana pemikiran begitulah pembasmian kemiskinan diserahkan sepenuhnya kepada tanggungjawab kerajaan dan ia paling baik diselesaikan oleh kerajaan. Kerana itu jugalah sektor swasta mengambil pendirian dan pandangan bahawa ia tidak mampu untuk memainkan sebarang peranan untuk meringankan dan membasmi kemiskinan.

Kebanyakan bank komersial enggan untuk memberi apa bentuk pinjaman kepada si miskin. Si miskin difikirkan pemimpin yang tidak boleh dipercayai. Dikatakan bahawa pinjaman yang diberi kepada mereka tidak akan dibayar balik. Pendapat-pendapat serupa itu sudahpun dibuktikan tidak betul. Bank Grameen di Bangladesh dan AIM di Malaysia membuktikan bahawa si miskin jika diberi pinjaman, akan menjadi berguna.

Mereka sudah membuktikan bahawa pinjaman yang diberi boleh menjana pulangan yang baik kepada bank dan orang miskin. Mereka sudah membuktikan bahawa si miskin boleh menjadi penyumbang yang berkesan sebaik saja mereka bebas daripada jebak kemiskinan dan sebaik saja mereka terlibat dalam kegiatan ekonomi produktif, tanpa perlu bergantung kepada subsidi kerajaan.

### **Majlis perundingan kebangsaan tentang pembasmian kemiskinan.**

Karektor: Karektor majlis ini ialah tidak membuat untung dan organisasi swasta bukan kerajaan. Ia hendaklah dianggotai oleh orang-orang yang sama mada dan kumpulan berkepentingan dan yang komited untuk bekerjasama dengan kerajaan. Keahliannya hendaklah terbuka kepada ketua eksekutif perbadanan gergasi dan multinasional, wakil persatuan-persatuan sukarela, belia, wanita, profesional dan lain-lain. Pembiayaan majlis itu dan kegiatannya hendaklah

datang daripada sektor swasta. Kerajaan pula hendaklah menyediakan persekitaran yang kondusif bagi perjalan licin majlis dan kegiatannya. Ia juga hendaklah bertanggungjawab menyelaraskan program majlis itu.

**Objektif Strategik:** Majlis hendaklah mempunyai objektif strategik berikut - membasmi kemiskinan mutlak menjelang tahun 2000; memupuk satu budaya dermawan korporat; mencari dan menetapkan haluan baru dan idea kreatif dalam pembasmian kemiskinan; membetulkan ketidakseimbangan ekonomi; memupuk dan membentuk masyarakat penyayang; memupuk dan membentuk semangat setiakawan lebih besar di kalangan sektor swasta-swasta dalam merealisasikan masyarakat Malaysia yang kaya dan makmur dari segi ekonomi, budaya, semangat dan moral; dan untuk memulihkan, menyemai dan memperkukuhkan martabat, kebanggaan dan kemuliaan pendudukan melalui pengenalan dan penggunaan nilai-nilai positif.

**Fungsi:** Dalam cuba mencapai objektif stretejik di atas, Majlis Perundingan ini akan mempunyai fungsi berikutnya: bertindak sebagai perundingan, janakuasa dan pemangkin untuk mencapai objektif stetegik; membuat, menyelaras kegaitan-kegiatan dan programnya; merangka keperluan dan sumber bagi kegiatan dan program; dan untuk memupuk dan membentuk hubungan dengan organisasi antarabangsa yang mempunyai kegiatan dan objektif yang sama.

**Program:** Hendaklah meliputi penyelidikan dan maklumat, membangunkan sumber-sumber manusia melalui latihan formal dan tidak formal; kemiskinan dan migrasi urban khususnya untuk menangani penghijrahan 20,000 orang setahun ke Lembah Klang dan Selangor untuk mencari kerja yang akhirnya tinggal sebagai setinggal; dan lain-lain.





# SELANGOR PEJUANG SASTERA

\* TERLEBIH dahulu marilah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan keizinan-Nya jua dapat kita berhimpun beramai-ramai di Pinggir Tasik Lumu yang indah permai pada malam ini. Bagi pihak kerajaan Negeri Selangor, saya mengalu-alu dan mengucapkan selamat datang ke Shah Alam kepada saudara-saudari sekalian khasnya kepada peserta-peserta luar yang pertama kali berkunjung ke Ibu Negeri Selangor ini. Saya mengucapkan tahniah kepada GAPENA yang telah bergabung tenaga dan fikiran dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri bagi menjayakan perhimpunan Hari Sastera Kali Yang ke 10 ini.

Saya difahamkan bahawa tema Perhimpunan Hari Sastera pada kali ini ialah "Kecemerlangan Tamadun Malaysia Menjelang Abad 21". Bagi saya tema ini amat sesuai dan tepat pada waktunya kerana harapan YAB Perdana Menteri Malaysia melalui Wawasan 2020 ingin melihat negara ini menjadi negara mahu bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal tetapi

---

\* Ucapan Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib ketika merasmikan Hari Sastera 1993 pada 4 Jun 1993 di Shah Alam.

juga pembangunan mental. Kecemerlangan tamadun sesuatu bangsa itu adalah dinilai berasaskan tahap pembangunan kesusasteraan, kebudayaan dan pembangunan fizikal yang melahirkan identiti sesuatu bangsa.

Apabila kita mengimbas kembali sejarah tanahair di masa yang lampau kita tidak akan lupa sebuah hasil kesusasteraan Melayu yang unggul dan tinggi nilainya iaitu buku 'Sejarah Melayu' tulisan Tun Sri Lanang. Karya agung seperti ini amat penting kepada generasi masa kini sebagai bahan rujukan sejarah bangsa dan penggerak masyarakat untuk mewujudkan satu bangsa yang bertamadun tinggi.

Di sini jelaslah kepada kita bahawa sastera telah memainkan peranannya yang berkesan untuk memberi perkhabaran kepada generasi terkemudian bahawa pada suatu masa dulu wujud beberapa buah Kerajaan Melayu yang berpengaruh. Kita juga diperingatkan bahawa dalam menyatakan pengembangan kuasa dan pengaruh Kerajaan Melayu itu sastera juga turut memainkan peranan. Ini dijelaskan dalam Sejarah Melayu, ketika peperangan dengan Portugis memasuki saat sengit, pahlawan Melaka mengajak raja bersama-sama membaca Hikayat Amir Hamzah, iaitu sebuah kisah yang menceritakan tentang keberanian pahlawan Islam itu. Begitulah pentingnya sastera.

Ia diberikan semacam tanggungjawab sebagai pencatat sejarah bangsa sekaligus peristiwa di zamannya.

Orang-orang Melayu di zaman keagungan Kerajaan Melayu Melaka digambarkan dalam buku ini sebagai satu bangsa yang berjaya dari segi politik, perniagaan dan ketenteraan. Kita akan semakin terpukau apabila membaca Hikayat Hang Tuah sebuah lagenda agung yang menonjolkan kepahlawanan dan kepintaran pahlawan 5 bersaudara. Tidak ada ertinya jika kita hanya terpukau dengan kejayaan orang-orang Melayu di abad yang lampau tanpa menanamkan semangat dan azam untuk mengembalikan keagungan bangsa di masa hadapan.

Apabila kita beralih ke tahun-tahun 50an pula kita dapat melihat penulisan penulis-penulis seperti Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) telah berjaya menaikkan semangat masyarakat bagi memperjuangkan kemerdekaan tanahair. Kemudian pada tahun-tahun 60an, kita digerakkan motivasi bagi membasmi kemiskinan dan penyakit-penyakit sosial.

Di sinilah kita dapat melihat suara-suara perjuangan tanahair yang dipancarkan melalui puisi-puisi Saudara Usman Awang, Ishak Haji Muhammad, Kassim Ahmad, Baha Zain, Kemala dan lain-lain penulis seangkatan dengannya. Lebih hebat dari itu suara lantang Penyair Chairil Anwar dari Angkatan 45 yang membakar semangat dan perasaan rakyat Indonesia pada penghujung tahun 40an untuk menentang penjajah Belanda.

Pada tahun-tahun 70an pula, penulisan-penulisan lebih menjurus kepada peningkatan tahap ekonomi masyarakat dan kesedaran mengenai penerapan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran sistem kehidupan dan lain-lain.

Shahnon Ahmad misalnya, berjaya memaparkan kemiskinan dan penderitaan masyarakat miskin dengan begitu realistik dalam novelnya *Ranjau Sepanjang Jalan*. Orang Melayu digambarkan sebagai bangsa yang diselubungi kemiskinan, hidup diratapi air mata, nasib dipasrahkan kepada takdir, dan rezeki digenangi peluh keringat dan azam.

Sama ada kita sedari atau tidak, karya penulisan tokoh-tokoh penulis ini telah membawa perubahan yang jelas di dalam masyarakat Melayu sendiri. Tema yang digarap oleh Shahnon Ahmad misalnya telah menukar corak minda orang Melayu supaya memerangi kemiskinan secara habis-habisan.

Begitulah peranan sastera yang amat rapat hubungannya dengan masyarakat, pembangunan fizikal dan minda manusia, pergolakan hidup harian dan persoalan peraturan politik. Negara-negara Barat pula acapkali menggunakan karya sastera

itu sebagai bahan filem dan banyak filem-filem yang berjaya herhasil dari karya sastera ini. Di sini kita jangan malu untuk menyoal diri kita sendiri, mengapa karya-karya bermutu dan amat signifikens dalam sejarah bangsa kita seperti 'Salina'. 'Nyawa Di Hujung Pedang' dan sebagainya tidak diangkat untuk bahan filem? Suatu soalan lain yang perlu sama-sama kita renungkan ialah mengapa penulis-penulis kita tidak turut terlibat dengan tekun menghasilkan skrip untuk drama dan filem, sedangkan mereka mampu berbuat demikian? Semua ini adalah persoalan yang boleh kita jawab sendiri dan kita tidak boleh melarikan diri darinya kerana ia amat penting dalam memberikan gambaran mengenai budaya dan fikiran bangsa kita.

Hari ini, kita berhadapan dengan cabaran-cabaran menjadikan negara ini sebuah, negara maju dalam masa 27 tahun dari sekarang. Kita berdepan dengan cabaran-cabaran getir mewujudkan masyarakat yang tahan daya saing, tinggi daya juang, berfikiran antarabangsa dan sebagainya, yang inovatif dan progresif. Kita berharap penulis-penulis dan ahli-ahli sasterawan menjadikan tahun-tahun 90an tempoh bagi melahirkan karya-karya yang dapat membentuk pemikiran dan tindakan yang menggambarkan perlakuan masyarakat Melayu dan Malaysia yang positif dalam masa 27 tahun akan datang. Tahun-tahun 90an adalah tempoh bagi memperbanyakkan bahan-bahan bacaan mengenai pengetahuan minda baru orang-orang Melayu, minda masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera dalam bidang korporat. Tahun 90an adalah tempoh bagi kita menghasilkan bahan-bahan bacaan mengenai bagaimana masyarakat Melayu dan masyarakat Malaysia boleh menguasai bidang-bidang yang 'specialise' seperti pengurusan, penyelidikan dan pembangunan, teknologi komputer, teknologi perniagaan dan simpankira dan lain-lain. Penulisan-penulisan seperti inilah yang harus diperbanyakkan supaya kita lebih



berpijak di bumi nyata dalam mengharungi cabaran zaman.

Cerpen-cerpen, novel-novel dan penulisan-penulisan Malaysia hari ini mesti membebaskan diri daripada dibelenggu oleh tema-tema lama seperti kecewa dalam percintaan, patah hati ditinggalkan kekasih, lemah semangat dan mudah putus asa.

Sebagai bangsa yang baru membangun setelah beberapa abad dijajah oleh kuasa-kuasa barat, maka kita semua harus memainkan peranan memajukan tamadun bangsa kita ke tahap setinggi yang mungkin. Perkara ini penting difahami oleh para penulis, penerbit dan karyawan seluruh negara. Bagi menghadapi abad ke-21 yang tentunya lebih mencabar, kita memerlukan watak bangsa Melayu berjiwa baru. Oleh kerana kita hidup dalam dunia yang berkebudayaan global, kita harus terbuka menghadapi segala cabaran. Dalam hal ini kita harus merumuskan cara untuk membina nilai-nilai murni bagi membentuk sikap dan nilai Melayu baru.

Melayu baru yang hendak kita lahirkan adalah Melayu yang berani, dinamik, tahan daya saing, tinggi daya juang, berfikiran antarabangsa, tabah dan cekal menghadapi cabaran.

Golongan penulis, sasterawan dan karyawan bukan sekadar perakam peristiwa-peristiwa zamannya sahaja. Sebaliknya dia berkemampuan untuk memaparkan atau mempersiapkan minda pembaca untuk menghadapi zaman akan datang. Sesuai dengan cita-cita tersebut, iaitu untuk membentuk watak Melayu baru, saya berharap para penulis dapat memainkan peranan yang positif ke arah pencapaian matlamat ini.

Perbanyakkan hasil karya sastera yang menggambarkan masyarakat Melayu dan Malaysia yang berjiwa tahan lasak, tinggi daya saing dan daya juang, berfikiran progresif, dinamik dan berani mengambil risiko dan mampu menguasai teknologi. Ciri-ciri ini adalah ciri-ciri masyarakat yang sesuai untuk menghadapi cabaran Wawasan 2020, seperti yang disarankan

oleh Perdana Menteri yang kita kasihi, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sepertimana yang pernah saya sarankan dalam mesyuarat Agung GAPENA tempoh hari, satu peraduan menulis novel yang memberi penekanan kepada penukaran minda bangsa Melayu kepada minda Melayu Baru elok diadakan. Penulisan tersebut tidaklah pula sampai mengabaikan langsung nilai-nilai kesusteraan yang bermutu tinggi. Hasil karya yang terpilih tersebut boleh diketengahkan sebagai bahan bacaan di sekolah-sekolah menengah.

Saya berharap perhimpunan Hari Sastera '93 ini akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta untuk membincangkan persoalan-persoalan tamadun Melayu semasa, dan merumuskan agenda untuk menghadapi abad ke-21, suatu abad yang penting bagi bangsa-bangsa yang mendiami daerah Asia-Pasifik. Ini adalah kerana diramalkan bahawa abad 21 adalah era Asia-Pasifik dengan jangkaan bahawa pentas ekonomi dunia akan bergerak ke rantau sebelah sini.

Tidakkah kita pernah terfikir bagaimana penguasaha filem di Amerika Syarikat berjaya menimbulkan semangat bangsa Amerika sehingga sebahagian besar masyarakat negara kita sendiri berasa bahawa serba-serbi mengenai Amerika itu agung dan lengkap. Memang itulah yang hendak digambarkan oleh Amerika dengan semangat baru yang selalu mereka laungkan: *AMERICAN DREAM*. Oleh itu hampir seluruh siaran TV kita secara tidak langsung turut mengumandangkan semangat America Dream itu, iaitu melalui siaran-siaran popular, termasuk cerita kartunnya.

Mengambil iktibar dari apa yang dapat kita saksikan daripada perkembangan itu, saya ingin mencadangkan Kerajaan negeri Selangor memperluaskan peranan sastera ini supaya ia mampu menjadi salah satu agen pembangunan negara dan masyarakat, khususnya bagi membina nilai-nilai murni, dan

dalam masa yang sama membina semangat baru yang tahan lasak serta berfikiran maju.

Untuk tujuan itu sukaiah saya mencadangkan supaya suatu forum khusus, buat sementara saya katakan "*Selangor's Cultural Scheme*" perlu diadakan. Skim ini berupa sebuah institusi bagi memikirkan program seni sastra dan budaya Selangor dan dilaksanakan secara teratur untuk tujuan membangun sastra melalui pelbagai kegiatan, sekaligus mendekatkan sastra kepada masyarakat. Jika Sultan Idris Trining College, Tanjung Malim sekarang dikenali sebagai Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pernah berjaya mengadakan bahan bacaan yang cukup menarik untuk generasi muda suatu ketika dulu, saya yakin dengan bantuan dari pelbagai agensi seperti DAP, intitusi pengajian tinggi, persatuan penulis seperti GAPENA, PENA, Persatuan Penulis Selangor dan sebagainya, program ini akan berhasil. Sekarang terpulanglah kepada kalangan sasterawan untuk mengambil kesempatan ini bagi merealisasikan skim ini.

Banyak perkara yang boleh dimasukkan ke dalam perbincangan mengenai skim itu nanti. Suatu hal yang tidak seharusnya ditinggalkan ialah mengadakan pentadbiran yang secocok dengan falsafah skim itu. Ini semua boleh dilaksanakan secara halus dalam program pelancongan dan kegiatan ekonomi di mana-mana sahaja. Jika sejak sekian lama kita disogokkan dengan wadah telinga mata yang tidak pun menunjukkan unsur tempatan, apa salahnya wadah telinga dan mata ini diberikan nafas baru dengan menonjolkan unsur-unsur sastra yang dihasilkan oleh sasterawan dan budayawan tanahair. Melalui skim ini peranan sastra dapat ditingkatkan dengan penuh bergaya. Puisi, pantun, drama pasti akan menjadi menarik jika diberikan platform yang wajar, dan dalam masa yang sama memberikan ruang bagi sasterawan dan budayawan kita mengambil peranan cergas.

Saya amat yakin, dengan penyelenggaraan yang wajar dan tidak dengan terburu-buru, hal ini dapat dijayakan dan ia pasti juga akan memberi manfaat kepada sasterawan kita. Apakah tidak wajar jika kita mengangkat sasterawan bidayawan kita untuk menjual negara sendiri ke perhatian khalayak yang lebih besar.

Sealiran dengan cadangan itu suatu tempat yang agak istimewa kedudukannya haruslah difikirkan. Di negara maju, termasuk di Indonesia negara jiran kita sendiri, ruang khas untuk kalangan sasterawan dan budayawan mencurahkan ilmu dan beraksi diadakan dengan cukup prihatin. Tempat yang mereka pilih cukup menarik dan amat strategik. Pusat Budaya Australia, yang turut menempatkan teaternya terletak di tengah air, iaitu di Bandar Sydney. Taman Ismail Marzuki di Indonesia terletak ditengah-tengah kota Jakarta yang sibuk itu. Broadway di Amerika selalu menjadi tumpuan kerana persembahannya yang terpilih. Begitu juga dengan Kota Berlin dan London yang sering berjaya mengadakan persembahan istimewa.

Saya percaya sebuah pusat persembahan yang sedemikian menarik juga perlu diadakan Selangor ini, khususnya di ibu negeri Selangor yang sedang mempersiapkan diri untuk menjadi negeri contoh di Malaysia.

Namun, saya amat yakin untuk mengadakan gagasan yang begitu besar dan menarik ia memerlukan sokongan yang tidak kurang kuatnya dari budayawan dan sasterawan sekalian. Kerajaan Negeri Selangor sahaja tidak mungkin sanggup mengadakan skim begitu besar tanpa mendapat sokongan padu dari anda semua.

Kerajaan Negeri Selangor sangat menghargai sumbangan GAPENA untuk memajukan bangsa Melayu dan bangsa Malaysia dari aspek pemikiran. Atas kesedaran tersebut, Kerajaan Negeri akan terus memberikan sokongan agar kegiatan-kegiatan murni GAPENA dapat diteruskan. Saya

yakin tenaga kepimpinan GAPENA akan dapat memanfaatkan sokongan Kerajaan Negeri Selangor ke arah kegiatan yang positif demi meningkatkan tamadun bangsa Melayu Baru, Insyaallah.

Akhirnya dengan kalimah saya dengan sukacitanya melancarkan perhimpunan Hari Sastera '93 siri yang ke-10 ini. Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



**“ KITA MESTI BERUSAHA MENENTUKAN WALAUPUN  
KEMAJUAN DICAPAI, ORANG MELAYU AKAN INSAF DAN SEDAR  
SERTA BERPEGANG TEGUH KEPADA AJARAN ISLAM. DENGAN ITU  
KITA TIDAK AKAN DILANDA MASALAH SEPERTI YANG  
DIALAMI OLEH NEGARA MAJU.”**

*-Dr. Mahathir Mohamad.*

**“MELAYU BARU TIDAK TIMBUL SENDIRI MELALUI EVOLUSI. IA  
MESTI MELALUI PROGRAM, KEMUDIAN MENYERAP, DIFIKIR-  
KAN DAN DIJADIKAN LEGENDA OLEH PELBAGAI LAPISAN MASYA-  
RAKAT. MELAYU BARU MESTI DIGAMBARAKAN SEBAGAI MELAYU  
YANG BERJAYA - LEPAS DARIPADA PENJAJAHAN DI MANA HARI  
INI KITA MERDEKA DAN KINI MENUJU KE ERA  
KECERMELANGAN.”**

*-Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib.*

Gagasan Melayu Baru menjadi topik yang tidak habis-habis diperkatakan. Gagasan ini boleh dianggap 'blueprint' kepada wajah Melayu Baru dalam dekad akan datang. Ada pelbagai analisa dan komentar dikemukakan oleh cerdik pandai Melayu tentang gagasan ini, namun belum menghasilkan satu kesimpulan yang jitu. Buku ini mengajak pembaca berfikir dengan lebih serius tentang gagasan tersebut dengan memahami masalah-masalah pokok bangsa Melayu, kelemahan serta kekuatan mereka termasuk hubungannya dengan Islam yang menjadi pegangan mereka sejak zaman bersaman. Penulis bukan sekadar mengemukakan analisa yang logika dan menyakinkan tetapi menyatakan cabaran-cabaran getir yang bakal menghalang kejayaan gagasan ini.

ISBN 9-8389-6001-2



9 789838 960014



**Unit Penerbitan Buku  
INTISARI SEKUTU (M) SDN BHD**